

Bil. 18

**Rabu
24 April 1996**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 1]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pasport (Pindaan) 1995	[Ruangan 17]
Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 1996	[Ruangan 32]
Rang Undang-undang Hakcipta (Pindaan) 1996	[Ruangan 65]
Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 1996	[Ruangan 73]

USUL-USUL:

Menangguhkan Bacaan Kali Kedua Rang Undang-undang Angkatan Tentera (Pindaan) 1996 di bawah Peraturan Mesyuarat 62	[Ruangan 64]
Waktu Mesyuarat dan Urusan Yang Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	[Ruangan 46]

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI
DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI
ANWAR BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K.,
D.M.P.N. (Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, D.G.S.M.,
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J.,
D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK,
P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI
DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S.
(Kuala Selangor).

„ Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P.,
D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN
CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

„ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T.,
J.P. (Bentong).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN
DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N.
(Kuala Rajang).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING,
P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW
PEH, D.P.M.P. (Gopeng).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR,
D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- „ Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJUL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DR. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK WIRA MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB BINTI ABU BAKAR S.M.J. (Tebrau).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH, P.J.K. (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAHAB, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MUHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR. HAJI SHAFIE BIN MOHD. SALLEH, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN D.P.M.J. (Tenggara).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL, P.G.D.K. (Semporna).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL, P.J.K. (Hulu Selangor).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- „ TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ TUAN ABDUL RAHIN BIN DATO' MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- „ DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG, A.M.N. (Kuala Pilah).
- „ TUAN AHMAD HUSNI BIN MOHD. HANADZLAH, P.P.T., A.M.P. (Tambun).
- „ TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA, P.J.K. (Jerantut).
- „ DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok).
- „ PUAN AINON KHARIYAH BINTI DATO' MOHD. ABAS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- „ TUAN AMIHAMZAH BIN AHMAD (Lipis).
- „ DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Marudu).

Yang Berhormat TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).

- .. DATO' HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan).
- .. TUAN HAJI BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ, A.S.A. (Hulu Langat).
- .. TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- .. TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- .. TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timor).
- .. CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA, P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- .. TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- .. DATO' JOSEPH CHONG CHEK AH, D.S.P.N. (Batu).
- .. PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- .. TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- .. TUAN FU AH KIW (Mentakab).
- .. TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- .. DATO' HAJI HANAFI BIN RAMLI, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun).
- .. TUAN HASHIM BIN ISMAIL, P.P.N., P.I.S. (Ledang).
- .. TUAN HENRYNUS AMIN, A.D.K. (Kinabalu).
- .. DATO' HEW SEE TONG, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar).
- .. TUAN HO CHEONG SING, A.M.N. (Ipoh Barat).
- .. DATO' HON CHOON KIM, D.S.N.S. (Seremban).
- .. TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- .. TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- .. PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- .. TUAN JACOB DUNGAU SAGAN, P.P.B. (Baram).
- .. DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN DATO' MOHD. JARJIS, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin).
- .. TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- .. TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- .. TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- .. TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- .. DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- .. DATO' DR. KAMAL BIN SALLEH, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju).
- .. TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).
- .. TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- .. DR. L. KRISHNAN, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang).

Yang Berhormat TUAN LAU NGAN SIEW, A.D.K. (Sandakan).

- „ DR. LEE CHONG MENG (Bukit Bintang).
- „ DR. G. LEELAVATHI, A.M.N. (Kapar).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- „ PUAN LIM LAY HOON, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM SI CHENG, P.I.S. (Senai).
- „ TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- „ DATO' HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).
- „ DR. MAXIMUS JOHNITY ONGKILI, A.S.D.K., J.P. (Bandau).
- „ TUAN MD. ISA BIN SABU (Kangar).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA, B.B.S. (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ DATUK MOHD. SALLEH BIN TUN SAID, P.G.D.K. (Kota Belud).
- „ DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- „ TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K., J.P. (Hulu Terengganu).
- „ TUAN HAJI NIK MOHD. AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN NOH BIN OMAR, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- „ DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DATO' OTHMAN BIN ABDUL, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN PAUL NOUTIN, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN PHILIP YONG CHEW LIP, A.D.K. (Gaya).
- „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Tenom).

Yang Berhormat DR. RAMLI BIN TAIB (Kemaman).

- „ MULIA TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM, P.P.B. (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD, P.I.S. (Parit Sulong).
- „ DATO' SALAMON BIN SELAMAT, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- „ DATUK S'NG CHEE HUA, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau).
- „ DATUK SONG SWEE GUAN, P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ CIK SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- „ DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED, D.J.M.K., J.P. (Machang).
- „ DR. TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- „ DR. TAN KEE KWONG (Segambut).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- „ DR. TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ DR. TAN YEE KEW (Kelang).
- „ TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- „ TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN, P.I.S. (Gelang Patah).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN, B.K.M. (Pokok Sena).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR, P.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ TUAN WONG KAM HOONG, K.M.N. (Bayan Baru).
- „ DATO' YAP PIAN HON, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang).
- „ DR. YAP YIT THONG, A.M.P., A.M.N. (Lumut).
- „ DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- „ TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- „ TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- „ TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- „ DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB, A.D.K. (Sipitang).
- „ TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- „ TUAN HAJI ZAINUDDIN BIN HAJI MOHAMAD NOR, S.M.K. (Pasir Mas).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat:	Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha:	Said bin Sidik.
Pmk. Ketua Penolong Setiausaha:	Abdullah bin Abdul Wahab.
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman.

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah.
Pelapor Perbincangan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Haji Suhor bin Husin. Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop. Hajah Supiah binti Dewak. Mohamed bin Osman. Hajah Norishah binti Mohd. Thani. Zaharah binti Naim. Norwahidah binti Azizi. Jainah binti Sakimin. Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop. Shamsina binti Janor.

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat:	Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib. Mejar (B) Zakaria bin Salleh
--------------------	------------------------------------------------------------------------------------

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Rabu, 24hb April, 1996

*Mesyuarat dimulakan pada pukul
2.30 petang*

D O A

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PELAJAR ALIRAN SAINS DAN
SASTERA DI SEKOLAH
MENENGAH—PERATUS
PERBEZAAN

1. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman (Pokok Sena) minta Menteri Pendidikan menyatakan perbezaan peratusan pelajar-pelajar Sains dan Sastera di sekolah menengah di negara ini dan apakah tindakan Kementerian Pendidikan agar pelajar-pelajar lebih berminat kepada aliran Sains. Sebagaimana mengatasi kekurangan guru-guru aliran Sains, apakah galakan yang telah diberi bagi menarik minat mahasiswa aliran Sains untuk menjadi guru.

Menteri Pendidikan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, nisbah pelajar sains berbanding bukan sains untuk jangka masa tiga tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Peratusan Pelajar Sains	Peratusan Pelajar Bukan Sains
1993	22	78
1994	24	76
1995	22.9	77.1

Antara tindakan-tindakan tambahan yang diambil oleh Kementerian Pendidikan supaya pelajar lebih berminat dalam bidang sains ialah:

- (i) Ekspo Pendidikan yang dijalankan di peringkat negeri telah memberi penekanan mengenai hal ehwal kerjaya dalam bidang sains kepada pelajar-pelajar sekolah;
- (ii) Guru-guru Bimbingan dan Kaunseling telah memberi penerangan dan bimbingan tentang peluang kerjaya bagi pelajar-pelajar yang mengambil mata pelajaran Sains Tambahan;
- (iii) Kementerian Pendidikan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Khas Mengkaji Perkhidmatan Pendidikan Malaysia. Di antara perkara yang dikaji termasuklah soal untuk mendapatkan lebih ramai graduan sains menceburi bidang perguaran;
- (iv) penambahan aliran dan kelas sains dan mata pelajaran teknik di sekolah-sekolah asrama penuh, sekolah harian dan sekolah-sekolah menengah kebangsaan agama;
- (v) menaikkan taraf 69 buah sekolah vokasional menjadi sekolah teknik; dan
- (vi) pencapaian pelajar dalam mata pelajaran sains akan ditingkatkan melalui Program Gerak Gempur Sains. Kementerian berharap seramai 60% daripada pelajar-pelajar akan memilih elektif sains pada masa yang terdekat.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan:

- (a) adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa kekurangan guru-guru sains disebabkan aliran sains ini memakan masa yang panjang di universiti. Jadi, apabila mereka keluar untuk menjadi guru, seniority mereka akan ke belakang daripada guru-guru aliran sastera; dan

- (b) tidak adakah rancangan kerajaan supaya guru-guru kaunseling atau guidance teacher ini terdiri daripada guru-guru sains, sebab guru-guru kaunseling yang ada sekarang ini kebanyakannya daripada art stream, jadi selama ini mereka tidak ada lagi guru-guru kaunseling yang beraliran sains. Sungguhpun saya faham bahawa kita kekurangan guru-guru sains, tetapi kita perlu guru-guru kaunseling juga terdiri daripada aliran sains supaya dapat memberi minat yang lebih kepada pelajar-pelajar?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Dalam skop Jawatankuasa Khas yang telah ditubuhkan oleh kementerian, keperluan untuk menambahkan bilangan guru-guru sains akan diambil kira daripada segala sudut, termasuklah pandangan yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun, bagi setengah daripada kursus sains tidaklah memakan masa yang lebih lama daripada jurusan sastera.
- (b) Guru-guru kaunseling memang kita memberi penekanan kepada guru-guru yang ada pengkhususan dalam bidang psikologi, sebab kepakaran dalam bidang kaunseling terasnya ialah penguasaan ilmu psikologi. Saya yakin bahawa sekiranya kita dapati ada surplus, dengan izin, guru-guru sains yang akan datang dan mereka yang ada minat dalam bidang kaunseling, boleh dipertimbangkan untuk menjadi guru kaunseling sepenuh masa.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan keperluan tenaga dalam

mereka yang berkepakaran dalam bidang sains begitu meningkat, apakah kementerian bercadang untuk mengenal pasti murid-murid yang menonjol dalam pelajaran sains dari peringkat sekolah rendah ataupun tadika lagi? Bukan cuma cara yang ada sekarang iaitu melalui keputusan mata pelajaran PMR ataupun di sekolah menengah?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa apa yang perlu dilakukan ialah untuk membudayakan pembelajaran sains daripada peringkat sekolah rendah dan sebagainya. Apa yang ditekankan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah satu yang sedang dalam perhatian pihak kementerian selain daripada perkara-perkara yang saya sudah sebutkan tadi, tetapi minat untuk mempelajari mata pelajaran sains mesti ditanam lebih awal lagi.

JAWATANKUASA KEBANGSAAN ALAM SEKITAR— PENGGUBALAN STANDARD ISO 14000

2. Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan mengenai piawai ISO 14000:

- (a) apakah kemajuan terkini bagi keenam-enam Jawatankuasa Kecil di bawah Jawatankuasa Nasional Mengenai Standard Alam Sekitar (National Committee on Environmental Standards), SIRIM, ke arah penggubalan standard ISO 14000 dan pelaksanaannya di Malaysia; dan
- (b) apakah objektif Standards Development Trust Fund yang ditubuhkan oleh Lembaga SIRIM dan apakah aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan sehingga kini.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat;

- (a) Kesemua Jawatankuasa Kecil di bawah Jawatankuasa Kebangsaan Alam Sekitar (National Committee on Environmental Standards) terlibat secara aktif di dalam penggubalan standard 14000 dengan memberi ulasan dan mengundi draf standard berkaitan dengan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (Environmental Management System) serta menghadiri mesyuarat ISO/TC 207 dan Jawatankuasa-jawatankuasa kecilnya.

Melalui Jawatankuasa ini, SIRIM sebagai badan Standard Kebangsaan telah menerimapakai 5 draf standard ISO yang berkaitan sebagai Standard Malaysia Sementara. SIRIM juga telah mula menjalankan Skim Pendaftaran Pengurusan Alam Sekitar mengikut standard ISO 14000 kepada syarikat-syarikat yang melaksanakan pengurusan alam sekitar menepati standard tersebut.

- (b) Objektif Tabung Amanah Pembangunan Standard (Standard Development Trust Fund), dengan izin, adalah untuk membiayai aktiviti-aktiviti penstandardan di dalam negara dan di peringkat antarabangsa. Ini termasuk aktiviti-aktiviti pembangunan standard Malaysia, pembangunan standard oleh Agensi Penyediaan Standard (SWO-Standard Writing Organisation) dengan izin, dan menghadiri mesyuarat-mesyuarat teknikal antarabangsa yang berkaitan dengan penstandardan yang memberi kepentingan kepada Malaysia. Setakat ini Tabung

Amanah ini telah membiayai seorang wakil menghadiri mesyuarat ISO/TC 207, 'Environmental Management' pada tahun 1995. Kini tabung ini sedang membiayai kajian mengenai "Code of Practice for Earthworks".

Pada masa ini, tabung ini mempunyai baki sebanyak RM12,533.46. Untuk menjayakan aktiviti penstandardan kebangsaan, sumbangan daripada sektor awam dan swasta amatlah diperlukan untuk terus membantu mengisi tabung amanah ini.

Tuan Md Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan tambahan. ISO 14000 telah pun digubal dan setakat manakah penggunaan dan pelaksanaannya di kalangan kilang-kilang atau industri dan setakat mana responsenya yang telah pun kita dapati, dengan izin, comply, kepada ISO 14000 ini.

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kangar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat setakat ini SIRIM telah menyiarkan maklumat ini secara terbuka dan sebanyak 32 syarikat telah menyahut seruan ini dan SIRIM sedang berusaha sama dengan syarikat-syarikat berkenaan dan SIRIM masih mengalukan mana-mana pihak yang ingin menyertai program ini. Kilang-kilang ini terdiri daripada berbagai sektor termasuk sektor kelapa sawit, elektronik dan syarikatnya adalah terdiri daripada syarikat MNC (Multi-National Corporation), dengan izin, dan kilang-kilang atau syarikat tempatan.

Seperti yang dikatakan, terdapat sebanyak 5 draf standard telah diterimapakai buat sementara sahaja dan ia akan dipakai secara rasminya selepas ia diluluskan oleh semua ahli ISO nanti.

**PROJEK BEKALAN AIR DAN
TANDAS DI KAWASAN
LUAR BANDAR NEGERI SABAH**

3. Puan Chua Soon Bui (Tawau) minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah peruntukan yang dikhususkan untuk projek bekalan air bersih (clean water supply) dan kemudahan tandas bagi kawasan luar bandar di negeri Sabah amnya dan di Tawau khususnya;
- (b) apakah masalah yang dihadapi oleh Kementerian dalam usaha berkenaan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bagi tahun 1996, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah telah menerima peruntukan sebanyak RM6,439,500.00 untuk melaksanakan projek-projek bekalan air dan tandas di kawasan luar bandar. Daripada jumlah ini, daerah Tawau diperuntukkan sebanyak RM110,620 untuk projek pembinaan tandas dan RM32,000 untuk membina projek air jenis telaga terkawal.
- (b) Di antara masalah-masalah yang biasa dihadapi semasa pelaksanaannya ialah seperti berikut:
 - (i) penangguhan pelaksanaan projek disebabkan kakitangan kesihatan digunakan untuk mengawal wabak penyakit berjangkit;
 - (ii) kurang perhubungan jalanraya yang baik menyebabkan kesukaran untuk membawa peralatan dan bahan bina ke tapak projek;

- (iii) kurang penyertaan masyarakat tempatan di beberapa buah kawasan yang menyebabkan projek terpaksa ditangguhkan.

Walau bagaimanapun, beberapa langkah terancang telah pun diusahakan bagi mengatasi masalah-masalah di atas seperti pertukaran tugas sementara (temporary deployment), dengan izin, perkuatkan hubungan awam dan pendidikan kesihatan serta pelaksanaan projek secara kontrak.

Tuan Kamarudin bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya tumpang bertanya soalan tambahan. Menyentuh tentang proses ataupun projek bekalan air bersih di kampung-kampung, khususnya di rumah-rumah anggota PPRT, pada suatu peringkat dahulu pihak kerajaan melalui Kementerian Kesihatan telah menukar cara daripada memberi takungan air hujan kepada paip-paip air yang lebih kurang 300 meter bagi tiap-tiap rumah. Adakah perkara-perkara ini ataupun bekalan-bekalan ini diteruskan lagi bagi seluruh negara?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini sistem yang digunakan oleh projek Kementerian Kesihatan adalah bercorak sistem graviti, telaga terkawal dan sistem tadahan air hujan.

Tuan Yunof Edward Marinking: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan, memandangkan tadi Yang Berhormat telah berkata bahawa kadang-kadang ada kelambatan untuk menyiapkan kemudahan tandas di kawasan kampung itu oleh kerana pegawai-pegawai yang berkenaan terlibat di dalam pengawalan wabak taun. Jadi, antara sebab wabak taun itu berlaku ialah kemudahan tandas yang begitu tidak memuaskan di kebanyakan kampung di seluruh Sabah, khususnya.

Jadi, soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah adakah kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh nanti akan memperhebatkan penyediaan kemudahan-kemudahan tandas di kampung-kampung itu sebagai usaha untuk membanteras wabak taun terutama di penempatan-penempatan di mana banyak pendatang asing dan tidak pula mempunyai bekalan air.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya projek yang dinamakan projek BAKAS adalah satu program kesihatan di bawah aktiviti Bekalan Air dan Kebersihan Alam Sekitar yang telah diwujudkan semenjak 1973 lagi yang bertujuan untuk mengawal penyakit-penyakit bawaan najis seperti taun, cacing, kepialu, cirit birit dan lain-lain.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi negeri Sabah liputan bekalan air bersih di seluruh kawasan luar bandar ialah sebanyak 82.4% yang melibatkan pelbagai sistem bekalan air daripada 3 Jabatan—JKR, JKM dan KTLB dan pihak swasta dan jumlah rumah yang dianggarkan telah mendapat bekalan air ini adalah sebanyak 143,449 iaitu daripada 173,984 buah rumah yang terdapat di seluruh kawasan luar bandar di negeri Sabah. Jadi, bermakna tinggal sebanyak 18% lagi yang sekarang diberi tumpuan dalam peruntukan yang telah diperuntukkan bagi negeri Sabah seperti yang saya katakan.

Manakala bagi kemudahan tandas, negeri Sabah telah mencapai liputan 82.3% atau sebanyak 143,157 buah rumah di luar bandar yang telah menggunakan tandas bagi amalan pembuangan najis mereka yang juga tinggal baki kurang daripada 18%. Jadi, seperti yang saya maklumkan, antara cara-cara yang hendak kita percepatkan yang sudahpun diambil tindakan ialah cara deployment, dengan izin, ataupun membuat tukaran tugas

sementara dan juga secara kontrak kerana usaha secara gotong royong yang digalakkan oleh kementerian itu didapati agak lambat dan biasanya mengendalakan projek. Sebab itulah kementerian telah mengambil tindakan untuk menjalankannya secara kontrak, walaupun ia agak lebih mahal sedikit.

GERAKAN DESA WAWASAN— PELAKSANAAN

4. Puan Rohani binti Abd. Karim (Santubong) minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan tentang Gerakan Desa Wawasan. Setakat ini bagaimanakah pelaksanaannya dan di mana.

Menteri Pembangunan Luar Bandar (Dato' Haji Annuar bin Haji Musa): Tuan Yang di-Pertua, Gerakan Desa Wawasan adalah satu gerakan kemajuan masyarakat berasaskan pendekatan menggembelngkan usaha secara tersusun untuk membawa pembangunan dan perubahan di kawasan desa. Ia berteraskan konsep pembangunan manusia dari segi keupayaan memajukan diri, keluarga, masyarakat dan organisasi di kampung.

Gerakan Desa Wawasan dilaksanakan sebagai satu gerakan bersepadu di peringkat kampung supaya kampung berkenaan mencapai matlamat yang digariskan di bawah falsafah baru pembangunan luar bandar. Antara perkara yang ditekankan dalam pelaksanaannya termasuklah:

- (i) Memperkemaskan susunan organisasi tempatan khususnya JKKK agar lebih berkesan.
- (ii) Meningkatkan keupayaan mengumpul maklumat desa atau infodesa sebagai asas perancangan.
- (iii) Melatih keupayaan merancang sendiri untuk pembangunan desa masing-masing.

- (iv) Menyemaikan usaha membaiki kualiti individu dan keluarga serta masyarakat menerusi penerapan nilai-nilai positif seperti bersatu-padu, rajin bekerja, berdikari, bermuafakat, prihatin, cintakan kebersihan, amalan gaya hidup sihat dan lain-lain.
- (v) Mempertingkatkan mutu prasarana asas yang disediakan di kampung-kampung.
- (vi) Mempelbagaikan kegiatan ekonomi di kampung, dan
- (vii) Memperkukuhkan daya kepimpinan tempatan.

Selain dari panduan-panduan yang akan disediakan, satu piagam desa wawasan akan diperkenalkan agar Gerakan Desa Wawasan sebagai gerakan masyarakat menjadi lebih kemas, mudah dihayati dan berkesan.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, sekurang-kurangnya 3,000 buah kampung telah pun dikenal pasti untuk memulakan dalam Gerakan Desa Wawasan ini. Bagi tahun 1996 sahaja sebanyak 479 buah kampung telah dikenal pasti dan pihak kementerian sedang mengenal pasti kampung-kampung tambahan terutamanya di kawasan-kawasan pedalaman, rancangan-rancangan tanah, kawasan-kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah dan kawasan-kawasan daif yang lain.

Penyelia-penyelia Gerakan Desa Wawasan telah pun dilantik terdiri daripada penyelia-penyelia kemajuan masyarakat dan pegawai-pegawai agensi di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Mereka ini sedang diberikan latihan secara tersusun. Ahli-ahli JKKK dari kampung yang berkenaan juga akan diberikan latihan dan kursus yang akan dikendalikan oleh INFRA ataupun Institut Kemajuan Desa. Oleh kerana Gerakan

Desa Wawasan merupakan satu pendekatan baru, ia memerlukan sedikit masa sebelum ianya dilaksanakan. Ianya dijangka dilancarkan bulan Julai yang akan datang.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniahlah kepada menteri yang telah merancangkan satu perancangan yang begitu rapi sekali. Jadi, saya ingat perancangan ini dibuat dalam konteks Malaysia keseluruhannya. Memandangkan perbezaan pembangunan bukan sahaja daripada segi sosio ekonomi dan pembangunan fizikal Sarawak, Sabah dan Semenanjung Malaysia, dalam konteks Gerakan Desa Wawasan ini adakah satu perubahan ataupun pelan untuk memodifikasikan gerakan ini untuk Sarawak dan Sabah.

Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:

Untuk siri pertama dalam tahun 1996, pemilihan kampung-kampung dibuat bagi seluruh negara dan jumlah kampung yang terbanyak ialah daripada Sabah dan Sarawak iaitu setakat ini 45 buah kampung daripada Sabah dan 53 kampung daripada Sarawak.

Tuan Jimmy Donald: Tuan Yang di-Petua, dengan adanya projek yang seperti ini, jadi, kita memang menggunakan dan memerlukan peruntukan wang untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab di peringkat desa yang hendak dimajukan ini. Jadi, saya telah diberitahu oleh pegawai-pegawai yang bertanggungjawab iaitu setakat hari ini belum ada apa-apa peruntukan, tetapi mereka terpaksa pergi ke desa-desa itu dan pejabat mereka juga tidak mencukupi kelengkapan seperti komputer untuk membuat kerja. Jadi, adakah peruntukan tambahan akan diberi dengan adanya program ini nanti?

Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Suka saya menjelaskan sekali lagi, tidak semestinya apabila ada program baru ertinya peruntukan tambahan

mesti diwujudkan. Saya jelaskan sekali lagi Gerakan Desa Wawasan ini ialah menggembelngkan tenaga dan menjalankan program pembangunan kampung secara tersusun dengan menggunakan sumber-sumber yang sedia ada dan ia ditekankan kepada soal pembangunan manusia dan memperkukuhkan organisasi serta daya kepimpinan di tempat yang ada.

Walaupun demikian, keutamaan penyaluran peruntukan-peruntukan biasa di bawah penyediaan prasarana misalnya, memang diberikan keutamaan bagi kampung-kampung yang dipilih, misalnya di bawah penyediaan jalan luar bandar (PJK), bekalan elektrik luar bandar bagi kampung-kampung yang telah dipilih di bawah Gerakan Desa Wawasan ini, peruntukan-peruntukan disalurkan mengikut saluran biasa.

Walau bagaimanapun, saya sedar perkara ini menjadi rungutan kerana peruntukan tahun 1996 belum lagi disalurkan. Kita dalam proses menyusun pengagihan di bawah tajuk-tajuk berkenaan dan kampung-kampung di bawah Gerakan Desa Wawasan akan diberikan prioriti untuk mendapat peruntukan-peruntukan pembangunan.

Walaupun demikian, tidak ada peruntukan tambahan untuk gaji dan untuk keperluan kakitangan, kementerian hanya akan menggunakan sumber tenaga dan kakitangan yang ada sahaja.

BUKU TEKS—KELEWATAN PENERBITAN DAN PENGEDARAN

5. Tuan Liew Ah Kim (Seputeh) minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada krisis buku teks di sekolah-sekolah yang membimbangkan ibu bapa pada musim sekolah dibuka sudah dapat diatasi. Sila nyatakan apakah langkah-langkah yang diambil bagi menghadapi kekurangan buku teks di masa akan datang.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berhubung dengan masalah kelewatan penerbitan dan pengedaran buku teks di sekolah-sekolah, adalah dimaklumkan perkara tersebut telah pun diselesaikan.

Langkah-langkah rombakan telah diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk mempertingkatkan sistem penerbitan buku teks pada masa akan datang:

- (i) Menyusun semula jadual penerbitan buku teks.
- (ii) Memperbaiki sistem kerja bagi mempercepatkan proses pemilihan, penyediaan manuskrip dan aspek-aspek penerbitan yang lain.
- (iii) Memastikan semua pihak yang terlibat dalam penerbitan buku teks bekerjasama dan memastikan proses-proses penerbitan dan pengedaran adalah seperti dirancang dan dijadualkan.

Insya-Allah, sistem penerbitan buku teks yang baru dan lebih berkesan akan diumumkan dalam sedikit masa lagi setelah mendapat kelulusan kerajaan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, pada awal tahun iaitu semasa sekolah penggal pertama baru dibuka ada penyelewengan berlaku di dalam penyelenggaraan buku-buku teks ini. Adakah kementerian telah membuat siasatan dan apakah hasil daripada siasatan tentang penyelewengan pengeluaran buku-buku teks ini.

Tuan Yang di-Pertua, dan satu kandungan (a), adakah pihak kementerian bercadang untuk menswastakan penerbitan

dan juga pengeluaran buku teks ke sekolah-sekolah ini kerana kita dapati bahawa mungkin Dewan Bahasa dan Pustaka tidak berkemampuan untuk mengedar dan mengeluarkan buku-buku ini pada masa yang dikehendaki.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian telah mendapat tahu daripada BPR bahawa tidak ada bukti setakat ini adanya penyelewengan dalam penyediaan buku teks.

Kedua, sama ada kita ingin menswastakan, saya harap Ahli Yang Berhormat dapat menunggu pengumuman sistem yang baru yang sedang dipertimbangkan oleh kerajaan. Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka memang ada dan soalnya adalah menentukan satu sistem yang sebaik-baiknya supaya matlamat-matlamat yang ditetapkan oleh kerajaan dicapai sepenuhnya.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu apa jenis siasatan yang dijalankan oleh BPR yang beliau kata tidak ada apa-apa bukti penyelewengan? Dan bolehkah beliau memberi jaminan bahawa di masa hadapan, sekurang-kurangnya dalam tempoh beliau menjadi Menteri Pendidikan tidak akan berlaku sekali lagi krisis kekurangan buku-buku teks?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, siasatan yang dibuat oleh BPR bukanlah berakhir dalam masa yang singkat, tetapi setakat ini tidak ada bukti. Dan kalau sekiranya kita dapat mengesan apa-apa bukti yang lain, maka tindakan akan diambil dan saya telah menetapkan bahawa dalam soal penyediaan buku teks ini, kerajaan tidak akan menutup kesalahan dan penyelewengan mana-mana pihak. Dan kita jemput pihak orang ramai juga termasuk penerbit yang terlibat, kalau mereka ada apa-apa maklumat untuk disampaikan kepada pihak kementerian ataupun kepada pihak BPR.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin sistem yang baru ini akan lebih berkesan dan akan dapat menepati jadual sebab kerajaan dan kementerian memandang serius kepada perkara ini. Kita tidak akan benarkan perkara ini berlaku lagi.

PERABOT KAYU GETAH— PERMINTAAN ORANG RAMAI

6. Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sebab-sebab mengapa perabot kayu getah tidak disukai ramai di Malaysia padahal di luar negara pula perabot yang sama ini begitu tinggi permintaannya.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Cik Siti Zainab binti Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, permintaan perabot kayu getah telah diterima begitu baik di luar negeri berpunca dari usaha-usaha penggalakan yang bersungguh-sungguh dan berterusan dari pihak kerajaan mahupun swasta. Selain dari itu, spesis kayu getah yang digunakan bagi pengeluaran perabot adalah terhindar dari kesan kempen anti kayu tropika di samping mempunyai ciri-ciri teknikal seperti warna yang menarik minat pembeli luar negeri.

Namun begitu, permintaan tempatan terhadap perabot kayu getah masih berkurangan berbanding eksport kerana pengguna tempatan mempunyai pilihan yang banyak bagi perabot yang diperbuat daripada jenis-jenis/spesis-spesis lain berbanding kayu getah.

Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjamin bahawa bekalan kayu getah untuk industri perabot adalah selalu cukup. Dan sejauh manakah Institut Pengajian Hutan telah berjaya dalam kajiannya untuk mewujudkan satu spesis pokok getah khas untuk perabot yang mana kayunya boleh dipotong dalam tempoh masa yang singkat, misalnya tiga atau empat tahun?.

Cik Siti Zainab binti Abu Bakar:

Tuan Yang di-Pertua, untuk setakat ini bekalan kayu getah adalah mencukupi untuk industri kayu getah kerana pengeluaran kayu getah setakat ini ialah sebanyak 9.36 juta meter padu sementara kegunaannya sehingga ini masih rendah iaitu sebanyak 1.8 juta meter padu sahaja. Setakat ini, kementerian.....apa soalan kedua tadi?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ulang soalan kedua ya.

Dr. Tan Yee Kew: Sejauh manakah Institusi Pengajian Hutan telah berjaya dalam kajiannya untuk mewujudkan satu spesies pokok getah khas untuk perabot yang mana kayunya boleh dipotong dalam tempoh masa yang singkat, misalnya tiga atau empat tahun?

Cik Siti Zainab binti Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak ada klon yang dikata khas untuk kayu getah tetapi melalui penyelidikan RRIM, satu klon yang baru yang dipanggil Series 2000 yang merupakan bahan tanaman bermutu tinggi dan ditakrifkan sebagai klon latex atau dengan izin, latex timber clone. Jadi, beberapa klon dalam siri ini didapati mempunyai kelebihan kerana di samping memberi pengeluaran latex yang baik, ia juga memberi kadar pengeluaran kayu dengan izin, bore volume yang lebih tinggi dari klon-klon lain iaitu sebanyak hampir sekali ganda.

Puan Seripah Noli binti Syed Hussin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, kayu getah sememangnya kurang diminati di dalam negeri atas sebab-sebab yang disebutkan tadi berbanding dengan permintaan luar negara. Apakah langkah-langkah awal yang akan diambil untuk menggalakkan orang ramai membeli perabot dari kayu getah ini?

Cik Siti Zainab binti Abu Bakar:

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kementerian telah mengambil langkah-langkah seperti mengadakan ekspo dan pameran untuk menggalakkan orang ramai membeli perabot kayu getah dan juga kementerian telah menubuhkan pusat pameran perabot di Bukit Nenas, Kuala Lumpur untuk mempamerkan perabot-perabot yang dapat dipasarkan di dalam negeri.

GURU-GURU BAHASA INGGERIS —RANCANGAN KERAJAAN

7. Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar) minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah rancangan Menteri Pendidikan hendak menambahkan bilangan guru-guru Bahasa Inggeris yang terlatih di sekolah-sekolah rendah kebangsaan dan menengah memandangkan Bahasa Inggeris telah dijadikan satu mata pelajaran yang diwajibkan bagi sekolah-sekolah tersebut.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan telah mengambil beberapa langkah untuk menambahkan bilangan guru Bahasa Inggeris. Antaranya ialah:

- (i) melaksanakan pengambilan guru pelatih dua kali setahun untuk Kursus Perguruan Asas bagi Perguruan Sekolah Rendah.
- (ii) mengadakan program Kursus Dalam Cuti Khas mulai bulan Februari 1996.
- (iii) meningkatkan bilangan pengambilan guru pelatih untuk Kursus Pengajian Inggeris bagi program Diploma Perguruan Malaysia.
- (iv) mengadakan Program Kembar antara maktab perguruan dengan universiti-universiti luar negara untuk Kursus Sarjana Muda dan TESL.

- (v) pengambilan dua kali guru pelatih opsyen Pengajian Inggeris untuk Kursus Perguruan Lepas Ijazah.

Tuan Jimmy Donald: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada kementerian ada rancangan hendak menukar pengajian communication English dengan pendekatan kaedah yang tradisional untuk mempelajari sesuatu bahasa oleh kerana kita merasa communication English adalah sangat terhad dalam penggunaan hariannya kepada murid-murid kita.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soal kaedah mengajar dan cara-cara kita menyampaikan pengajaran itu memang sentiasa kita teliti melalui kurikulum sekolah rendah dan kalau sekiranya didapati perlu kepada pengubahsuaian, kita boleh terapkan mengikut keadaan.

Dr. G. Leelavathi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Kementerian Pendidikan melantik bekas guru-guru yang bersara yang mahir dalam Bahasa Inggeris untuk menolong dalam mata pelajaran ini?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, memang kita telah pun mula memberikan tawaran kepada mana-mana guru yang telah bersara dan kita bertindak lebih jauh daripada itu untuk memberitahu semua guru-guru yang berminat dan sesuai untuk membuat permohonan itu enam bulan sebelum daripada mereka sampai kepada tempoh persaraan.

BANTUAN BENIH KEPADA PENANAM PADI—CADANGAN

8. Tuan Jacob Dungau Sagan (Baram) minta Menteri Pertanian menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk menjamin penanaman padi di mana padi mereka itu

rosak oleh banjir dalam beberapa bulan yang lalu akan mempunyai cukup benih padi pada tahun yang akan datang. Adakah kerajaan bercadang untuk memberi perkhidmatan kebajikan kepada penanam-penanam padi huma yang tidak mendapat hasil padi yang mencukupi musim ini supaya mereka boleh menampung keperluan padi mereka sepanjang tahun.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Dato' Abu Bakar bin Taib): Tuan Yang di-Pertua, sekiranya banjir kilat berlaku dan kematian benih padi tidak dapat dielakkan, Jabatan Pertanian bersedia untuk membekalkan benih baru sekiranya terdapat simpanan bekalan.

Benih-benih ini dijual dengan harga RM1.00 sekilogram. Walau bagaimanapun, sekiranya kerosakan berlaku secara meluas dan bekalan berkurangan, maka sebagai langkah kecemasan, Jabatan Pertanian akan berurusan dengan BERNAS untuk mendapatkan benih padi yang baik dan membekalkannya kepada petani.

Walaupun ketulenan benih tidak 100%, benih ini boleh digunakan untuk sementara waktu oleh petani bagi meneruskan tanaman pada musim tersebut. Benih ini pada kebiasaannya dibiayai oleh kerajaan di bawah bantuan malapetaka.

Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak ada mempunyai skim bantuan beras untuk mereka yang mengalami kerosakan tanaman padi, dengan izin, crop failure cases, akibat bencana alam seperti banjir, kemarau, kebakaran dan sebagainya. Kadar bantuan ialah lebih kurang 7.2 kilogram iaitu lebih kurang 2 gantang seorang untuk jangka masa 6 minggu. Walau bagaimanapun, bantuan ehsan ini boleh disambung mengikut keperluan tiap-tiap kes.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjelaskan dalam Dewan ini, bahawa setakat ini bekalan

benih padi, terutama sekali yang didapati di Kedah iaitu di kawasan Titi Gajah, Alor Setar, adakah bekalan itu dapat memenuhi permintaan benih padi di seluruh negara dan apakah benih-benih ini juga pernah diserang oleh lain-lain spesies dalam kawasan MADA seperti padi angin?

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, memanglah Kementerian Pertanian, melalui Jabatan Pertanian telah mengadakan loji-loji untuk menyediakan benih padi di seluruh negara yang boleh membekalkan sebanyak 4,500 metrik tan semusim.

Dalam kes-kes ini, kita ada juga di kawasan-kawasan lain seperti di Perak. Sebanyak 5 loji benih padi diadakan di seluruh Malaysia iaitu di Kedah 1, Perak 1, Selangor 1, Kelantan 1 dan dan yang akan dimulakan di Terengganu. Dalam kes-kes ini, memanglah benih-benih padi yang diberi kepada para peladang ini mencukupi, insya-Allah.

TARAF PEMASTAUTIN KEPADA PELABUR ASING—KELAYAKAN

9. Tuan Lau Ngan Siew (Sandakan) minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada kerajaan ada rancangan untuk memberikan taraf pemastautin kepada pelabur-pelabur asing yang benar dan ahli-ahli profesional yang berkelayakan untuk bermastautin di Malaysia.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, pemberi taraf pemastautin tetap kepada rakyat asing di Malaysia adalah satu keistimewaan dan antara asas pertimbangan adalah bahawa mereka mempunyai ikatan kekeluargaan yang erat di sini, di samping kehadirannya akan memberikan sumbangan besar kepada pembangunan ekonomi negara.

Pelabur dan ahli-ahli profesional yang memenuhi syarat seperti yang dinyatakan

sahaja boleh ditimbang untuk keistimewaan taraf pemastautin tetap oleh Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri sendiri.

Pada masa kini, kerajaan belum ada rancangan untuk memberikan taraf pemastautin kepada pelabur-pelabur asing dan ahli-ahli profesional yang biasa.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, kerajaan belum bercadang untuk memberikan taraf pemastautin secara otomatis kepada pelabur-pelabur asing dan kecuali kerajaan memikirkan bahawa mereka ini benar-benar telah memberikan sumbangan yang begitu baik kepada pertumbuhan ekonomi negara, apakah sebab-sebab yang menyebabkan sekatan ini masih dikuatkuasakan dan adakah cadangan itu akan dilaksanakan, dan kalau ada, bila?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ini adalah satu keistimewaan, maka ianya bukan satu sekatan, sebab ia bukan satu hak kepada sesiapa. Lagi pun, negara atau kerajaan kita terpaksa sentiasa mengadakan dasar untuk melindungi orang-orang kita sendiri. Kalau sekiranya setiap orang yang datang melabur dan bekerja di sini, mereka hendakkan pemastautin tetap dan kita beri, kalau kita tidak berhati-hati, mungkin satu hari Malaysia ini struktur penduduk dan ciri-ciri keMalaysiaan ini akan berubah dengan cepat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berdasarkan kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, sehingga setakat ini, berapa ramaikah mereka yang telah diberi taraf pemastautin tetap di dalam negara kita? Mereka itu dari negara mana?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, angka yang diminta itu saya tidak ada pada masa kini, tetapi secara gambaran saya boleh beritahu bahawa

orang yang mendapat PR ataupun pemastautin ini, katakanlah dalam 10 tahun kebelakangan ini adalah paling kurang sekali. Yang ada kad pengenalan merah itu merupakan orang yang sudah berada di sini lama sejak merdeka ataupun dalam tahun 1960-an, itu pun kita tidak kira sebagai satu permohonan yang ditimbang dari segi sumbangan kerana mereka itu telah berada di negara ini lama, maka angkanya adalah sangat kecil.

DEFISIT BELANJAWAN AKIBAT PROJEK RAKSASA— STRATEGI KERAJAAN

10. Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian) minta Menteri Kewangan menyatakan apakah strategi kerajaan untuk menjamin tidak berlaku defisit belanjawan yang keterlaluan akibat pelaksanaan lima projek raksasa seperti KLCC, Sukom, Putrajaya, KLIA dan Bakun dan nyatakan:

- (a) jumlah anggaran perbelanjaan projek tersebut mengikut pecahan; dan
- (b) dari mana punca kewangan kerajaan dalam melaksanakan projek berkenaan.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wong See Wah): Tuan Yang di-Pertua, kesemua projek yang dinyatakan adalah projek swasta sepenuhnya atau projek yang sebahagian besar daripadanya telah diswastakan oleh kerajaan.

Penglibatan kewangan kerajaan berbanding dengan jumlah kos projek-projek tersebut adalah kecil, terutamanya untuk pengambilan balik tanah dan pinjaman sokongan. Oleh yang demikian, projek tersebut tidak akan membawa kepada defisit belanjawan. Melalui kaedah pelaksanaan projek-projek ini melalui penswastan adalah merupakan salah satu strategi bagi mengelakkan beban kewangan kerajaan dan pada masa yang sama, projek-projek ini akan dapat

memenuhi permintaan ke atas keperluan infrastruktur yang kian meningkat. Kos projek-projek tersebut adalah seperti berikut:

- (i) KLCC ialah sebanyak RM4 bilion;
- (ii) Sukom sebanyak RM0.8 bilion;
- (iii) Putrajaya sebanyak RM20 bilion;
- (iv) KLIA sebanyak RM8 bilion; dan
- (v) Bakun sebanyak RM15 bilion.

Sumbangan kerajaan kepada projek-projek ini berjumlah RM2.5 bilion sahaja iaitu RM141 juta untuk pinjaman kepada projek Sukom, RM1078 juta untuk pegangan ekuiti dalam KLIA Sdn. Bhd. dan RM30 juta sebagai geran pelancaran kepada Putrajaya Holding.

Di samping itu, pembiayaan mengambil balik tanah untuk projek Putrajaya berjumlah RM1,100 juta, sementara sejumlah RM180 juta perbelanjaan langsung disediakan untuk Sukom. Baki kos projek-projek tersebut berjumlah RM45.3 bilion adalah dibiayai daripada punca sektor swasta, terutamanya melalui pasaran ekuiti, sumber dalaman syarikat serta juga daripada pinjaman syarikat-syarikat berkenaan.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah peratusan sumbangan kita kepada KDNK atau Keluaran Dalam Negara Kasar oleh lima projek raksasa tersebut dan berapa pekerjaan telah diwujudkan bagi 5 projek ini?

Dato' Wong See Wah: Setakat ini saya tidak mempunyai angka seperti itu tetapi daripada anggaran perbelanjaan daripada yang telah dibentangkan pada tahun yang lalu iaitu RM41 bilion pada keseluruhannya. Kalau berbanding dengan angka yang telah kita bandingkan itu jumlahnya ialah RM47 bilion. Jadi, oleh kerana projek-projek serupa ini adalah yang dilaksanakan sepanjang beberapa tahun seperti Bakun adalah melalui

beberapa tahun yang akan datang. Jadi kalau berbanding dengan perkara itu adalah tidak begitu praktikal, berasaskan kepada mana-mana satu perbelanjaan KDNK satu-satu tahun itu.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, RM2.5 bilion adalah satu angka yang agak besar. Kenapa kerajaan tidak masukkan dalam Belanjawan tahunan yang dibentang dalam bulan Oktober untuk projek-projek tersebut tetapi lebih digunakan di dalam off budget atau bekalan tambahan untuk membiayai projek-projek tersebut? Sebab kalau ada dalam Belanjawan tahunan boleh pihak Ahli-ahli Parlimen untuk membahaskan dengan lebih detail satu belanjawan yang dikemukakan oleh kerajaan.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya projek-projek yang ditanggung oleh kerajaan itu memang telah dimasukkan dalam Belanjawan. Hanya projek-projek yang telah diswastakan itu tidak termasuk dalam Belanjawan kita. Sama ada kadangkala perbelanjaan tambahan itu diadakan oleh kerana satu-satu perkara mungkin yang mendesak ataupun keputusan dari semasa ke semasa yang dibuat oleh jemaah Menteri itu, itulah yang menyebabkan kadangkala diadakan perbelanjaan tambahan.

SEKOLAH—PENGGUNAAN PERALATAN MODEN

11. Tuan Haji Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun) minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah Kementerian Pendidikan bercadang untuk menghapuskan penggunaan papan hitam dan kapur di sekolah dan menggantikannya dengan peralatan yang lebih bersih, selaras dengan dasar kerajaan untuk mempertingkatkan kebersihan alam sekitar. Jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian

Pendidikan sedang berusaha meningkatkan penggunaan teknologi moden dan peralatan canggih selaras dengan hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan ilmu dan pendidikan yang bertaraf dunia. Usaha untuk meningkatkan kemudahan sekolah sedang dirancang dan diatur pelaksanaannya secara berperingkat-peringkat termasuk mengkaji penggunaan papan tulis dalam bilik darjah.

PEMBAHAGIAN HARTA— KELEWATAN MEMPROSES

12. Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara) minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah kementerian menerima aduan mengenai kelambatan Jabatan Pemegang Harta menyelesaikan kes-kes yang masih belum diselesaikan dan berapakah jumlah kes yang masih belum diselesaikan oleh Jabatan Pemegang Harta sejak tahun 1990; dan
- (b) berapakah purata masa yang diperlukan untuk menyelesaikan satu-satu kes mengagihkan harta.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) setakat ini kerajaan tidak menerima aduan mengenai kelambatan Jabatan Pemegang Harta menyelesaikan kes-kes yang masih belum diselesaikan.

Jumlah kes yang masih belum diselesaikan oleh Jabatan Pemegang Harta pada 31hb Disember 1995 adalah 53,336 kes.

- (b) Purata masa yang diambil bagi menyelesaikan satu kes

pembahagian harta adalah seperti berikut:

- (i) Bagi kes-kes yang tiada masalah dan aset mencukupi untuk menjelaskan kesemua hutangnya, masa yang diambil ialah lebih kurang 4 bulan.
- (ii) Bagi kes-kes yang memerlukan penyiasaan yang lebih mendalam dan terperinci serta keadaan di mana sibankrap serta sipemutang kurang memberi kerjasama dan harta yang tidak mencukupi serta liabiliti yang tinggi, maka proses penyelesaian akan berlarutan bertahun-tahun lamanya.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Suliman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah tindakan yang boleh diambil oleh Jabatan Pemegang Harta kepada pengarah syarikat yang terlibat yang enggan bekerjasama dengan Jabatan Pemegang Harta misalnya lambat mengemukakan laporan kewangan dan sebagainya? Apakah tindakan yang boleh diambil?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya kira tindakan yang boleh diambil terhadap mereka yang lambat memberikan maklumat berkenaan dengan syarikat adalah seperti yang ada di dalam Akta Syarikat dalam negara kita.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Salah satu daripada kes-kes ini tidak selesai ialah gangguan daripada pengarah-pengarah syarikat yang bermasalah. Ini juga telah dilayan oleh Jabatan Pemegang Harta menyebabkan kes itu belum selesai. Apakah kementerian bercadang memberi kuasa penuh untuk melupuskan atau mengulung terus syarikat-syarikat yang bermasalah ini?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum lagi.

BAYARAN PERUBATAN— PENYERAGAMAN

13. Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu) minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada kementerian dapat mempertimbangkan untuk menguatkuasakan taraf dan menyeragamkan yuran perubatan oleh hospital swasta.

Timbalan Menteri Kesihatan (Datuk Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, semua hospital swasta adalah dilesenkan di bawah Akta Hospital Persendirian 1971 dan Peraturan-peraturan Hospital Persendirian 1973. Di dalam menjamin perkhidmatan berkualiti diberikan kepada pesakit, Kementerian Kesihatan sentiasa mengawal dan mengatur hospital swasta ini agar mematuhi kehendak-kehendak seperti di dalam akta tersebut.

Dari segi yuran perubatan, Kementerian Kesihatan tidak mengawal kadar yuran yang dikenakan kepada pesakit oleh hospital swasta. Walau bagaimanapun, hospital swasta boleh merujuk Akta Fee 1991 yang digunakan oleh kerajaan sebagai panduan untuk menetapkan kadar bayaran hospital mereka.

Di samping itu, Persatuan Perubatan Malaysia dan Persatuan Hospital-hospital Swasta juga ada menyediakan garis panduan mengenai kadar bayaran yang perlu dikenakan kepada pesakit untuk ahli-ahlinya. Kementerian juga sentiasa menasihati pengamal perubatan di sektor swasta agar lebih prihatin berkenaan bayaran yang dikenakan kepada pesakit dan memastikan mereka sentiasa mematuhi kepada etika kerja perubatan.

Tuan Tan Kok Wai: Sungguhpun Belanjawan negara untuk tahun ini telah mengecualikan cukai import bagi kebanyakan, jika bukan kesemuanya alat-alat perubatan, tetapi mengapakah bayaran perkhidmatan dan rawatan di hospital-hospital besar masih tinggi dan bertambah naik dan apakah tindakan yang diambil

oleh Kementerian untuk membetulkan kedudukan dan untuk membantu pesakit-pesakit yang tidak berkemampuan tetapi kadangkala terpaksa mendapatkan rawatan di hospital-hospital besar, membantu mereka untuk mengurangkan bebanan (*Diganggu*) kewangan; adakah kerajaan bersedia untuk menimbang semula dan menghapus 5% cukai perkhidmatan yang dikenakan ke atas pesakit hospital swasta?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan bahawa tentang pengawalan harga atau kadar yuran tidak termasuk atau akta kita tidak menyentuh tentang pengawalan harga. Kita cuma minta hospital swasta mendapat nasihat dan mengikut garis panduan yang telah disediakan oleh Persatuan Perubatan Malaysia di bawah Akta Fee Schedule mereka dan ini boleh dipatuhi oleh mereka seperti yang telah dinasihatkan oleh pihak MMA.

Dari segi pihak kerajaan, di samping memberi nasihat dan juga mengingatkan kepada mereka supaya tidak mementingkan keuntungan, langkah-langkah yang telah diambil juga adalah pihak swasta sedang mengkaji bagaimana hendak menyelaraskan soal pengawalan harga ini.

Satu jawatankuasa yang telah ditubuhkan di antara pihak Kementerian Kesihatan dan Persatuan Hospital-hospital Swasta untuk mengkajikan cara mengakreditasikan ataupun menentukan standard yang disediakan atau diberi oleh beberapa hospital swasta ini. Mungkin selepas ditentukan proses mengenal standard ini boleh diselaraskan dan secara tidak langsung mengawal cara bayaran yang dikenakan dan dalam usaha ini pihak swasta juga haruslah bertanggungjawab tidak hanya mementingkan tentang soal keuntungan semata-mata. Mereka digesa untuk menubuh satu tabung untuk kebajikan kerana sudah semestinya mereka mendapat keuntungan untuk memberi perhatian kepada pesakit-pesakit yang kurang bernasib baik.

Tuan Tan Kok Wai: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada yang tinggal lagi? Ada? Cukai? Dia sudah jawab Yang Berhormat.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Yankah atau Sibuh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat dari Yan. Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Adakah kerajaan mencadangkan satu skim bantuan kewangan kepada pesakit-pesakit khususnya orang miskin untuk dirawat di hospital swasta khususnya di dalam kes emergency, dengan izin, iaitu perlu tunggu lama di hospital kerajaan? Bolehkah mereka minta bantuan kewangan dari kerajaan untuk rawatan di hospital swasta?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan hanya membantu pesakit-pesakit yang kurang bernasib baik dalam hospital kerajaan. Bagi yang memohon untuk mendapat perkhidmatan di hospital swasta, pihak swasta kena membantu juga. (*Ketawa*)

GETAH DAN KELAPA SAWIT— BANTUAN TANAMAN SEMULA

14. Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu) minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan perkara seperti berikut iaitu:

- (a) apakah kedudukan sebenar peneroka tanah FELDA yang telah menyelesaikan hutang, apakah mereka layak menerima bantuan tanam semula (getah dan kelapa sawit) daripada pihak RISDA memandangkan mereka telah memperolehi hakmilik tanah; dan
- (b) apakah kedudukan simpanan di tabung tanam semula (getah dan kelapa sawit) yang dibuat oleh peneroka sebanyak RM17,000 sejak 15 tahun yang lalu, adakah mereka dapat memiliki jumlah berkenaan sekiranya tanam semula dibuat secara bersendirian.

Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi (Datuk Osu bin Haji Sukam): Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Peneroka tanam getah yang telah selesai bayaran kembali adalah layak untuk menerima bantuan tanam semula getah daripada RISDA apabila sampai tempoh kebunnya perlu ditanam semula.
- (b) Tabung Tanam Semula sawit diwujudkan oleh FELDA bertujuan membiayai kerja-kerja tanam semula sawit pada kadar RM1,700 seekar. Ia dikutip menerusi caruman peneroka rancangan sawit atas kadar RM4 seekar sebulan. Purata caruman seorang peneroka bagi tempoh 20 tahun iaitu sehingga tempoh tanam semula ialah RM960 seekar.

Bagi peneroka yang memilih untuk tanam semula secara persendirian, wang berkenaan tidak dipulangkan terus secara tunai, tetapi dibuat secara berperingkat-peringkat berdasarkan kepada kemajuan kerja tanam semula. Ini ialah bagi menjamin kerja tanam semula dibuat dengan sempurna dan mengikut kaedah pertanian sebenarnya supaya kebun dapat mengeluarkan penghasilan terbaik bagi tempoh di antara 20-25 tahun akan datang.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah mengenai dengan tanam semula. Kalau dilihat dari segi umur peneroka-peneroka ini semasa menanam semula, umur mereka sudah lewat atau meningkat 50 tahun, sekarang ini pun yang mana belum menanam semula telah ramai di antara mereka tidak menerokai, memotong getah ataupun memotong buah sendiri, mereka sudah menggunakan tenaga kerja yang luar.....(Ketawa)

Seorang Ahli: Memotong buah sendiri! (Ketawa)

Seorang Ahli: Masyaallah! (Ketawa)

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: ini bukan orang peneroka - lain kepalanya, ini orang moden, Tuan Yang di-Pertua, mereka bukan faham..... (Ketawa)

Beberapa Ahli: Soalan! soalan!

Seorang Ahli: Janganlah potong buah sendiri! (Ketawa)

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Soalan saya apabila mereka sudah menanam kembali sama ada getah atau kelapa sawit umur mereka sudah meningkat, lebih daripada 50 tahun. Seandainya yang ditanam semula itu kelapa sawit atau getah, mereka ini sudah tidak berkeupayaan untuk memotong getah dan memotong buah kelapa sawit. Jadi, saya minta penjelasan adakah kerajaan sedar tentang permasalahan yang akan timbul bila perkara ini berlaku nanti atau bila penanaman semula ini dilaksanakan?

Datuk Osu bin Haji Sukan: Tuan Yang di-Pertua, kita memang sedar tentang masalah ini. Maka itulah sebabnya sekarang ini kita ada rancangan di FELDA di mana mereka yang memerlukan bantuan untuk tanaman semula ini akan dimajukan oleh FELDA sendiri tanpa membebankan mana-mana pihak, sebab peruntukan bagi Tabung Tanam Semula ini mencukupi bagi tujuan tanam semula. Selepas itu kerja-kerja untuk menoreh atau mendapatkan buah sawit akan juga dilakukan oleh FELDA dan peneroka akan dibayar tanpa membuat sebarang kerja di antara RM300-RM400 sebulan dan setiap tiga bulan akan dikira akaun, jika ada kelebihan akan disampaikan kepada peneroka.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat masa untuk Soal-Jawab sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 45 akan dijilid dalam buku berasingan).

RANG UNDANG-UNDANG PASPORT (PINDAAN) 1995

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" (23hb April, 1996)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kluang diminta sambung.

3.36 ptg.

Tuan Hoo Seong Chang (Kluang): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya menyambung semula perbahasan saya pada petang ini.

Seperti saya nyatakan semalam pemindaan rang undang-undang amatlah perlu kerana selaras dengan keadaan dan keperluan semasa dengan harapan ia dapat sedikit-sebanyak memberi sumbangan kepada wawasan negara untuk mewujudkan suasana negara kita yang lebih aman, maju dan makmur.

Saya menyokong seratus peratus tindakan kerajaan untuk mengenakan dan menaikan penalti kepada orang-orang yang tidak bertanggungjawab, yang melakukan kesalahan di mana ia secara langsung atau tidak langsung akan mengancam keselamatan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan pasport ada dua perkara yang ingin saya sampaikan dalam Dewan yang mulia ini.

Yang pertama ialah tentang kehilangan pasport ini. Pada masa sekarang seseorang yang kehilangan pasport apabila mereka memohon pasport mereka terpaksa menunggu tempoh selama 5 tahun atau lebih untuk mendapat pasport baru. Dalam

tempoh tersebut mereka hanya dibenarkan keluar negara dengan menggunakan perakuan kecemasan bagi tempoh yang terhad dan dengan bayaran yang lebih tinggi. Jadi, mungkin sudah sampai masanya kementerian harus mengkaji dan menimbang semula kes-kes kehilangan pasport yang bukan disengajakan seperti dicuri, dirompak, kerana kebakaran, air bah atau sebagainya. Setelah membuat laporan kepada polis, saya fikir ia patut diberikan pertimbangan untuk mendapat pasport baru dengan tempoh masa yang pendek.

Yang kedua ialah tentang pemegang resit kad pengenalan sementara yang memohon pasport.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang seseorang yang hilang ataupun ingin menukar kad pengenalan baru mereka, mereka mendapat resit kad pengenalan sementara dan sekiranya mereka memohon pasport, mereka hanya diberikan tempoh selama setahun sahaja dan akan disambung bagi tempoh 4 tahun lagi setelah mereka menunjukkan kad pengenalan baru mereka. Jadi, perkara ini banyak menimbulkan masalah kerana kadang-kadang kad pengenalan baru yang mereka mohon itu mengambil masa lebih setahun untuk disiapkan.

Saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya pemohon pasport yang memegang resit pengenalan sementara setelah disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara patut juga dikeluarkan pasport bagi tempoh 5 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, saya ingin bertanya sama ada kerajaan bercadang untuk mengadakan satu nombor pengenalan ataupun identification number, dengan izin, untuk semua dokumen bagi setiap rakyat, erti saya ialah mungkin ada satu nombor untuk kad pengenalan, surat kelahiran ataupun nombor pasport, lesen memandu dan sebagainya dalam satu nombor sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri yang bijak dan cekap sentiasa prihatin terhadap keperluan rakyat akan mengambil tindakan yang sewajarnya supaya perkara-perkara yang saya bangkitkan dalam dua hari ini akan diambil tindakan untuk mencari penyelesaian atas perkara-perkara ini. Jadi, dengan kata-kata demikian saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, yang memberi peluang kepada saya untuk membahas rang undang-undang ini. Dengan ini saya mohon menyokong.

Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Seorang sahaja, selepas itu kementerian akan menjawab. Bintulu.

Tuan Chiew Chiu Sing: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Bintulu, Yang Berhormat. Belum ada pembangkang berucap. Bagi pembangkang berucap satu.

3.40 ptg.

Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu): Tuan Yang di-Pertua, setelah meneliti peruntukan-peruntukan baru yang terkandung dalam rang undang-undang ini, Akta Pasport (Pindaan) 1966, walaupun bermaksud baik dalam mengawal pasport-pasport yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen, tetapi saya mendapati peruntukan-peruntukan tersebut memberikan sedikit-sebanyak kesan kurang senang kepada masyarakat. Misalnya, pada Fasal 8 yang bertujuan meminda Seksyen 12, Akta Ibu, bagi menggantikan Subseksyen 1 dengan Subseksyen baru, ada menyebut: "Any person who forges, alter or tampers with his passport" yang memberi makna

bahawa jika seseorang pemegang pasport yang secara tidak sengaja menyebabkan pasportnya dialter, dengan izin, seperti diconteng oleh kanak-kanak, terdapat bekas tulisan di atasnya dan pelbagai makna yang disifatkan sebagai alter atau tamper, maka pemegang pasport boleh disabitkan hukuman atas kesalahan tersebut. Pegawai Imigresen haruslah dengan bijak bertindak menyelesaikan kes seumpama ini supaya mereka yang tidak sengaja tidak menerima hukuman sewenang-wenangnya. Ini menyebabkan orang yang tidak berdosa terperangkap dengan fasal ini jika pegawai Imigresen tidak berhati-hati.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, Fasal 7 juga ada menyebut bahawa di bawah Sekseyen 10B pegawai kanan Imigresen, pegawai kanan polis dan Kastam boleh bertindak untuk mengeledah, memasuk dan menyiasat serta mengambil apa-apa dokumen pasport tanpa perlu mendapat waran mahkamah. Ini membolehkan mana-mana orang yang disyaki rumah atau pejabat mereka boleh digeledah dan dirampas dokumen berkaitan oleh pegawai-pegawai berkenaan. Saya bimbang jika tidak diawasi dengan ketat akan berlaku penyalahgunaan kuasa oleh pegawai yang terlibat, kerana dengan kuasa ini mereka boleh mengeledah mana-mana rumah atau pejabat seseorang rakyat.

Berhubung dengan Fasal 9, untuk memasukkan seksyen baru 12A yang bermaksud antara lain bahawa mana-mana orang berniat untuk mengambil pasport untuk seseorang dokumen perjalanan, jika mengetahui maklumat yang dinyatakan dan diberikan adalah palsu, boleh disabitkan kesalahan. Ini bererti mana-mana agensi pelancongan atau mana-mana anggota keluarga yang cuba membantu mendapatkan pasport seseorang pemohon, tidak dapat dielakkan akan disabitkan kesalahan. Ia boleh didenda, dipenjara dan dirotan bagi kesalahan tersebut. Peruntukan ini

dikehendaki mereka yang menjadi pengantara perlu berhati-hati dalam berurusan dengan pihak Imigresen. Bagaimanakah tanpa disedarinya, maklumat yang diberikan oleh pemohon adalah palsu. Adakah orang pengantara ini akan dianggap bersahabat melakukan kesalahan. Terdapat juga berlaku kejadian orang-orang pemohon permohonannya diisikan oleh pengantara dan tanpa disemak telah ditandatangani oleh pemohon, sedangkan maklumat yang diberikan tidak jelas, maka mereka juga terperangkap. Inilah kesan yang akan dihadapi oleh seseorang yang bersifat membantu mendapatkan pasport, tetapi berakhir dakwaan ke atas mereka kerana tidak berhati-hati.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan di sini masalah pasport yang hilang di dalam simpanan - dirompak, rosak akibat banjir, terkoyak dan sebagainya, yang mana pemegang pasport menghadapi masalah untuk mendapatkan pasport baru. Proses permohonan bukan sahaja memakan masa yang lama, tetapi setiap kali pemohon berhajat untuk keluar negeri, mereka perlu memohon dokumen perjalanan yang berasingan. Ini bukan sahaja membuang masa pemohon, tetapi menambah beban kerja pegawai-pegawai Imigresen.

Saya ingin menyarankan supaya proses ini dipercepatkan dengan memendek dan meringkaskan birokrasi siasatan. Untuk keluar negeri, mereka biasanya dikeluarkan dokumen sijil kecemasan untuk satu perjalanan pergi/balik sahaja. Jika sudah selesai siasatan, mereka akan dikeluarkan pasport baru bagi tempoh satu tahun sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, pihak Imigresen perlu mengadakan satu mekanisme untuk mengesan serta-merta pasport-pasport yang hilang dan diedarkan ke seluruh dunia oleh sindiket antarabangsa. Sejauh ini, apakah

pencapaian yang dibuat dalam kerjasama antarabangsa bagi mengesan pasport yang disalahgunakan?

Saya juga ingin menyebut masalah pasport yang dirampas oleh pihak Imigresen kerana pemegangnya 'overstayed' di luar negeri. Mereka bukan sahaja dinafikan hak untuk pergi ke luar negeri lagi, tetapi ia merupakan satu hukuman ganda setelah pemegang pasport itu telah pun dihukum di luar negeri. Ini tidak adil bagi mereka, kerana kadangkala mereka menghadapi masalah untuk balik sebelum tempoh tamat seperti tidak ada kemampuan tambang atau tidak disengajakan. Mereka patut dibenarkan untuk keluar negeri semula dengan memulangkan dokumen mereka.

Saya juga ingin membangkitkan masalah dan rungutan orang ramai mengenai fee pasport telah dinaikkan. Sekarang pemilikan pasport bukan lagi hal murah, tetapi perlu dibayar dengan kos yang tinggi. Saya difahamkan ini disebabkan ciri-ciri keselamatan yang lebih tinggi. Tetapi ianya pun tidak patut sampai berlipat lagi ganda. Saya berharap supaya fee ini dikaji semula supaya lebih ramai rakyat yang tidak kemampuan dapat memilikinya. Sekian, terima kasih.

3.47 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian membahaskan cadangan pindaan rang undang-undang sejak semalam hingga hari ini.

Yang Berhormat dari Mentakab telah menyentuh tentang apabila seseorang hilang kad pengenalan itu dan ianya dijadikan mangsa kepada sindiket yang telah menggunakan kad pengenalannya untuk memperolehi pasport atas nama orang yang hilang kad pengenalan itu,

sehingga si pemegang kad pengenalan yang sah itu dinafikan pengeluaran pasport. Saya sendiri pernah menerima aduan ini dan pernah juga meneliti bagaimana kes ini dikendalikan oleh pihak-pihak yang tertentu. Di sini terlibat tiga agensi kerajaan, iaitu Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran Negara dan juga Polis Diraja Malaysia. Oleh kerana ketiga-tiga agensi ini terpaksa menghubungi antara satu sama lain, mereka perlu dapatkan pengesahan, pertamanya daripada polis, siapa yang jadi orang tulen atau sah. Selalunya siasatan polis itu ambil masa. Pihak Imigresen tidak berani keluaran, kerana takut pasport itu keluar kepada orang yang salah. Maka hasil ataupun keputusan atau rekomendasi polis itu diperlukan, disamping pengesahan juga daripada Jabatan Pendaftaran Negara itu perlu diperolehi.

Walau bagaimanapun, saya memang peka kepada kesusahan telah dihadapi oleh orang yang hilang kad pengenalan secara tidak sengaja itu, dan saya rasa Kementerian Dalam Negeri ambil perhatian akan juga memberikan pandangan kepada ketiga-tiga jabatan itu bagaimana mereka bersepadukan usaha ini, terutamanya apabila sistem komputer itu dapat diringkaskan nanti. Saya rasa masa menunggu itu akan dapat dipendekkan.

Saya juga mengucapkan terima kasih atas cadangan dan juga keprihatinan Yang Berhormat dari Mentakab tentang masalah rakyat dan juga melibatkan jabatan-jabatan di bawah Kementerian Dalam Negeri. Jabatan Imigresen seharusnya mengeluarkan pasport kepada orang yang hilang kad itu sebaik sahaja penentuan atau pengesahan yang saya sebut tadi diperolehi.

Yang Berhormat dari Parit Sulong telah menyentuh beberapa perkara. antara lain, pertama, mengenai mengapakah sebahagian besar daripada rang undang-undang ini tertulis dalam bahasa Inggeris, suka saya menjelaskan di sini bahawa Akta Pasport, 1996 yang kita sedang

bincang untuk dipinda ini adalah merupakan satu akta yang telah dikanunkan dalam tahun 1966 dan di bawah Seksyen 6, Akta Bahasa Kebangsaan, 1967, Akta 32 - bagi manamana undang-undang yang dikanunkan sebelum 1967, teks sahnya adalah teks bahasa Inggeris, melainkan jika terdapat satu penetapan oleh Yang di-Pertuan Agong bahawa terjemahan undang-undang itu ditetapkan sebagai teks yang sah. Dalam hal Akta Pasport, 1966, terjemahan akta ini belum ditetapkan sebagai teks sah, oleh itu bahasa Inggeris adalah masih menjadi teks sah yang boleh dipakai di mahkamah. Oleh yang demikian, ketika menggubal pindaan kepada Akta Pasport ini, undang-undang masih perlu menggunakan bahasa Kebangsaan tetapi isi kandungan kepada apa-apa pindaan masih kekal dalam bahasa Inggeris.

Yang Berhormat dari Parit Sulong juga menyentuh perkara-perkara yang lain. Untuk makluman Dewan yang mulia ini buat masa kini Jabatan Imigresen mempunyai kira-kira 200 orang kakitangan penguatkuasa di seluruh negara. Berbanding dengan kegiatan-kegiatan yang bertambah dalam beberapa tahun ini telah berlipat ganda, memang adalah satu beban kerja yang sangat berat dan kerajaan sedang berusaha untuk menambah bilangan kakitangan terutamanya penguatkuasaan undang-undang Imigresen ini. Pada masa kini, sepertimana Yang Berhormat dari Parit Sulong telah menyentuh, untuk makluman, daripada tahun 1992 hingga tahun 1995 iaitu 4 tahun yang lalu, terdapat seramai 1,249,189 orang pelawat asing telah didapati datang ke Malaysia dan mereka tinggal lebih masa, maknanya mereka tidak keluar mengikut tempoh visa yang dibenarkan. Didapati sebahagian mereka ini telah pun melibatkan diri dalam pekerjaan tanpa kebenaran. Ini bermakna, majikan kita, orang Malaysia sendiri telah melindungi mereka, memberikan peluang kepada mereka untuk bekerja di banyak sektor. Ini merupakan satu perkara, bukan

sahaja tanggungjawab bagi pihak Imigresen, sebenarnya satu tanggungjawab rakyat, pertamanya, majikan - mereka inilah yang menjadi satu masalah kepada penguatkuasaan undang-undang.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Parit Sulong bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta penjelasan secara ringkas. Bermakna jumlah lebih kurang 1.2 juta manusia itu adalah pelawat asing yang menggunakan passport dan social visit pass yang overstayed, ataupun yang selama ini dapat dikesan oleh pihak Imigresen. Adakah kemungkinan ramai lagi yang tidak dapat dikesan?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan angka tepat orang yang masuk dan tidak keluar mengikut masa yang ditetapkan, kerana kita tengok angka dalam jumlah 4 tahun ini orang yang masuk adalah 5,830,000 lebih dan mereka ini keluar ikut masa ialah 2,255,000. Maknanya semua, tidak kira siapa sudah dimasukkan di dalam angka ini.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya ingin bertanya, adakah pihak berkuasa termasuk Jabatan Imigresen ataupun pihak berkuasa undang-undang yang lain dapat mengesan di manakah mereka dan berapa pula jumlah yang tidak keluar itu telah pun di bawa ke muka pengadilan?

Tuan Ong Ka Ting: Memang pada masa kini Jabatan Imigresen sedang mengemaskinikan rekod-rekod mereka dan pihak kami telah dapat menentusahkan identiti negara asal mereka dan kebanyakan mereka ini adalah daripada Thailand, Indonesia, Bangladesh - ini

merupakan pekerja asing tanpa izin yang paling banyak. Itu sebab saya buat satu kesimpulan yang kebanyakan mereka itu melibatkan diri dalam kerja tanpa izin.

Jabatan Imigresen sedang mengemaskinikan rekodnya, dan apabila kita dapat mengesan dan dari masa ke semasa, dalam 4 tahun ini memang sebahagian dari mereka telah ditangkap dimasukkan dalam depot Imigresen ataupun kita usir mereka keluar, tetapi ini masih menjadi satu masalah yang berterusan. Dan ini, saya pernah menjawab di sini, bukan satu masalah yang hanya wujud di Malaysia, ia juga wujud dengan hebat pada suatu ketika dahulu di Jepun dan Taiwan di mana orang Malaysia juga pergi ke sana dan kerja tanpa izin. Ini selalunya wujud di negara yang ekonominya tumbuh dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini.....

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan. Didapati begitu ramai pendatang tanpa izin, dan setakat ini kita dapati ada yang ditangkap dan ditempatkan di depot Imigresen dan diusir keluar ataupun mungkin di hantar keluar. Adakah perbelanjaan untuk menghantar keluar ini ditanggung oleh kita dan yang diusir keluar ini adakah didapati orang yang sama juga masuk semula ke negara ini dengan tanpa izin. Kerana kita dapati ada juga pendatang tanpa izin yang masuk melalui negeri Perlis melalui Padang Besar dan Kuala Perlis dan apabila masuk ke sini didapati mereka ini buang passport supaya kita tidak dapat mengenal pasti negara asal mereka. Terima kasih.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ini juga satu perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong semalam, dia tanya adakah yang keluar masuk orang yang sama? Sama ada pelacur ataupun lain-lain.

Mengenai perbelanjaan yang dibangkitkan itu, pada suatu ketika memang kerajaan terpaksa menanggung tetapi suatu ketika kita cuba melibatkan majikan yang sanggup mengambil pekerja daripada depot untuk membayar suatu bayaran dan kita guna wang itu untuk hantar mereka balik, tetapi sekarang kita tidak gunakan lagi peraturan ini.

Baru-baru ini kerajaan juga membuat satu keputusan untuk mengatasi sebahagian masalah ini terutamanya mereka yang didapati pekerja tanpa izin yang ramai terdapat di ladang-ladang besar atau kecil, kebun-kebun pertanian di mana memang di Malaysia sudah susah hendak mendapat pekerja dan nampaknya ada kira-kira 100,000 pekerja tanpa izin di sektor itu. Kita sudah tahu dan kerajaan sudah kira kalau hendak tangkap semua itu, kita mesti ramai kakitangan dan untuk dihantar pun perbelanjaannya banyak, maka baru-baru ini kita membuat satu keputusan, mereka ini diberi 2 bulan, mulai 2hb Mei sehingga 31hb Julai - 2 bulan, mulai bulan depan, majikan boleh bawa semua particulars itu datang, bayar kompaun untuk setiap orang - RM300 untuk setiap orang dan pihak majikan sendiri dikompaunkan untuk setiap orang RM300 dan pekerja itu sendiri pun kena bayar RM300 kompaunnya. Ini adalah sejajar dengan penguatkuasaan undang-undang, maka mereka boleh pohon untuk diputihkan dan seterusnya kalau itu berjaya, 100,000 ini boleh menjadi pekerja yang sah dan dimasukkan dalam rekod di bawah kawalan kerajaan. Ini merupakan salah satu usaha yang sedang diambil dan yang lain-lain itu kita akan terus...

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Parit Sulong.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kami faham bahawa kedatangan alien atau orang luar ke negara

kita adalah atas dorongan ekonomi Malaysia yang berkembang pesat. Tetapi dalam pada itu yang membimbangkan adalah, adakah di antara 1.2 juta pelawat yang menggunakan social visit pass itu yang tidak keluar dari negara ini yang terlibat dengan jenayah, bukan mereka mencari nafkah di sini tetapi mereka mengusahakan sendiket-sendiket yang berkaitan dengan kegiatan-kegiatan haram yang lain seperti penyeludupan dadah dan juga pelacuran.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang golongan yang tinggal lebih masa itu terlibat dalam pelbagai kegiatan, kalau kerja tanpa kebenaran sahaja kita masih ingat boleh mengatasi masalah ini. Kerajaan memang bimbang tentang penjenayah, tetapi daripada rekod intake jenayah yang kita dapat kumpul dan daripada rekod itu nampaknya penjenayah ataupun kes-kes jenayah di negara ini yang melibatkan orang asing adalah kira-kira 2.6% - masih di tahap yang boleh kita kawal.

Dan memang betul, golongan inilah yang dengan bantuan sindiket, mereka keluar masuk, seperti Ahli Yang Berhormat dari Kangar katakan, mereka masuk mungkin pasport pun sudah tidak ada, tetapi ada juga yang kita tahu orang yang keluar masuk itu dia menggunakan dokumen perjalanan setiap kali dia masuk sudah lain dokumen perjalanan, sebab sindiket pemalsuan ini memang pandai, mereka boleh ubah identiti orang itu. Sebab itu baru-baru ini pengusiran itu kita mahu dia punya sepuluh jari semua masuk dalam rekod, supaya di satu hari nanti kita tahu orang ini yang sama dan bukan senang untuk kita membuat penguatkuasaan ini. Namun demikian, kita akan cuba.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong kata semalam,.....

Beberapa Ahli: (*Bangun*)

Tuan Ong Ka Ting: Beri saya lengkapkan ayat ini dahulu. Mereka yang pernah masuk melakukan kesalahan tak

kira apa undang-undang, mereka akan disenaraihitamkan. Kalau nama itu, nombor pasport itu, betul-betul orang itu sudah masuk komputer, bila dia hendak masuk mengikut mana-mana satu pintu masuk, memang nama itu sudah disenaraihitamkan, tidak boleh masuk. Tetapi yang menjadi masalah mungkin dia sudah menggunakan dokumen yang lain, sudah jadi orang yang lain masuk. Ini yang kita khawatir, ini yang sedang kita cuba hendak mengatasinya.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebutkan bahawa diberi lompang masa dua bulan daripada 2hb Mei sehingga 31hb Julai, bagi pekerja-pekerja tanpa izin, maksudnya mungkin pekerja yang datang secara sah tetapi tidak dapat permit kerja. Untuk dua bulan mendaftar dan dikenakan kompaun kedua belah pihak pekerja dan juga majikan dalam sektor ladang. Adakah kementerian Yang Berhormat bercadang untuk menggunakan pendekatan yang sama bagi pekerja tanpa izin, bukan pendatang tanpa izin, tetapi pekerja tanpa izin, mungkin dia datang untuk social visit, dengan izin, dalam sektor pengangkutan, stesen minyak dan lain-lain perkhidmatan.

Di samping itu juga, Yang Berhormat ada menyebut bahawa kegiatan pemalsuan ini merupakan terdiri daripada orang yang bijak. Jadi, dalam pasport kita apakah pendekatan yang dikenakan oleh kementerian Yang Berhormat tentang ciri-ciri keselamatan supaya pasport kita nanti, sukar dipalsukan oleh mana-mana pihak, memandangkan Malaysia ini apabila Kerajaan Barisan Nasional memegang teraju pemerintahan, negara menjadi makmur dan orang asing begitu suka kepada Malaysia termasuk pasportnya sekali.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, buat masa kini selepas kajian

yang teliti, menimbang segala implikasi kerajaan hanya boleh, itu pun reluctantly, dengan izin, hanya membenarkan sektor pertanian terutamanya perladangan sahaja, itu pun mereka yang datang daripada negara-negara yang diizinkan bukan mana-mana negara sahaja. Dan itu pun kerana perladangan ini memang dalam satu keadaan yang 'very critical', susah mendapatkan pekerja dan kerajaan pada masa ini tidak bercadang untuk melonggarkan kepada sektor yang lain. Kalau tidak, usaha kerajaan hendak menjadikan negara ini tidak bergantung kepada pekerja asing itu akan gagal, tetapi nampaknya kegiatan pertanian itu kita masih hendak kekalkan sehingga di Malaysia ini kita masih perlukan pertanian, maka kita ada memberi sedikit kelonggaran tetapi bukan selalu, ini hanya sekali gus.

Ciri-ciri keselamatan itu pasport kita memang kerajaan dalam usaha untuk menjadikannya 'machine readable' iaitu ia computerised, boleh dibaca oleh mesin dan ada lagi satu sistem tetapi oleh kerana ada beberapa perkara teknik yang perlu diatasi, kita masih perlu sedikit masa lagi untuk mengenalkan pasport dengan ciri-ciri keselamatan lebih tinggi. Tetapi dijangka apabila kita berikan pasport yang baru itu pun, bayaran pasport itu lebih kurang sama dengan sekarang. Kita tidak akan membebankan rakyat sepertimana yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Mengenai sindiket-sindiket, tadi ada Ahli Yang Berhormat kata pendatang tanpa izin atau pekerja tanpa izin. Maksud 'pemutihan' ini adalah untuk sesiapa pekerja asing yang bekerja tanpa kebenaran, maknanya tak kira dia masuk sah ataupun kalau dia tidak ada permit kerja, dia mesti tak boleh bekerja. Bila dia hendak putihkan, dia mesti mengikut peraturan untuk memastikan dia ada dokumen perjalanan, dia kena memastikan kemasukan dia itu telah pun didaftarkan, diputihkan baru boleh dia dapat permit kerja.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, maksud saya tadi, ada pendaatang yang masuk ke negara kita secara sah tetapi dia atas kebenaran ataupun visa bukan untuk bekerja, misalnya untuk lawatan sosial, tetapi bekerja di sini. Itu yang saya maksudkan sebagai pekerja tanpa izin, tetapi dia masuk ke negara ini secara sah.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, itu apa yang telah Parit Sulong memang bimbang mengenai orang datang untuk social visit sudah tak keluar, aspek itu kita kena jaga, tetapi orang yang baru masuk itu tak boleh kita putihkan, itu sengaja. Maksud kita ialah orang yang sudah benar-benar bekerja di ladang dan kita kena tentu sahkan mereka ini benar-benar bekerja bukan baru-baru masuk. Dan ini kita benarkan pun kerana pada satu ketika, sistem pengambilan pekerja asing ini ada kelemahan terutamanya ejen-ejen yang tidak bertanggungjawab ataupun yang tidak sah sudah membawa masuk, sudah memberi social visitor terlalu ramai dihantar kepada majikan, tetapi sekarang kerana PPPA sudah mengetatkan sistemnya, iaitu Pasukan Petugas Pekerja Asing sudah mengadakan satu sistem di mana semua orang asing tak boleh masuk dahulu sebelum kelulusan permit kerja itu diperolehi, dapatkan permit kerja itu baru dia boleh masuk. Sudah ada sistem ini, lebih ketat, lebih sistematik. Tetapi mereka yang sudah dapat masuk dahulu itu, kita kena digest, oleh sebab itulah pemutihan ini ditimbang dan dibenarkan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya tertarik kepada kaedah baru yang dicadangkan oleh kementerian ini untuk memperketatkan prosedur dan mengelakkan daripada berlakunya pekerja-pekerja tanpa izin. Walau bagaimanapun, adakah Yang Berhormat sedar bahawa pada tahun yang lepas, apabila pasukan petugas mengambil alih dan kemudian kerana tidak mampu untuk mengendalikan permohonan bagi pekerja-pekerja dan tugas ini diserahkan

kepada unit di Jabatan Imigresen. Tetapi, adakah Yang Berhormat sedar bahawa sekarang kerana permohonan setiap hari melebihi 300 dan ada backlog dan tak dapat diselesaikan dan walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan bahawa kelulusan itu dalam tempoh kurang daripada satu minggu, tetapi sekarang ada empat minggu, ada enam minggu dan lebih.

Ini bermakna ada pihak majikan akan mendapatkan pekerja-pekerja tanpa izin daripada punca-punca yang lain, yang banyak di negara ini dan adakah pihak kementerian berusaha untuk mempercepatkan kelulusan permohonan untuk pekerja-pekerja seperti ini?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya jelaskan pada suatu ketika, ini Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang menyentuh saya rasa perkara pembantu rumah, bukan semua sektor yang lain. Pembantu rumah ini memang pada satu ketika PPPA telah menyerahkan balik kepada Imigresen dan pembantu rumah ini kerana pada masa itu ada backlog dan Yang Berhormat Timbalan Menteri, rakan saya Yang Berhormat Dato' Megat Junid telah mengumumkan untuk menyelesaikan semua backlog itu. Maka masa itu memang betul, selepas Yang Berhormat pergi melawat JIM, backlog itu semuanya dapat diselesaikan, dalam satu dua minggu semuanya selesai.

Maka, ini sebenarnya bukan satu pengumuman atau percakapan yang tidak berasas, akan tetapi kemudiannya kerana banyak permohonan datang, maka susahlah untuk selesai dalam satu minggu kerana masih pihak Imigresen yang uruskan, bukan PPPA, tetapi mereka bersepadu dengan PPPA untuk mengatasi pemerosesan pembantu rumah ini dan sekarang PPPA sudah jauh lebih berkesan daripada dahulu. Dalam tiga bulan pertama ini telah meluluskan 40,000 lebih pekerja asing sektor-sektor lain, bukan pembantu rumah. Yang pembantu rumah itu, masih

di bawah Jabatan Imigresen. Oleh kerana kita bincang Akta Pasport, saya rasa kita sudah keluar sedikit, sudah pergi kepada pekerja asing ya.

Tuan Yang di-Pertua, macam mana pun semua perkara berbangkit dengan pemalsuan sindiket ini menjadi satu sebab utama kita datang ke Dewan ini, hendak pinda Akta Pasport, hendak jadikan penalti itu lebih berat, hendak beri satu, dengan izin, deterrent effect, kerana pada masa dahulu apabila RM10,000 maksimum, sindiket jual satu pasport dia dapat RM20,000, dia jual 100 dia dapat banyak wang, jadi denda RM10,000 apa dia? Tidak ada mandatory jail. Oleh sebab itu saya rasa ini merupakan salah satu kelemahan ataupun kurang deterrent, hukuman tidak cukup. Itu sebabnya kita hendakkan deterrent ini tetapi kadangkala penguatkuasaan ini.....

Dr. Tan Seng Giaw: Penjelasan, saya setuju kita mesti adakan penalti yang berat dan hukuman yang berat untuk mencegah daripada berlakunya penyelewengan seperti ini yang merosakkan negara ini. Walau bagaimanapun, dengan bilangan yang ditahan di bawah ISA (Akta Keselamatan Dalam Negara) bolehkah bilangan ini dikurangkan memandangkan penalti yang berat dan hukuman yang lebih dahsyat untuk pihak mereka ini dan bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada pihak kami, mengapa kita masih gunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri untuk menahan mereka? Bukankah kita mempunyai rang undang-undang dan akta yang lebih ketat untuk menahan mereka. Saya berharap Yang Berhormat dapat menerangkannya.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya baru hendak sampai pada ISA kerana telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kubang Kerian dan juga ada Yang Berhormat dari Parit Sulong menyoalkan sama ada, ada orang dalamankah atau tidak, adakah mereka

dibawa ke muka pengadilan dan sebagainya. Saya ingin menjelaskan kerajaan hari ini telah menggunakan ISA untuk sindiket ataupun ahli-ahli sindiket ataupun orang perseorangan yang telah terlibat dalam pemalsuan dokumen kerana kerajaan berpendapat pada masa kini ISA masih merupakan satu cara yang paling berkesan dan paling cepat untuk dapat culpritsnya sebelum mereka tutup bukti ataupun lari. Mereka yang terlibat ini bukan orang biasa. Memang ada orang dalaman. Sebagai contoh, yang saya berulang kali jawab di sini, ada 129 orang sudah masuk di Kem Perlindungan Kemunting di bawah ISA dan semua mereka ini seratus peratus adalah terlibat dalam pemalsuan. Tidak ada hal-hal yang lain - pemalsuan dokumen, sama ada pasport ataupun kad pengenalan ataupun dokumen yang lain.

Antara 129 orang ini yang telah berada dalam Kem Kemunting, 19 orang adalah daripada kakitangan kerajaan dan 11 orang adalah pegawai Jabatan Pendaftaran Negara, 2 orang adalah pegawai dari Jabatan Imigresen. Ini yang sudah pasti, sudah masuk. Yang belum masuk - baru-baru ini dalam jangka 60 hari belum lengkap ini, ada lagi 12 orang di mana terdapat 6 orang kakitangan kerajaan yang agak berjawatan tinggi - jawatan bekas Pengarah Negeri - ada dua orang Pengarah Negeri telah ditahan dan sedang disiasat. Semuanya kerana disyaki terlibat di dalam pemalsuan. Ini merupakan, kalau kerajaan tidak bertindak begitu cepat, mahu tunggu hingga Akta Pasport ini lulus, digazet baru tangkap, bukti sudah tidak ada, orang pun sudah lari!

Tuan Ruhanie bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, tindakan itu adalah terpuji. Saya ingin tahu adakah pegawai-pegawai kerajaan yang terbabit ini juga mempunyai kaitan dengan sindiket-sindiket di luar? Dan sekiranya ada, adakah orang-orang ini juga turut diheret untuk tahanan ISA? Terima kasih,

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini memang tepat pada masanya. Sebahagian dari mereka ini memang ada kaitan dengan sindiket dan sindiket itu bukan sahaja melibatkan orang Malaysia, ada orang luar juga dan ISA ini juga dikenakan kepada orang luar. Ada terdapat 36 orang warga asing di dalam 129. Beberapa sindiket telah tumpas tetapi nampaknya keuntungannya begitu menarik, sindiket banyak telah tumpas, ada sindiket yang lain. Bukan kata baru start, mereka ini mungkin sudah mula bekerja beberapa tahun lalu tetapi baru-baru ini dapat kita kesan dan tindakan....

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Kubang Kerian bangun.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, mereka yang terlibat dengan pemalsuan pasport dan sebagainya ini ditahan di bawah ISA. Semenjak saya ditahan di Kem Kemunting pada tahun 1987 dahulu, sudah ada pegawai-pegawai Imigresen ditahan di bawah ISA tetapi sekarang semakin ramai pegawai Imigresen ditahan di bawah ISA kerana pemalsuan pasport. Ertinya ISA tidak mendatangkan kesan kepada sindiket ini. Kenapa kerajaan sampai sekarang tidak mahu membicarakan mereka di mahkamah terbuka untuk kita bongkar ke akar umbi penglibatan mereka yang terlibat ini dan kerajaan jamin selepas akta ini lulus pada hari ini, selepas ini kita tidak dengar lagi mereka ditahan di bawah ISA tetapi didakwa di mahkamah terbuka untuk kita bongkar ke akar umbi sindiket mereka ini.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan menggunakan akta ataupun undang-undang yang sesuai pada masa yang sesuai. Bukan kita boleh sekali gus kata bila-bila Akta Pasport ini adalah berkesan. Di bawah Akta Pasport

ini penguatkuasa mungkin adalah pegawai Imigresen sendiri. Macam mana hendak menguatkuasa, Imigresen sendiri tangkap Pengarahnya, kalau tidak ada ISA? Inilah satu perkara kita kena tahu. Kadangkala orang yang tinggi itu, kalau kita tidak ada ISA, penguatkuasa pun takut sangat hendak masuk ke pejabat Pengarahnya. Di bawah keadaan itu dan kita tahu fail-fail ada di situ tidak boleh kita tunggu lagi, polislah masuk dengan ISA. Saya rasa kita percaya, bukan tidak boleh, kita tengok bilangan yang ramai, maka ini tidak berkesan. Ini semua hasil tangkapan ini mungkin sesuatu kejadian itu sudah berlaku beberapa tahun lalu dan juga ada kadangkala saksi-saksi ini, kita tahu mungkin dia tidak ada dalam negara ini. Mungkin ada saksi-saksi, atas sebab keselamatan dia enggan datang ke mahkamah, hendak pergi ke mahkamah bukan senang, tetapi memang kita seboleh-bolehnya bawa ke mahkamah tambahan pada itu pula Akta Pasport ini, kalau penalti sudah kuat orang pun sudah takut, kita ingat ini salah satu kesan yang akan jadi deterrent, di samping ISA itu sebagai satu back-up bila-bila boleh pakai dan seboleh-bolehnya kita guna undang-undang ke mahkamah.

Dr. Tan Seng Giaw: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Kepong ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya setuju kalau kita gunakan segala cara untuk mencegah penjenayah-penjenayah seumpama ini. Cuma yang mengelirukan saya, yang membimbangkan saya ialah adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar walaupun terdapat penyelewengan sedemikian di negara-negara lain tetapi di Malaysialah terutamanya dengan pegawai-pegawai Imigresen, bukan semualah, segelintir, yang terbabit dengan penjenayahan seperti ini. Apakah sebab musababnya? Mengapa di Malaysia sahaja dia memang berlaku tetapi di negara lain walaupun berlaku tetapi tidak begitu dahsyat. Mungkin Yang Berhormat di

dalam kementerian dalam negara ini, kita terpaksa membuat satu siasatan yang menyeluruh untuk mengetahui asas dan akar umbi masalah penyelewengan dan jenayah seperti ini.

Ini memang satu perkara yang serius. Saya setuju kita memang hendak mengambil tindakan yang tegas untuk mencegahnya. Walau bagaimanapun, kita hendak tahu puncanya.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah. Yang Berhormat dari Kepong pun setuju kerajaan bertindak tegas, tetapi bagi ketegasan ini, kadang-kadang kita kena gunakan ISA, you kena setuju jugalah. Kadang-kadang, bukan sengaja hendak suka-suka gunakan ISA.

Tuan Yang di-Pertua, mengapa di Malaysia? Mengapa? Saya pernah menjawab beberapa kali, Malaysia ini menjadi sasaran kerana ramai sangat orang hendak datang, sampai tadi kita sudah katakan 1.2 juta sudah masuk dan tidak mahu keluar. Tempat ini sudah banyak peluang kerja dan orang Malaysia ini pun baik sangat, melanggar undang-undang pun dia mahu berlindung. Ini salah satu faktor.

Jadi, orang sudah hendak masuk sangat, dia hendak datang, apabila dia sudah diusir keluar, dia masuk semula, mungkin dia gunakan pasport palsu, tidak kira pasport itu pasport Malaysia atau pasport lain.

Satu lagi faktor, kerana Malaysia ini, komposisi penduduknya majmuk, berbilang bangsa, banyak rakyat negara lain boleh menggunakan pasport Malaysia. Jadi, dia membeli pasport Malaysia - negara India boleh menggunakan pasport Malaysia, negara Taiwan, Hong Kong, China. Jepun pun boleh menggunakan sebab orang Jepun pun nampak macam orang Malaysia. Begitu juga Indonesia dan sebagainya. Inilah, semuanya yang menjadi faktor.

Kemudian, keuntungan. Kalau jual satu pasport, boleh dapat beberapa ratus ringgit, jual 100 pasport, tak payah kerja. Buat apa susah-susah bekerja dengan gaji hanya RM1,000? Inilah masalahnya. Oleh sebab itu, kita adakan undang-undang yang menjadi deterrent, kalau jual, masuk penjara, mandatori kenakan sebatan dan sebagainya. Ini sebabnya kita susah-susah pinda undang-undang ini dan kita bahaskan di sini.

Tuan Md. Isa bin Sabu: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Kangar bangun.

Tuan Ong Ka Ting: Saya ingat masa sudah banyak terbuang, tak cukup.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Hendak beri jalan lagi?

Tuan Ong Ka Ting: Last one.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya yang takut pada ISA ini, Kubang Kerian dan juga Kepong. (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sabar Yang Berhormat.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Bagi saya, ISA ada sepanjang hayat dengan saya.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Kubang Kerian, jangan mencelah macam itu, Yang Berhormat. (*Ketawa*) Tak betul. Cara itu tak betul.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Yang Berhormat Kubang Kerian dia memang takut, tetapi bagi saya, ISA ada sepanjang hayat dengan saya, saya tak takut. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, memandangkan

ramai pegawai-pegawai dari JPN dan Jabatan Imigresen yang ditahan di bawah ISA kerana terlibat dengan pemalsuan dokumen-dokumen; jadi, saya hendak minta penjelasan adakah pegawai-pegawai ini sebenarnya terlibat dengan pemalsuan ini dengan berniat begitu ataupun mungkin disebabkan oleh kelalaian, mungkin disebabkan oleh ignorant dalam tugas-tugas mereka?

Jadi, apakah pihak kementerian Yang Berhormat bercadang, kalau betul begitu, dapat dipulihkan semula pegawai-pegawai kita kerana kita juga takut nanti ada pihak-pihak yang tidak begitu yakin kepada perkhidmatan agensi-agensi kita dan juga ada golongan rakyat kita nanti yang takut untuk berkhidmat dengan JPN dan juga Jabatan Imigresen?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya pegawai-pegawai kerajaan itu lalai ataupun tidak berniat sangat untuk melibatkan diri, tidak serius sampai mahu menggunakan ISA. Kalau ada kesilapan yang merupakan administrative, mungkin hanya dengan tindakan disiplin pun sudah sangat berat. Selalunya mereka yang ditangkap ini adalah mereka yang sudah terlibat dengan serius dan kebanyakan masa adalah kerana sindiket sudah menawarkan sesuatu yang lumayan supaya mereka boleh menutup sebelah mata atau macam mana - menyeleweng atau salah guna kuasa.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Bolehkah, last?

Tuan Ong Ka Ting: Saya belum habis lagi. Sudah cukuplah.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Last.

Tuan Ong Ka Ting: Sudah last. Cukup, cukup.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Satu sahaja.

Tuan Ong Ka Ting: Saya tahu Yang Berhormat Kubang Kerian sebenarnya bukan takut sangat ISA, dia bangga sangat dengan ISA! (*Ketawa*) Sebab selalu dia bangun, dia kata, "saya masa di Kemunting...", "saya masa di Kemunting....".

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Satu sahaja, last. (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Hendak beri?

Tuan Ong Ka Ting: Okay, penutup ini, penutup.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, ada peluang lagi ya.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya bukan soal takut-berani, saya nampak ISA tidak menyelesaikan masalah sebab ISA ini, kadang-kadang kerajaan menutup sesuatu. Misalnya bila katalah Haslinda Merican diISAKAN, sebelumnya kita tidak tahu nama RTM dan nama hakim terlibat dan sebagainya. Bila dibicarakan, baru kita tahu. Begitu juga dalam hal passport ini, bila dibicarakan, baru kita tahu mana pegawai yang terlibat, siapa yang suruh dan sebagainya, baru dapat didedahkan. ISA sembunyikan mereka di kem, 2 tahun bebas. Maka, hal passport palsu tidak dapat diselesaikan. Ini yang saya tekankan supaya mereka dibicarakan dan barulah orang takut bila kena 6 kali rotan atau kena denda RM10,000. Rotan itu, orang takut. Maka dapat kita selesaikan masalah daripada kita sumbatkan mereka di bawah ISA, seolah-olah kita menutup sesuatu. Ini persoalan saya.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, senang sahaja. Kalau niat kerajaan itu memang macam disangkakan oleh Yang Berhormat, Haslinda itu kita masukkan di dalam ISA, mengapa pergi ke mahkamah sampai banyak cerita hari ini?

Maknanya kerajaan tahu bila terpaksa gunakan ISA. Bukan suka-suka hendak gunakan. Banyak sangat kes telah dibawa ke mahkamah secara telus. Itu menunjukkan Kerajaan Malaysia ini memang ada prinsipnya supaya mana-mana kes yang boleh dibawa ke mahkamah, seboleh-bolehnya kita pergi ke mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, ini Jelutong pula.

Tuan Ong Ka Ting: Cukuplah. Saya sudah kata tutuplah. Banyak nanti susah. Saya ingat Yang Berhormat mungkin.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Hendak beri jalan?

Tuan Ong Ka Ting: Kalau fasal pasport, okay. Jangan sebut fasal hal-hal yang lain, pasport sahaja.

Tuan R. Karpal Singh: Jangan takut! (*Ketawa*) Tuan Speaker, apa yang diperuntukkan dalam rang undang-undang ini, khasnya dalam seksyen 8 iaitu penalti lebih berat daripada apa yang ada. Bolehkah itu menjadi satu solusi bagi menggunakan undang-undang yang biasa? Apa yang diperuntukkan sekarang adalah,

"If fine not exceeding RM10,000 or imprisonment for term not exceeding 5 years"

Ini adalah bagi kesalahan yang dikatakan dilakukan oleh 129 orang di Kemunting sekarang. Tidakkah lebih baik jikalau peruntukan ini boleh melebihi daripada apa yang ada di sini dan peruntukan dalam seksyen 8 Akta Keselamatan Dalam Negeri tidak perlu digunakan oleh kerana ada undang-undang biasa?

Tetapi apa yang disuarakan oleh Timbalan Menteri tadi kerana barangkali ada Pengarah yang terlibat dan oleh itu sukar untuk mendapat saksi, dokumen dan sebagainya, hanya menggunakan peruntukan dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Adakah ini kerana tidak ada jalan lain untuk mendapat apa yang seharusnya didapati sebagai bukti melainkan dengan peruntukan dalam Akta Pasport ini. Ada peruntukan dalam Kanun Acara Jenayah di mana polis boleh bertindak. Tidak payah pegawai Imigresen bertindak, tetapi ada undang-undang biasa yang boleh digunakan.

ISA bukan bagi orang yang ditahan di Kemunting sekarang. Apabila ISA ada diperuntukkan di dalam zaman British pada tahun 1948, The Emergency Regulations 1948, itu menjadi Akta Keselamatan Dalam Negeri dalam tahun 1960.

Tuan Speaker, tidak ada tujuan Parlimen pada masa itu atau tujuan sesiapa bahawa ISA digunakan bagi orang-orang yang terlibat dalam pemalsuan pasport dan sebagainya. Di Singapura, sehingga hari ini Kerajaan Singapura, walaupun ada ISA, tidak menggunakan ISA itu untuk kesalahan-kesalahan yang biasa. Apa yang digunakan adalah undang-undang yang biasa.

Di India pun ada ISA iaitu MISA iaitu Maintenance of Internal Securities Act seperti mana ISA dalam negara ini. Tetapi dalam negara itu pun, tidak digunakan bagi kesalahan-kesalahan seperti mana di negara ini. Jika tidak ada jalan lain, menggunakan ISA, bukan ke atas ahli-ahli politik sahaja, tetapi ke atas orang-orang yang yang melakukan common criminal. Apa yang harus dibuat di dalam peruntukan ini ialah melebihi penalti yang ada di sini dan menggunakan undang-undang ini untuk memberi satu peluang kepada orang yang dituduh dalam mahkamah untuk memberi peluang

membela dan membersihkan diri jikalau ada keterangan. Saya ingat itu satu cara yang baik dan adalah in keeping with the rule of law. Adakah Timbalan Menteri di sana sedar dan bersetuju dengan apa yang saya cadangkan tadi?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Yang Berhormat dari Jelutong kalau dia kaji betul-betul setiap fasal akta ini memang kerajaan ada pandangan ke arah itu iaitu mereka yang membuat dokumen atau pasport palsu, dendanya jauh lebih tinggi daripada sekarang iaitu lebih daripada RM15,000 hingga RM100,000; bukan tidak lebih daripada RM10,000. Itu offence yang kurang serius sedikit, bukan yang membuat pasport palsu untuk dijual. Ini tampering. Sebenarnya bercanggahan dengan Yang Berhormat dari Bintulu yang bimbang nanti disalah guna dan juga mandatori penjara dua tahun dan rotan. Ini saya setuju. Kalau sekiranya akta ini sudah lulus, kita boleh gunakan akta ini terhadap mereka yang membuat pasport palsu dan kerajaan tentu mendakwa mereka di bawah akta ini.

Ini salah satu tujuannya kita hendak meminda akta ini dan saya tidak nampak ada apa-apa percanggahan antara apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat dari Jelutong. Tetapi kalau hendak bincang sama ada ISA ini masih wujudkah atau tidak, itu sudah luar daripada perbincangan Akta Pasport. Mungkin kita perlukan satu forum yang lain tetapi banyak kali kita sudah kata, kerajaan tidak berniat langsung hendak menyalahgunakan ISA dan pada hari ini tidak ada seorang pun ahli politik ditahan di bawah ISA kerana pendirian politik ataupun pemikiran politiknya kecuali kebetulan orang politik itu terlibat dalam jenayah seperti memalsukan dokumen. Itu cerita lain. Dan itulah dapat saya jamin di dalam Dewan ini dan susah untuk kita ambil masa ini untuk debate sangat tentang ISA. Walau bagaimanapun, saya ucapkan terima kasih kepada pandangan-pandangan yang sangat profesional itu, kita boleh berikan perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kluang, Bintulu telah sama-sama menyuarakan kehilangan pasport susah dapat digantikan. Sebenarnya Kementerian Dalam Negeri telah pun mengkaji dasar ini dan juga bersama-sama dengan Jabatan Imigresen mengadakan satu garis panduan dan Jabatan Imigresen pada hari ini sepatutnya mengikut garis panduan ini di mana sesiapa hilang pasport dengan tidak sengaja, sama ada banjir, kebakaran, kemalangan, rompak, curi tetapi kena dibuktikan, bukan sebut sahaja oleh seseorang itu. Apabila terbukti, Jabatan Imigresen perlu gantikan pasport itu dengan secepat mungkin. Ini adalah dasar. Sekarang kalau sekiranya masih terdapat apa-apa kes baru ini yang masih macam itu, elok beri sedikit contoh supaya Kementerian Dalam Negeri boleh siasat apa sebenarnya sudah berlaku. Kalau pada satu masa dulu memang susah sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, jawatankuasa untuk menimbang dan menggantikan pasport di Ibu Pejabat setahu saya setiap minggu akan bermesyuarat untuk meluluskan kes-kes yang genuine. Mengenai resit kad pengenalan yang hilang ataupun resit yang lain, sekiranya disahkan oleh Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara tentang kedudukan orang itu, Jabatan Imigresen sepatutnya memberikan pasport. Tetapi kadangkala Jabatan Imigresen ada keraguan tentang sama ada resit itu genuine atau tidak, walaupun ada cop, kadang-kadang cop sah itu pun ada masalah sama ada sahikah atau tidak. Kalau ada keraguan selalunya Jabatan Imigresen perlu menyemak dulu dan Kementerian Dalam Negeri berpendapat sepatutnya mereka diberi pasport lima tahun kalau kesahihan itu sah, tidak payah menyusahkan orang itu berulang kali.

Yang Berhormat dari Kluang juga sebut, maksud Yang Berhormat adalah satu smart card satu hari nanti. Adakah Malaysia akan menggunakan smart card di mana satu nombor hanya diguna untuk setiap orang? Saya rasa sekarang Malaysia belum tiba ke tahap itu. Mungkin

menjelang tahun 2020 kita boleh ada satu PIN nombor untuk setiap orang. Mudah-mudahan kita akan mencapai apabila kita sudah sampai ke tahap semuanya sudah berkomputer atau sistem komputer sudah lengkap.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Bintulu juga risau sedikit tentang penyalahgunaan kuasa terutamanya bagaimana kita akan kuatkuasakan undang-undang ini. Saya rasa Yang Berhormat tidak perlu bimbang kerana akta ini kuatkuasanya adalah mahkamah. Mahkamahlah tempatnya dibicarakan dan hakim akan tentukan bukti itu cukupkah tidak. Ini bukan administrative. Maka, saya rasa dengan ramai peguam yang handal termasuk peguam dari Jelutong, saya rasa mahkamah itu bukan tempat senang-senang menjatuhkan hukuman yang salah.

Tuan Yang di-Pertua, yang overstay - pasport kena tahan itu, baru-baru ini kita sudah adakan dasar. Yang overstay tidak melakukan kesalahan, mereka sudah balik dan kita pulangkan pasport itu, dia boleh keluar semula. Kecuali kalau negara itu sudah bertindak mengusir ataupun orang itu adarekod kesalahan, maka kita terpaksa menahan pasport. Tetapi kalau negara itu maafkan orang itu kerana dia tidak melakukan apa-apa yang lain kecuali tinggal lebih masa, dia boleh ambil balik pasportnya.

Jadi, itulah sahaja penjelasan saya. Apa-apa yang tidak sempat saya jawab, saya memberi jaminan akan diberikan perhatian yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 9—

Dr. Tan Seng Giaw: Fasal 9 Tuan Pengerusi. Saya tertarik kepada seksyen 12(C) yang memberi Ketua Pengarah Jabatan Imigresen kuasa untuk memberikan hadiah kepada orang yang memberikan bantuan berkaitan dengan pengesanan dan pendakwa kesalahan di bawah akta.

Tuan Pengerusi, bolehkah Yang Berhormat menerangkan bagaimana bentuk hadiah seperti ini? Apakah di dalam bentuk wang tunai ataupun hadiah-hadiah yang lain dan biasanya berapakah dalam nilai wang ringgit hadiah yang diberi supaya menarik minat orang-orang yang bakal memberi maklumat itu?

Saya memang tidak biasa dengan cara yang sedemikian yang dibuat oleh pihak Imigresen. Adakah hadiah ini pernah diberi kepada pihak yang memberi maklumat sebelum ini?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, sebelum ini hadiah tidak diberikan. Oleh sebab itu kita kena masukkan di dalam rang undang-undang ini dan hadiah ini adalah termasuk hadiah wang ringgit dan berapakah nilainya, kita akan adakan peraturan kemudian dan 'detail' nya belum kita tetap dan di bawah keadaan macam mana diberikan dan berapa, ini perlu dikaji dengan teliti sebelum amaan dan cara mana diberi itu ditetapkan. Selepas rang undang-undang ini dilulus, 'detail' nya baru dapat ditetapkan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Seksyen 12D mengenai kuasa bagi menteri

untuk memperuntukkan kuasa yang memberikan arahan yang bersifat umum atau khusus, yang tidak konsisten dengan akta. Apakah yang dimaksudkan dengan arahan sedemikian? Kerana nampaknya kuasa bagi ketua pengarah itu sangat luas mengikut pindaan ini - sangat luas. Tetapi kalau begitu luas kuasanya, mengapa kita masih memerlukan Seksyen 12D?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, sepertimana yang telah disebut dalam Seksyen 12D ini, menteri akan memberikan arahan pertamanya, dengan izin, "...all matters which appear to him to affect the policy of Malaysia.....". Apabila Menteri Dalam Negeri sudah merasa sesuatu pada masa kita membuat akta ini, kita tidak nampak, tetapi kemudian, kita kena adakan suatu pelaksanaan tanpa bercanggah dengan akta ini - boleh melaksanakan sesuatu yang sejajar dengan polisi Malaysia pada keseluruhan, sama ada polisi pelaburan, polisi-polisi pelancongan atau sebagainya. Kita perlu ada fleksibiliti untuk Menteri Dalam Negeri mengarahkan ketua pengarah supaya dia tidak rigid sangat sampai kadangkala hendak memberi arahan tidak ada kuasa, kadangkala orang mengatakan ketua pengarah lebih kuat daripada menteri, menteri tidak boleh arah dia membuat sesuatu.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, memang kita setuju kita tidak boleh rigid sangat, kita mesti fleksibel dengan lebih kelunturan bagi memberi arahan yang betul, tetapi sebagai Ahli Dewan Undangan, saya pun bimbang kerana kuasa yang diberi dengan pindaan ini sangat luas. Jadi, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi contoh mengapa arahan sedemikian diperlukan pada masa akan datang? Saya tidak tahu mengapa kita perlukan seksyen seperti ini, bolehkah beri satu contoh untuk penjelasan?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, dari masa ke semasa Menteri Dalam Negeri memang ada memberi arahan kepada ketua

pengarah. Sebagai contoh seperti yang saya sebutkan tadi, kita pernah membuat pasport, kalau pasport sudah hilang, macam mana boleh diganti. Jika kita memberi arahan serta guideline itu jelas dan aduan itu kita tahu, maka ketua pengarah kena melaksanakan mengikut garis panduan supaya tidak terlalu mengikut budibicara.

Kita tidak mahu kalau Kementerian Dalam Negeri hendak memberi satu arahan, nanti di bawah akta ini nampaknya tidak boleh, seperti pasport ditahan kalau seseorang itu melakukan kesalahan sama ada di luar negeri ataupun di dalam negeri, Menteri Dalam Negeri kena memberi arahan supaya ketua pengarah tahu di bawah keadaan macam mana, kesalahan macam mana pasport boleh ditahan dan sebagainya. Semua perkara yang administrative itu Menteri Dalam Negeri memberikan arahan, kalau ini hanya untuk memastikan, kita boleh menguruskan hal-hal pasport dengan lebih licin pada masa-masa akan datang, tetapi ia tidaklah bercanggah dengan spirit akta ini ataupun akta-akta yang lain.

Fasal 1 hingga 9 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT (PINDAAN) 1996

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.55 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat 1965 dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Syarikat 1965 telah dikuatkuasakan dalam tahun 1966 bagi mengawasi tindak-tanduk pihak-pihak yang terlibat dalam operasi sesebuah syarikat bagi menjamin supaya pelabur-pelabur kecil tidak tertindas dan bagi memastikan supaya suasana pelaburan negara kita berkembang dengan sihat. Semenjak itu akta ini telah dipinda beberapa kali supaya ianya selaras dengan aliran semasa sektor korporat yang semakin sofistikated dan juga untuk melicinkan lagi jentera pentadbiran dan penguatkuasaan akta.

Rang undang-undang yang kini dibentang untuk pertimbangan Dewan yang mulia ini mengandungi 21 Fasal pindaan. Sembilan daripada fasal-fasal yang terkandung di dalam rang undang-undang ini adalah bertujuan untuk memindahkan kuasa-kuasa Yang di-Pertuan Agong di dalam Akta Syarikat 1965 yang berbentuk administrative dan teknikal kepada menteri.

Pindaan-pindaan yang lain adalah untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh sektor korporat dan orang awam dan juga untuk memberi lebih galakan kepada perkembangan pasaran modal negara kita. Pindaan-pindaan tersebut telah dibuat hasil daripada memorandum dan maklum balas yang diterima daripada persatuan-persatuan yang mewakili sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menghuraikan pindaan-pindaan yang dicadangkan di dalam rang undang-undang ini. Seperti yang disebutkan tadi sembilan daripada fasal-fasal di dalam rang undang-undang ini adalah untuk tujuan memindahkan kuasa-kuasa Yang di-Pertuan Agong yang tertentu di bawah Akta Syarikat 1965 kepada menteri. Kesemua cadangan untuk memindahkan kuasa adalah meliputi perkara administrative dan teknikal sahaja.

Peruntukan-peruntukan akta yang dipinda untuk memindahkan kuasa Yang di-Pertuan Agong kepada menteri ialah Seksyen 14, 164, 194, 195, 210, 319, 324, 373 dan 374. Tujuan utama pemindahan kuasa ini ialah untuk melicinkan lagi pentadbiran akta oleh Pendaftar Syarikat supaya perkara-perkara teknikal dan administrative dapat diuruskan dan dikendalikan dengan lebih cepat lagi.

Cadangan untuk meminda Seksyen 21 adalah dibuat kerana terdapat beberapa buah syarikat milik bumiputera yang memasukkan ke dalam memorandum persatuannya fasal untuk menghadkan keahliannya kepada orang Melayu sahaja dan tidak dapat memindanya untuk tujuan mengapungkan syarikat di Bursa Saham Kuala Lumpur disebabkan peruntukan seksyen itu yang ada sekarang. Mengikut seksyen itu sekarang memorandum persatuan sesebuah syarikat hanya boleh dipinda dengan cara dan sejauh mana dibenarkan oleh Akta sahaja yang tidak termasuk kebenaran untuk meminda fasal yang tersebut di atas. Di sebaliknya jika sebuah syarikat memasukkan fasal itu di dalam artikel persatuannya yang biasa dibuat oleh kebanyakan syarikat, syarikat itu tidak akan menghadapi masalah untuk meminda.

Pindaan yang dicadangkan ini akan membolehkan syarikat-syarikat yang sedemikian dan juga syarikat-syarikat lain yang tersilap memasukkan fasal yang biasanya terdapat di dalam artikel persatuan ke dalam memorandum persatuannya melalui resolusi khas, seperti dibenarkan juga di United Kingdom dan Australia. Walau bagaimanapun, kebolehan untuk meminda memorandum adalah tertakluk kepada pindaan yang dibuat tidak melibatkan pindaan kepada hak-hak mana-mana kelas syer.

Pindaan seterusnya adalah dicadangkan kepada Seksyen 37, dengan memasukkan subseksyen baru (2A) untuk

mengecualikan sesuatu tawaran untuk menjual syer atau debentur yang telah diterbitkan dan disenaraikan di sesuatu bursa saham dari kehendak mendaftar prospektus dengan Pendaftar Syarikat, dan juga dari peruntukan-peruntukan akta berhubung dengan tawaran devender kepada orang awam.

Cadangan ini adalah dibuat berasaskan maklumat berkenaan dengan syer atau debentur sebuah syarikat yang tersenarai di bursa saham senang diperolehi dan serta orang pelabur boleh biasanya membeli syer atau debentur melalui pasaran saham. Cadangan pindaan juga memperkenalkan seksyen baru 39B bagi memberi kuasa kepada Pendaftar Syarikat untuk meluluskan relief daripada kehendak-kehendak Akta Syarikat berhubung dengan bentuk dan isi kandungan sesuatu prospektus. Seksyen baru ini adalah diperkenalkan untuk mengambil kira pandangan sektor swasta bahawa kehendak-kehendak Akta Syarikat berhubung dengan bentuk dan kandungan prospektus adakalanya didapati tidak praktikal dan mustahil dipatuhi. Ini merupakan satu halangan kepada syarikat-syarikat yang ingin membuat tawaran sekuriti kepada orang awam dan akan menjejaskan perkembangan pasaran modal negara kita.

Sebagai contoh, prospektus berhubung dengan tawaran sekuriti hutang atau debt securities oleh sebuah syarikat yang dijamin oleh sebuah institusi kewangan antarabangsa adalah diperlukan mengandungi penyata akaun institusi kewangan itu yang telah diaudit dan dibuat sehingga satu tarikh yang tidak melebihi 6 bulan daripada tarikh prospektus itu. Kerap kali tahun kewangan sebuah institusi penjamin itu adalah berlainan dengan tahun kewangan syarikat yang membuat tawaran. Dan dengan itu, penyata akaunnya mungkin akan melebihi 6 bulan daripada tarikh prospektus syarikat itu.

Untuk membuat penyata akaun yang lebih kemas kini dan mengadakan audit semula, adalah sangat tidak praktikal dan akan melibat kos yang besar. Dalam melaksanakan kuasa budi bicara yang akan diberi oleh seksyen baru yang tersebut, Pendaftar Syarikat akan dikehendaki untuk memastikan bahawa relief yang diluluskan tidak akan menyebabkan 'non-disclosure', maklumat-maklumat yang penting untuk membantu orang awam membuat penaksiran yang sewajarnya sebelum melabur di dalam sekuriti sesebuah syarikat. Di samping memastikan bahawa dengan mematuhi peruntukan-peruntukan mengenai prospektus secara sepenuhnya akan menimbulkan satu beban yang berat kepada syarikat yang memohon relief tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang mengikut seksyen 42(2) yang sedia ada, sesuatu prospektus berhubung dengan tawaran syer atau debentur sebuah syarikat kepada orang awam hanya boleh didaftarkan oleh Pendaftar Syarikat setelah satu salinan surat persetujuan daripada semua pihak dan lain-lain pihak yang dinamakan di dalam prospektus itu dan juga satu salinan semua material kontrak yang disebutkan di dalam prospektus itu telah diserahkan dengan Pendaftar Syarikat.

Kehendak untuk memajukan salinan-salinan kontrak kepada Pendaftar Syarikat bukan sahaja mengakibatkan masalah penyimpanan dokumen-dokumen itu di Pejabat Pendaftar Syarikat, kerana dokumen-dokumen itu biasanya berjilid-jilid dan memerlukan ruang setor yang besar, tetapi juga membangkitkan masalah dalam memikrofilemkan dokumen-dokumen itu. Memandangkan orang awam jarang membuat permintaan untuk memeriksa dokumen-dokumen itu di Pejabat Pendaftar Syarikat, dan untuk mengatasi masalah-masalah yang tersebut, maka adalah dicadangkan supaya kehendak di bawah seksyen 42 dipinda untuk tidak lagi memerlukan dokumen-

dokumen itu diserahkan simpan dengan Pejabat Pendaftar Syarikat, tetapi memadai syarikat yang berkenaan menyimpankannya di pejabat berdaftar masing-masing dan membukanya untuk pemeriksaan orang awam untuk tempoh selama 6 bulan setelah tarikh terbitan prospektus yang berkenaan tanpa bayaran.

Mengikut kehendak Akta Syarikat sesuatu prospektus berhubung dengan tawaran syer atau debentur kepada orang awam adalah didaftar sebelum tarikh ianya diterbitkan kepada orang awam dan juga sepanjang masa tempoh laku sesuatu prospektus. Biasanya 6 bulan atau satu tarikh yang lebih awal yang disebutkan di dalam prospektus. Adakalanya terdapat perubahan penting kepada sesuatu perkara yang didedahkan di dalamnya ataupun sesuatu maklumat penting telah tidak didedahkan di dalamnya.

Mengikut amalan sekarang jika prospektus itu belum diterbitkan, satu salinan nota tambahan adalah dimasukkan dan diedarkan bersama setiap salinan prospektus dan jika prospektus itu telah diterbitkan, kenyataan mengenai perubahan atau perkara yang tertinggal itu akan diumumkan melalui surat khabar. Cara ini didapati tidak memberi perlindungan yang sewajarnya kepada para pelabur, kerana seorang pelabur tidak berhak menarik balik pelaburan beliau jika didapati maklumat perubahan atau perkara yang tertinggal itu mempunyai kesan negatif ke atas pelaburan itu.

Dengan pengenalan seksyen baru 42A, sebuah syarikat akan dikehendaki mendaftarkan suatu prospektus tambahan dengan Pendaftar Syarikat dalam keadaan sedemikian, dan memastikan maklumat-maklumat baru itu disampaikan kepada pihak-pihak yang berkenaan mengikut cara yang ditetapkan di dalam seksyen itu. Pelabur-pelabur juga akan diberi peluang untuk menarik balik wang yang dilaburkan tanpa penalti.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam pasaran modal negara kita yang berkembang dengan pesat, instrumen-instrumen baru dan juga ciri-ciri baru adalah biasa dicadangkan. Pematuhan dengan segala peruntukan-peruntukan akta berhubung dengan prospektus, dan tawaran syer dan debentur kepada orang awam mungkin didapati tidak praktikal dan melibatkan kos yang tinggi dan juga menjadi rintangan kepada mereka yang bercadang membuat tawaran.

Seksyen baru 47A adalah diperkenalkan bagi memberi kuasa kepada menteri untuk mengecualikan mana-mana orang dari kehendak mematuhi peruntukan-peruntukan yang tersebut atas permohonan dibuat dan dengan syor yang sewajarnya daripada Pendaftar Syarikat. Pendaftar Syarikat akan mengadakan perundingan yang sewajarnya dengan pihak Bank Negara Malaysia atau Suruhanjaya Sekuriti sebelum sesuatu permohonan disyorkan kepada menteri. Seksyen baru ini adalah dicadangkan atas permintaan industri sekuriti dan kewangan dan juga selaras dengan undang-undang persyarikatan di Australia dan Singapura.

Peruntukan seksyen 38(1B)(C) Akta Syarikat yang sedia ada, mengecualikan seseorang daripada kehendak mendaftar prospektus dengan Pendaftar Syarikat jika pelawaan untuk membeli debentur sesebuah syarikat adalah dibuat kepada pihak-pihak yang tersenarai di bawah seksyen itu, iaitu sebuah "prescribe corporations", iaitu sebuah bank, syarikat kewangan, bank saudagar, discount houses dan lain-lain institusi kewangan yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan di bawah Seksyen 38(7) akta tersebut, syarikat insurans, perbadanan berkanun, tabung pencen dan syarikat-syarikat asing. Pihak-pihak berkenaan adalah dianggap mempunyai keupayaan dan kepakaran untuk membuat taksiran sendiri tentang sesuatu pelaburan dalam debentur sebuah syarikat dan tidak memerlukan perlindungan peruntukan-peruntukan berhubung dengan prospektus di bawah akta tersebut.

Industri Sekuriti dan Kewangan pada amnya berpendapat bahawa pengecualian sedemikian juga patut diberi kepada sesuatu tawaran syer kepada pihak-pihak yang disebutkan di atas dan juga berpendapat pihak-pihak berkenaan perlu diluaskan untuk merangkumi pihak-pihak yang lain, yang juga mempunyai keupayaan dan kepakaran untuk membuat taksiran sendiri mengenai sesuatu pelaburan seperti syarikat-syarikat broker saham, tabung unit amanah, KLOFFE and investment companies, penasihat-penasihat pelaburan dan lain-lain pelabur sofistikated yang akan ditetapkan oleh menteri melalui Warta Kerajaan kelak. Seksyen baru 47B yang dicadangkan sekarang adalah untuk memberi pengecualian-pengecualian yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 84 adalah dibuat untuk mengambil kira perjanjian kerajaan kepada pengurus-pengurus dana bahawa pengawasan dan pengawalan industri unit amanah akan diletakkan di bawah sebuah pihak berkuasa sahaja. Pada masa sekarang, pengawasan dan pengawalan industri unit amanah adalah dijalankan oleh Pendaftar Syarikat di bawah Akta Syarikat, 1965 dan Suruhanjaya Sekuriti di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti, 1993. Keputusan telah dibuat oleh kerajaan supaya Suruhanjaya Sekuriti sahaja dijadikan pihak berkuasa tunggal bagi industri unit amanah. Maka adalah dicadangkan supaya kepentingan di dalam sesuatu skim unit amanah dikeluarkan dari tafsiran perkataan 'interest' di bawah seksyen 84. Dengan pelaksanaan pindaan itu, kehendak-kehendak di bawah Bahagian V, Penggal 4 Akta Syarikat 1965 tidak akan lagi terpakai kepada skim-skim unit amanah dan semua perkara berkaitan dengan skim tersebut tidak lagi di bawah bidang kuasa Pendaftar Syarikat.

Pada masa sekarang terdapat ramai orang awam yang datang ke pejabat Pendaftar Syarikat untuk membuat carian maklumat dan meminta salinan dokumen

syarikat tanpa mengetahui nombor pendaftaran syarikat yang berkenaan. Ini akan memerlukan lebih masa untuk pejabat itu mendapat nombor yang berkenaan dan seterusnya akan melambatkan usaha pejabat itu untuk memenuhi semua permintaan orang awam.

Dengan pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 121 dan 338, semua syarikat tempatan dan syarikat asing akan dikehendaki mencatatkan nombor syarikatnya di atas segala dokumen-dokumen perniagaan, penyata akaun, invois dan lain-lain dokumen perdagangan. Dengan itu nombor pendaftaran sesebuah syarikat akan diketahui oleh mereka yang berurusan dengan syarikat itu. Pindaan-pindaan ini bukan sahaja akan memudahkan orang awam untuk mendapat maklumat dan pengesahan yang dikehendaki berkaitan sesebuah syarikat, bahkan orang awam akan juga mendapat tahu bahawa sesebuah syarikat itu adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat, 1965.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi seksyen yang akan dipinda ialah seksyen 132D. Mengikut seksyen yang ada sekarang Lembaga Pengarah sesebuah syarikat hanya boleh mengeluarkan saham baru bagi syarikatnya setelah mendapat kelulusan awal mesyuarat agung terlebih dahulu. Tujuan seksyen tersebut ialah untuk memberi notis awal kepada pemegang-pemegang saham, terutamanya pemegang saham minoriti sebuah syarikat tentang suatu cadangan untuk menerbitkan saham baru tambahan dalam modal syarikat itu. Jika didapati cadangan itu akan menindas kepentingan mereka, permohonan boleh dibuat ke mahkamah tinggi untuk menahan tindakan pengarah-pengarah tersebut di bawah seksyen 181, Akta yang sama.

Walaupun tidak dinafikan bahawa peruntukan ini adalah diperlukan untuk menjaga kepentingan pemegang-pemegang saham minoriti di dalam sebuah

syarikat, akan tetapi ianya mempunyai kesan sampingan yang boleh menjejaskan serta melambatkan sesuatu urusan pembelian syarikat lain atau aset dengan mengeluarkan saham-saham syarikat pembeli sebagai pertimbangan. Untuk mengadakan mesyuarat agung bagi mendapatkan kelulusan bagi sesuatu urusan seumpama itu, adalah sangat rumitkan dan memakan masa terutamanya jika ia melibatkan sebuah syarikat awam yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur. Oleh itu untuk memastikan seksyen tersebut tidak menjadi batu penghalang kepada sesuatu urusan seumpama itu, adalah dicadangkan seksyen tersebut dipinda sedikit tanpa menjejaskan tujuan asalnya iaitu untuk memberi notis awal kepada pemegang-pemegang saham, terutamanya pemegang-pemegang saham minoriti.

Dengan pindaan yang kini dicadangkan kepada seksyen 13D, sesebuah syarikat yang bercadang untuk melaksanakan urusan pembelian syarikat lain atau aset dengan mengeluarkan saham sendirinya sebagai pembayaran atau balasan, tidak perlu lagi mendapat kelulusan mesyuarat agungnya terlebih dahulu. Apa yang perlu hanyalah untuk memberi notis bertulis mengenai cadangan tersebut kepada semua pemegang-pemegang sahamnya 14 hari sebelum urusan itu hendak dilaksanakan. Tujuan notis tersebut adalah semata-mata untuk membolehkan pemegang-pemegang saham terutamanya pemegang-pemegang saham minoriti untuk mengikuti perkembangan tindakan urusan tersebut dan menguatkuasakan haknya di bawah seksyen 181, Akta Syarikat 1965 untuk mempertikaikan tindakan tersebut di mahkamah tinggi jika ada bukti-bukti yang menunjukkan tindakan urusan tersebut merupakan satu penindasan atau fraud terhadap kepentingan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan-cadangan yang terkandung di dalam Rang Undang-undang yang kini dibentang

untuk pertimbangan Dewan yang mulia ini adalah sangat diperlukan bagi mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh sektor korporat dan juga industri sekuriti dan kewangan dalam urusan pembelian syarikat dan aset dan juga dalam membuat tawaran kepada orang awam untuk membeli syer atau debentur sebuah syarikat. Ianya juga bertujuan untuk memberi lebih kepercayaan dan keyakinan dalam urusan perniagaan harian dan menyumbang kepada pembangunan dan perkembangan pasaran modal negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Tuan Tan Chai Ho): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat 1965 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Labuan.

5.08 ptg.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya bagi membahaskan Akta Syarikat (Pindaan) 1965.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Syarikat 1965 merupakan suatu perundangan yang mengawal segala aktiviti syarikat yang beroperasi di negara ini. Ia mula dikuatkuasakan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi, pada 15hb April, 1966 dan telah pun dipinda beberapa kali bagi mengemaskinikan kesesuaian dengan perubahan aktiviti perniagaan yang begitu pesat perkembangannya kini.

Walaupun pindaan-pindaan telah dibuat pada tahun 1969, 1971, 1985 dan 1986 dan yang akhir sekali ialah pada tahun 1987, dan setelah hampir 10 tahun ianya tidak dipinda, pada hemat saya langkah meminda akta tersebut kali ini amat bertepatan dengan waktunya memandangkan bentuk dan ciri-ciri perniagaan pada dekad 90-an ini lebih agresif, lebih sofistikated dan akta yang lalu tidak lagi sesuai dipakai ataupun telah out-dated, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Secara amnya Akta ini digubal berdasarkan Akta Syarikat di negara-negara Commonwealth seperti United Kingdom dan Australia dan organisasi perniagaan yang ditubuhkan di bawah akta ini berbentuk syarikat berhad yang lebih mirip kepada sebuah korporat dan dengan bentuk demikian maka ia wujud tersendiri yang berasingan dengan pemilik atau orang yang bekerja di dalamnya.

Pindaan menerusi Fasal 4 hingga Fasal 10 seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi adalah bagi merasionalkan isu prospektus penawaran saham untuk saham-saham awam yang mana peruntukan yang sedia ada boleh kita anggap lapuk dan kaku.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini syarikat awam ataupun syarikat berhad mengikut saham boleh dikategorikan di bawah syarikat awam jika ia mempunyai beberapa ciri seperti mematuhi larangan yang dibenarkan sama seperti syarikat persendirian kecuali ia mengeluarkan prospektus untuk mempelawa orang ramai bagi membeli saham yang diperuntukkan kepada awam.

Dalam hal ini, ada pula mereka perlu mematuhi beberapa peraturan sebelum kebenaran mengeluarkan prospektus kepada orang ramai dan Fasal 6 Akta Syarikat yang bertujuan memasukkan seksyen baru 39B yang memberi pendaftar

kuasa serta memberi pelepasan untuk meluluskan perubahan daripada kehendak akta tentang bentuk dan kandungan prospektus. Tuan Yang di-Pertua, hal ini pada pandangan saya akan melicinkan lagi pengeluaran prospektus untuk tatapan awam ataupun untuk penilaian dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 11 yang akan meminda Seksyen 121 akta mengkehendaki tiap-tiap syarikat menyatakan nombor syarikatnya sebagai tambahan kepada namanya dan pada meterinya dan tiap-tiap dokumen perniagaan, notis dan sebagainya dan keperluan ini turut diaplikasikan di dalam Fasal 19 tetapi ianya hanya berkesan ke atas pendaftaran syarikat asing sebagai cawangan di Malaysia. Namun jumlah syarikat seperti ini adalah terlalu kecil bilangannya seperti syarikat awam.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Walau bagaimanapun, pelaksanaan kedua-dua Fasal ini akan mengakibatkan lebih kurang 300,000 syarikat yang sudah wujud dikehendaki meletakkan nombor syarikat di atas meterinya atau common seal, surat perniagaan, penyata akaun, invois, notis rasmi, penerbitan syarikat, pertukaran bil, nota pinjaman, endorsement, check nombor ataupun tempahan, resit, surat kredit dan sebagainya.

Pertukaran untuk meletakkan nombor perniagaan ini adalah baik dilaksanakan bertujuan mengelakkan sebarang penipuan dan memperkemas lagi sistem perniagaan di negara ini dan akan memudahkan kerja-kerja penaksiran dibuat oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri kemudian.

Akan tetapi ia juga turut memberikan beban kepada syarikat-syarikat yang wujud terutamanya syarikat-syarikat persendirian yang kecil di mana syarikat-syarikat ini

terpaksa menggantikan segala common seal, pelbagai surat-menyurat rasmi syarikat dan sebagainya dengan yang baru dan ia perlu meletakkan nombor syarikat ini. Jadi, kerja-kerja penukaran ini akan melibatkan kos tambahan, biasanya setiap syarikat akan membuat segala dokumen rasmi dalam bentuk yang banyak dan bagi mengurangkan kos percetakan ini. Dan sekiranya cetakan semula dibuat untuk memasukkan nombor perniagaan ini, ia pasti merugikan syarikat terbabit dan mereka juga terpaksa mengeluarkan perbelanjaan untuk percetakan baru dan hal ini pastinya akan membebankan peniaga-peniaga khususnya mereka yang mengendalikan syarikat-syarikat yang kecil.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu, saya berharap supaya pelaksanaan Fasal ini dapat dijalankan secara perlahan dan beransur-ansur dan kerajaan perlu memberikan peruntukan masa kepada syarikat-syarikat terbabit untuk mengikut peraturan tersebut setelah stok lama habis digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 12 yang bertujuan meminda Seksyen 132D akta, pada pendapat saya akan mengurangkan masa yang banyak dan menjimatkan kos syarikat tersebut, ini kerana ia membolehkan pengarah syarikat menerbitkan saham seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tanpa kelulusan terlebih dahulu, syarikat dalam mesyuarat amnya dan jika saham ini diterbitkan sebagai balasan atau sebahagian daripada balasan bagi perolehan saham atau aset oleh syarikat itu dan anggota syarikat itu, telah diberitahu mengenai niat untuk menerbitkan saham tersebut, sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh terbitan dibuat dan sebelum ini saham-saham yang bakal diterbitkan harus mendapatkan kelulusan oleh mesyuarat am dan pemegang saham syarikat yang mana prosedurnya sangat mahal dan membebankan syarikat-syarikat awam.

Tuan Yang di-Pertua, kaedah ini turut memakan masa yang lama dan ia memerlukan keputusan jemaah mesyuarat yang lazimnya mengambil masa yang lama menerusi beberapa siri mesyuarat yang terpaksa diadakan oleh syarikat dan perkara ini sentiasa menimbulkan juga rasa kurang senang beberapa pihak yang terlibat dan banyak perkara dan banyak perubahan yang boleh berlaku sehingga saat mesyuarat tersebut meluluskan terbitan saham-saham yang dimaksudkan.

Justeru itu, pindaan Fasal ini merupakan langkah positif bagi memperbaiki keefisiensian perniagaan dan menjamin pengurusan yang lebih mahir dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini saya ingin bertanya tentang kuasa menerbitkan saham tambahan maksimum sebanyak 10% setiap tahun yang diberikan kepada bukan pemegang saham khususnya syarikat-syarikat awam. Saya ingin bertanya apakah dengan pindaan akta ini, ini akan terbabit dan dalam pengalaman kementerian selama ini apakah kebenaran ataupun provision untuk memberikan saham baru kepada bukan pemegang saham. Ini telah banyak disalahguna oleh pemegang-pemegang saham majoriti yang mempunyai penguasaan bagi sesebuah syarikat awam di negara ini khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu juga, kita yakin dengan pindaan kepada Akta Syarikat yang dibuat ini akan dapat mengurangkan masa dan juga akan dapat melicinkan lagi proses pengeluaran saham. Tetapi dalam konteks praktikalnya pada hari ini walaupun mungkin ini boleh dibuat tetapi masih juga dalam proses untuk mengeluarkan saham untuk tujuan mengambil alih mendapatkan aset atau pengambilalihan sebuah syarikat yang lain masih mengambil masa yang begitu lama, kadangkala memakan masa enam bulan, lebih daripada tiga bulan dan ada yang lebih lama daripada ini dan ini mungkin di luar bidang kuasa kementerian kerana ianya melibatkan agensi-agensi

lain di mana sebuah syarikat terpaksa mendapatkan kelulusan terlebih dahulu.

Jadi, apakah selepas pindaan ini di mana keperluan-keperluan lain yang dikehendaki oleh agensi-agensi untuk memberikan kelulusan ini akan dapat mengurangkan waktu atau masa supaya sesuatu kelulusan itu dapat diperolehi lebih awal daripada yang ada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 2 juga Fasal 13 hingga Fasal 18 dan Fasal 20 hingga Fasal 21, bersabit dengan meminda kuasa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kepada menteri, saya amat bersetuju ke atas pindaan kepada Fasal ini. Pindaan ini saya anggap baik dan bagi menjamin kelicinan serta penyelenggaraan syarikat di negara ini. Pengurusan syarikat adalah bagi saya perkara kecil untuk dilaksanakan oleh Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong dan menteri adalah individu yang paling layak untuk mengendalikan perkara ini. Pindaan kuasa dari Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong kepada menteri ini, saya yakin akan dapat mempercepatkan pelbagai proses syarikat termasuklah proses kelulusan. Ini kerana menteri berupaya membuat keputusan yang cepat dan mampu juga untuk mengurangkan segala kerenah birokrasi yang selalunya mendalangi kelicinan pelbagai proses syarikat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan Akta Syarikat 1965 ini berikutan perkembangan sektor perniagaan negara yang semakin pesat dan semakin sofistikated dan kepesatan yang berlaku ini diiringi dengan pelbagai ragam perniagaan yang memerlukan suatu set peraturan yang baru dan terkini, bersesuaian dengan kehendak serta iklim yang ada.

Namun demikian, diharapkan pindaan ini tidak akan membebaskan terutamanya mereka yang menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan seperti yang

disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi juga. Mereka adalah sebahagian besar penyumbang dalam sektor perniagaan dan rombakan yang melibatkan kos yang banyak amat tidak adil buat mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyatakan di dalam Dewan tentang apa yang berlaku di Labuan pada hari ini di mana setiap syarikat yang ingin beroperasi perlu mendaftar dengan Pendaftar Syarikat (Registration of Company) di Labuan dan para pemilik syarikat juga akan dikenakan bayaran lesen perniagaan tahunan sebanyak RM25 setahun yang dikeluarkan oleh penguasa kerajaan tempatan iaitu Majlis Perbandaran Labuan. Dan apa yang berlaku, para peniaga ini juga sedikit waktu lagi diwajibkan bagi mendaftarkan dan membayar jumlah wang yang sama sebanyak RM25 bagi tujuan Pendaftaran Perniagaan (Registration of Business).

Jadi, peraturan ini kepada banyak peniaga-peniaga kecil tempatan merupakan satu beban yang baru kepada mereka dan mereka sepatutnya diberi alternatif ataupun dibenarkan membuat pendaftaran perniagaan secara sukarela khususnya syarikat-syarikat kecil ataupun syarikat-syarikat yang baru sahaja ditubuhkan di sana. Bagi saya adalah tidak wajar bagi mereka ini mendaftarkan perniagaan dan membayar yuran tahunan tersebut sekiranya mereka tidak berhasrat membuka perniagaan di tempat lain. Peniaga-peniaga kecil di Labuan beroperasi secara kecil-kecilan dan dalam konteks ini juga saya ingin merujuk kepada perbincangan awal yang dibuat dengan Majlis Perbandaran Labuan, ketika itu saya menjadi Naib Pengerusi Majlis Perbandaran Labuan bagi tujuan ROC memanjangkan pengenaan pendaftaran perniagaan dibuat di Labuan dan dalam perundingan tersebut, tidak ada disebut apa-apa pengenaan bayaran sebanyak RM25 bagi mereka untuk mendaftarkan syarikat mereka dengan ROB ini.

Jadi, saya berharap setelah ini, walaupun, Tuan Yang di-Pertua, wang sejumlah RM50 setahun ini kecil tetapi ia boleh membebaskan mereka tambahan pula tidak semua syarikat atau perniagaan meraih keuntungan lumayan. Jadi, saya dalam konteks ini telah mendapat tentangan ramai daripada peniaga-peniaga tempatan. Saya juga kurang pasti sama ada peraturan mewajibkan pendaftaran perniagaan ini dilaksanakan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

Saya khuatir sekiranya peraturan ini dilaksanakan di seluruh negara, ia bakal menyekat peniaga baru yang ingin memulakan perniagaan mereka. Oleh yang demikian, saya ingin menyarankan kepada kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya menimbang semula penguatkuasaan pendaftaran dengan ROB di Labuan kepada suatu tarikh yang lebih sesuai di mana semua peniaga-peniaga kecil-kecilan di Labuan ini memahami tentang tujuan mendaftarkan syarikat mereka dengan kementerian dan saya juga mengambil peluang ini untuk menyatakan bahawa mobility setiap syarikat terhad disebabkan pendaftaran yang mengawasi perniagaan mereka oleh kerajaan-kerajaan tempatan dan dengan peraturan ini juga para peniaga baru tidak akan berupaya bersaing dengan syarikat yang sedia wujud yang lebih kukuh dan lebih besar. Jadi, fenomena ini akan menyekat peluang peniaga-peniaga kecil yang baru dan secara tidak langsung mengehadkan ataupun mematikan semangat mereka untuk berniaga.

Jadi, pelaksanaan undang-undang baru, Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks pindaan akta ini sewajarnya memberikan perhatian kepada nasib peniaga kecil seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi. Jadi, mereka memerlukan sokongan dan bantuan di sebaliknya dan adalah tidak adil sekiranya mereka tidak diberi perhatian yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin meminta pihak kementerian supaya dapat menubuhkan satu jawatankuasa ataupun penguatkuasa khusus di Labuan yang boleh membuat rondaan dan membanteras operasi pendatang tanpa izin yang berniaga secara haram dan bagi membantu penguatkuasa kerajaan tempatan yang sedia ada ini dan perkara pendatang tanpa izin ini menjalankan perniagaan tanpa lesen, yang pertama, dan oleh kerana tiada tindakan yang dikenakan ke atas mereka, operasi mereka ini menjadi semakin berleluasa dan di luar daripada kawalan penguatkuasa tempatan yang ada dan saya memandangkan masalah yang berlaku ini dalam dua aspek.

Yang pertama, kemunculan mereka sebagai pendatang tanpa izin sudah jelas pada kita menyalahi undang-undang dan yang kedua, tindakan mereka menjalankan perniagaan tanpa lesen menjejaskan peluang rakyat negara ini untuk perhatian dan masalah ini perlu diberi perhatian dan tindakan segera perlu diambil oleh kementerian dan juga kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengakui, adalah sukar bagi mengatasi masalah ini sekiranya tiada tindakan dari pihak kerajaan secara berkesan kerana kepesatan pembangunan di Labuan secara logiknya perlulah dirasai dahulu oleh setiap rakyat negara ini. Selain menyekat peluang rakyat tempatan di bidang perniagaan, kemunculan mereka secara berleluasa tanpa sekatan juga mengakibatkan pergaduhan dan pergaduhan yang melibatkan pendatang dengan rakyat tempatan perlu dipandang secara rasional dan serius. Ia tercetus dari rasa tidak puas hati peniaga tempatan dan peniaga tempatan yang ingin berniaga perlu melalui berbagai peraturan syarikat dan perniagaan dan segala birokrasi kerajaan yang juga melibatkan kos. Sebaliknya, para pendatang yang berniaga tidak berbuat demikian dan perniagaan mereka adalah secara percuma dan tiada tindakan diambil ke atas mereka.

Sehubungan dengan itu, saya sekali lagi meminta jasa baik kerajaan untuk memandang masalah ini secara serius. Satu bentuk penguatkuasaan perlu ditubuhkan untuk membanteras operasi perniagaan secara haram dan kemasukan pendatang tanpa izin ini dapat dibendung dengan segera, jadi perkembangan dunia perniagaan di negara ini dewasa ini amat memberangsangkan dan produktif dan saya harap sebarang pindaan terhadap akta yang bersabit dengannya adalah langkah bijak dan bersesuaian dengan iklim perniagaan yang sentiasa berubah ini.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dilaksanakan perlulah menjamin keadilan kepada semua. Sebarang peluang dan faedah dari dunia perniagaan haruslah dinikmati bersama oleh setiap rakyat. Dalam konteks ini juga saya amat bersetuju dan menyokong di mana siaran prospektus melalui akhbar-akhbar tempatan dibuat dan tindakan ini menjamin peluang kepada seluruh rakyat Malaysia untuk menyertai urusanniaga saham, khususnya rakan-rakan saya di dalam Dewan ini untuk mendapat terbitan baru dan sebagainya. Jadi, pada hemat saya, peluang mencari keuntungan perlu diagih sama rata dan bukan untuk di kalangan tertentu sahaja.

Sekian, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua, (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Balik Pulau.

5.32 ptg.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 1996.

Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada institusi-institusi asas yang lain dalam negara dan dalam ekonomi kita, selain daripada institusi Parlimen

ini, institusi keluarga, institusi syarikat merupakan satu daripada institusi yang sangat penting dalam negara terutamanya dalam konteks negara semakin membangun. Dari segi ekonominya, institusi ini menjadi lebih penting pada pendapat saya. Oleh itu, Akta Syarikat juga merupakan satu daripada Rang Undang-undang yang sangat penting kerana ianya berperanan, antara lain, untuk mengawal selia perjalanan semua syarikat-syarikat di seluruh Malaysia.

Ianya juga berperanan untuk melindungi pemegang-pemegang saham, peserta, pelabur dan juga pemilik-pemilik syarikat-syarikat yang wujud. Selain daripada itu, ianya juga merupakan satu undang-undang yang menimbulkan keyakinan kepada pelabur dan kepada semua tuan punya institusi ini bahawa kepentingan mereka akan terjamin dengan adanya akta ini.

Oleh yang demikian, kita mengalulakukan cadangan pindaan kepada Rang Undang-undang Syarikat yang dibentangkan sekejap tadi. Saya hanya ada beberapa perkara yang hendak saya timbulkan untuk mendapat penjelasan daripada kementerian. Antara yang dikemukakan untuk pindaan, ialah pindah kuasa daripada Yang di-Pertuan Agong kepada Menteri. Itu satu yang termaklum dan kita alu-alukan perubahan tersebut untuk melicinkan lagi pentadbiran seperti kata rakan saya dari Labuan. Kita rasakan perkara-perkara yang terlibat di sini adalah terlalu kecil untuk melibatkan Yang di-Pertuan Agong.

Tentang seksyen 47 dan sebagainya yang melibatkan pengecualian dari segi pendedahan maklumat dalam prospektus untuk terbitan saham dan sebagainya, saya ingin menimbulkan beberapa pandangan saya. Kita merasakan bahawa maklumat adalah satu sumber yang cukup penting dalam zaman sekarang ini dan kita merasakan bahawa sesuatu keputusan,

sama ada di sebelah pihak pelabur ataupun di sebelah pihak pemilik syarikat yang dibuat berdasarkan kualiti maklumat yang baik akan memberikan pihak tersebut satu kelebihan berbanding dengan pihak yang membuat keputusan berdasarkan tahap maklumat yang kurang baik.

Penyebaran maklumat dan pendedahan maklumat ini untuk semua orang merupakan satu peranan yang penting yang dimainkan oleh Pendaftar Syarikat melalui kuasa-kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta ini.

Kita dapati bahawa ada cadangan untuk memberi kuasa kepada Menteri untuk memberi pengecualian dalam keadaan-keadaan yang tertentu untuk mempercepatkan dan juga untuk melicinkan perjalanan terbitan saham dan sebagainya. Walau bagaimanapun kita hendaklah sentiasa ingat bahawa Pendaftar Syarikat berperanan penting dalam konteks ini kerana kita tidak mahu daripada perubahan-perubahan yang dicadangkan, maka fungsi penzahiran maklumat ini akan terbatas.

Kita tidak mahu terdorong sangat kerana keperluan untuk melakukan perkara ini dengan cepat dan oleh sebab itu kita memohon untuk meminda dan memberi pengecualian dalam keadaan-keadaan tertentu untuk memudahkan soal penyebaran ataupun information dissemination ini.

Saya juga tidak dapat menerima sebagai satu alasan, misalnya terdapat begitu banyak maklumat dan ini dijadikan sebagai satu *raison d'etre* untuk kita mengecualikan pendedahan maklumat ini. Maklumat ini bukan sahaja diperlukan untuk mereka yang "sophisticated customers", tetapi diperlukan pada dasarnya, didedahkan kepada siapa sahaja. Bukanlah hak sesiapa untuk mentakrifkan kepada siapa maklumat ini adalah relevan.

Pihak Pendaftar Syarikat/kementerian patut menerima sebagai satu hakikat bahawa dalam era sekarang ini, dalam era ledakan maklumat ini, satu fenomena yang memang kita sedang berdepan dan kita akan berdepan dengan keadaan yang lebih teruk lagi ialah pendendalian maklumat yang banyak. Jadi, percambahan dan ledakan maklumat yang begitu banyak ini tidaklah boleh kita gunakan sebagai satu alasan ataupun sebagai satu motivasi untuk kita mengurangkan aspek percambahan maklumat yang diperlukan untuk melindungi kedua-dua belah pemilik syarikat dan juga bakal-bakal pelabur dalam syarikat.

Bersangkutan dengan hal ini juga, kita lihat misalnya dalam seksyen 121 tentang cadangan untuk menghendakkan syarikat menulis nombor pendaftaran mereka di dalam semua dokumen rasmi syarikat. Ini juga telah dilandaskan di atas satu desakan di mana terdapat kesukaran untuk Pendaftar Syarikat untuk mengenal pasti status dan juga perincian tentang syarikat itu berdasarkan namanya sahaja. Ini juga saya kira tidak boleh dijadikan satu alasan untuk kita melakukan perkara ini sebab seperti yang saya katakan, sememangnya Pendaftar Syarikat berperanan untuk menjaga maklumat, memperolehi maklumat, menyebarkannya dan juga menyimpannya untuk keperluan orang lain. Saya rasakan sesuai dengan peranan yang terpaksa dimainkan oleh Pendaftar Syarikat yang sebegini, Pendaftar Syarikat saya cadangkan supaya merupakan satu daripada entiti yang menggunakan teknologi maklumat pada tahap yang cukup tinggi kerana Pejabat Pendaftar merupakan satu pejabat yang mengendalikan volume maklumat yang sungguh besar.

Jika digunakan computerisation dan teknologi maklumat ini dengan baik, maka perkara-perkara seperti ini dapat kita atasi tanpa kita memerlukan perubahan-perubahan yang mungkin mengkompromikan peranan Pejabat Pendaftar Syarikat itu sendiri. Misalnya, sekarang

tidak perlulah orang hendak beratur secara fizikal di Pejabat Pendaftar Syarikat untuk mendapat maklumat. Apakah salahnya jika segala jenis maklumat tentang syarikat ini dan berbagai-bagai jenis maklumat yang ada disimpan di Pejabat Pendaftar Syarikat dimasukkan di dalam satu sistem dan untuk orang mendapat access kepada maklumat ini tanpa orang pergi secara fizikal, beratur mengambil masa untuk memperolehi maklumat ini. Tidak perlu rasanya kalau sistem teknologi maklumat ini diadakan dengan sebaik mungkin, saya sendiri merasakan bahawa memerlukan nombor pendaftaran syarikat untuk tujuan enquiry pun satu langkah yang tidak perlu. Misalnya kalau kita boleh beri satu atau dua mungkin nama syarikat itu yang kalau kita tidak boleh beri secara tepat pun, kalau sistem electronic search yang elok ada, kita boleh mengenal pasti syarikat yang hendak kita cari itu. Dan bukan itu sahaja, kita juga boleh buat perkara tersebut tanpa pergi dengan sendirinya kepada Pejabat Pendaftar Syarikat untuk melakukan perkara tersebut.

Saya merasakan bahawa timbulnya keperluan pindaan ini berdasarkan seolah-olah kepada satu perasaan bahawa Pejabat Pendaftar Syarikat sekarang sedang mengalami masalah sedikit untuk mengendalikan volume maklumat yang begitu banyak ini. Maka diadakan perubahan-perubahan ini dengan tujuan untuk menyenang perjalanan Pejabat Pendaftar Syarikat. Saya bersetuju kita hendaklah menyenangkan dan menyelaraskan lagi perjalanan urusan Pendaftar Syarikat ini dengan orang-orang awam dan di antara pemilik dengan pelabur. Tetapi oleh sebab saya merasa bimbang jika kita melakukan perkara-perkara ini ianya mungkin mengkompromikan peranan yang saya rasakan Pendaftar Syarikat main untuk melindungi kesemua pihak melalui akta ini. Kita boleh mengatasi masalah ini dengan kita memperkenalkan dan mewujudkan satu sistem teknologi maklumat yang cukup kukuh, yang boleh mengendalikan tuntutan-tuntutan yang saya maksudkan tadi.

Saya ingin mencadangkan bahawa ROC merupakan satu daripada agensi yang menggunakan sistem information technology ini pada satu tahap yang cukup tinggi jika ianya masih belum lagi sampai kepada tahap itu. Saya rasa mungkin Jabatan Hasil Dalam Negeri, Jabatan Pendaftaran dan Pendaftar Syarikat adalah antara pihak yang patut menggunakan teknologi ini untuk menjalankan kerja-kerjanya tanpa ianya melakukan perubahan-perubahan yang mengubahsuaikan peranannya yang mungkin boleh mengkompromikan peranannya yang hendak dimainkan. Lagi pula, itulah tujuan kita adakan innovation dan teknologi iaitu kita memerlukan kepada penemuan-penemuan ini dan pada penggunaan teknologi ini untuk menyelesaikan masalah yang simple tetapi repetitif dan mungkin melibatkan volume yang tinggi.

Pada saya ini adalah satu ketika dan keadaan yang mana sepatutnya penggunaan information technology boleh mengatasi segala masalah yang kita ada di sini. Saya rasa kalau ROC hendak mewujudkan satu rangkaian untuk membolehkan orang awam access kepada maklumat-maklumat ini, mungkin ada pihak yang sanggup menjadi provider kepada awam. Maknanya, ROC mungkin boleh privatise dissemination of information ini kepada pihak yang lain untuk mereka menjadi conduit untuk orang-orang mendapat maklumat-maklumat yang saya maksudkan tadi.

Perkara yang akhir yang saya hendak sentuh tentang 132 iaitu kebenaran menerbit saham tanpa mesyuarat am diberi kelonggaran sedikit. Sekarang ini dicadangkan ada 14 hari notis bertulis sahaja diperlukan dan di sini saya juga memahami hasrat untuk diadakan peruntukan ini tetapi seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, kita hendaklah memikir dengan panjang tentang melindungi kepentingan-kepentingan pemegang-pemegang saham minoriti dalam kes ini.

Ini selalunya melibatkan syarikat awam dan kita tidak mahu mewujudkan satu proses atau sistem insentif yang melindungi pemegang-pemegang saham majoriti dengan banyak at the expense of pemegang-pemegang saham minoriti. Ini mungkin akan menghakiskan institusi ini sedikit dan juga mungkin menimbulkan masalah keyakinan orang terhadap sistem pengawalan ini jika di nampak atau orang perceive bahawa perubahan-perubahan ini akan memihak kepada pemegang-pemegang saham yang majoriti sahaja. Jadi, kita kena ingat walaupun masa berubah, walaupun keadaan berubah dan cara perniagaan berubah, prinsip-prinsip asas kenapa kita mewujudkan sesuatu undang-undang untuk mengawal sesuatu institusi hendaklah terus kekal melainkan kita ada perubahan dari segi prinsip-prinsip yang asas itu. Kita rasakan dari segi prinsip-prinsip asas kita tidak ada perubahan. Kita cuma bertindak balas kepada perubahan yang berlaku dalam ekonomi sekarang tetapi dalam pada kita cuba menyelesaikan perkara-perkara itu, kita jangan menyimpang daripada prinsip-prinsip asas kenapa kita ada undang-undang ini pada ketika kita adakan ianya pada asalnya. Maknanya ia selain dari pada membolehkan acquisition of asset ini berlaku dengan cepat dan sebagainya, kita hendaklah juga sentiasa melindungi kepentingan pemegang-pemegang saham minoriti di dalam syarikat-syarikat awam. Kita tidak mahu provision ini digunakan oleh pemegang-pemegang saham majoriti untuk tujuan-tujuan yang lain, untuk tujuan acquisition dan sebagainya yang mungkin akan hanya memelihara kepentingannya, tetapi bukan kepentingan pemegang-pemegang saham minoriti. Apabila ini dilihat oleh umum, maka kita tidak mahu ianya menimbulkan satu perasaan di mana undang-undang yang ada itu melindungi yang besar sahaja, tetapi bukan yang kecil.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhiri ucapan pendek saya ini, saya rasa untuk menubuhkan syarikat ini, saya setuju

dengan pendapat Yang Berhormat dari Labuan, untuk kita mewujudkannya, untuk menjalankannya, kita beri senang, maknanya ROC bukan hendak beri kesusahan kalau hendak diwujudkan syarikat seperti juga satu institusi lain. Institusi keluarga misalnya, kalau hendak kahwin beri kemudahan, proses hendak kahwin itu diberi kemudahan sebab dua orang hamba Allah hendak berkahwin, tidak bersangkut-paut dengan orang yang memberi kebenaran untuk berkahwin.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Yan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Bercakap fasal kahwin ini senang Tuan Yang di-Pertua, adakah maksud 'kahwin' dua diberi kemudahan juga atau macam mana, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Balik Pulau.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Tuan Yang di-Pertua, nanti saya pula ada masalah. Maksud saya lain, kahwin yang mula-mulalah! (*Ketawa*) Maksudnya keputusan untuk dua orang yang hendak kahwin, dua oranglah punya keputusan, tetapi pihak yang mengawal selianya, mengawal selia sahaja tidak sepatutnya melakukan begitu banyak cerita sehingga menyusahkan dua orang yang hendak kahwin itu. Serupa macam orang yang hendak mewujudkan syarikat bagi tujuan untuk berniaga, kita memudahkan proses itu dan kita hendaklah memperjelaskan hak pihak-pihak yang terlibat dengan jelas. Kita juga hendaklah jelaskan tentang proses untuk memantapkan institusi yang hendak diwujudkan juga dan mungkin apabila perta untuk meleraikannya. Jadi, kita hendaklah menyenangkan ianya diwujudkan dan kita melakukannya dengan ada jarak yang tertentu, di samping itu kita juga hendaklah memperjelaskan

undang-undang yang melindungi hak semua orang yang terlibat dan proses untuk kita melindungi institusi tersebut.

Saya mengalu-alukan perubahan ini, tetapi mengemukakan pandangan saya yang lebih bersifat supaya kita mengekalkan peranan Pendaftar Syarikat untuk melindungi semua pihak yang terlibat. Syor yang saya harap mendapat perhatian daripada kementerian ialah supaya ROC menggunakan teknologi maklumat pada tahap dan tingkat yang boleh memenuhi tuntutan ke atasnya, yang disebabkan oleh ledakan maklumat yang begitu banyak, yang terpaksa dikendalikan olehnya. Jadi, dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kita ada usul ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri sila.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

5.54 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 9.30 malam ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya ialah:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 9.30 malam ini.

Hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 9.30 malam ini.

Perbahasan disambung semula

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya meneliti ucapan Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ini dan bila kita kaji balik pindaan-pindaan yang dilakukan memanglah tujuan dan matlamat kerajaan ialah untuk memudahkan. Kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sering keluar negara dan menarik pelabur ke dalam negara kita dan kita tidak mahu Akta Syarikat ini menyulitkan seseorang itu untuk menubuhkan syarikat dan melabur di tanah air kita ini. Walau bagaimanapun, kita mesti juga mengawal hak-hak tertentu supaya orang-orang yang terlibat tidak akan teraniaya ataupun tertipu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan pindahan kuasa kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna iaitu unit-unit amanah kepada Security Commission.

Satu lagi perkara Tuan Yang di-Pertua, yang ingin saya utarakan ialah kepastian pihak Kementerian untuk memonitorakan ekuiti bumiputera di dalam sesebuah syarikat yang didaftarkan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun unit amanah ataupun pelaburan di BSKL, syarikat-syarikat ini dikontrol atau dimonitorakan oleh pihak Security Commission, tetapi saya kira Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna juga dapat memastikan bahawa hak bumiputera yang termaktub sebanyak 30% itu sentiasa berada 30%, kerana hari kadang-kadang sebelum syarikat itu hendak dilistedkan di BSKL memang mereka mengikut peraturan-peraturan, tetapi setelah syarikat itu didaftarkan ataupun dilistedkan, maka ekuiti-ekuiti bumiputera ini dengan mudah sahaja telah beralih tangan. Ini menjadi satu kerugian kepada hak bumiputera. Inilah sebabnya Tuan Yang di-Pertua, sampai hari ini kita masih belum lagi mencapai tahap 30% yang kita perlukan di dalam dasar ekonomi bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang ingin saya tekankan di sini ialah saya mengalu-alukan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk mengadakan kod etika lembaga pengarah—saya mengalu-alukan. Walaupun belum ada kena-mengena di sini, tetapi saya ingin menegaskan bahawa kementerian juga kena memastikan bahawa orang-orang Melayu yang beragama Islam tidak dibenarkan memegang saham ataupun menjadi lembaga pengarah syarikat-syarikat yang bertentangan dengan ajaran Islam. Contohnya Tuan Yang di-Pertua, bekas IGP (Tun Haniff) hari ini beliau adalah deputy chairman kepada Syarikat Judi Genting Highlands. Begitu juga Yang Berbahagia Tun Khir Johari beliau adalah chairman kepada Empat Nombor Ekor, nasib baiklah dia tidak tumbuh ekor, ini bukan kita melawak, tetapi ini adalah kenyataan.

Kalau boleh kementerian gunakan kod etika ini untuk memastikan bahawa kalau dia ini orang Melayu, orang Islam, kita jangan benarkan atau tidak dibenarkan orang ini menduduki syarikat-syarikat yang perniagaannya bercanggah dengan Islam, kerana tidak molek, tidak elok, kerana kita sebagai bekas pemimpin politik dan bekas pegawai tinggi kerajaan menduduki syarikat-syarikat yang saya kira—tidak patutlah, dahulu tangkap orang main judi, hari ini dia jadi deputy chairman di sana. Jadi, ini macam mana? Dahulu orang main judi kena tangkap lari berselerak dalam kampung, yang duduk bertinggung pun lari berselerak apabila polis datang tangkap. Tetapi sekarang ini kita jadikan pula tauke, jadi ini macam mana Tuan Yang di-Pertua? Maruahlah! Sebagai seorang Islam. Saya menegur ini dengan niat yang baik, bukan niat tidak baik, janganlah kedua-dua tokoh ini kata saya ini cemburu—tidak ataupun hendak marah pada saya. Tetapi ini adalah hasrat, kerana orang di bawah ini merungut, orang kata, malah polis-polis hari ini pun memandang tidak enak, bekas ketua mereka menjadi tauke judi nombor dua di Genting Highlands, tidak kiralah apa alasan, tetapi jadi tauke judilah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chia Kwang Chye: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, ada yang bangun.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ya.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat dari Yan sama ada Yang Berhormat bercadang supaya saham ini dipindah kepada bumiputera yang bukan beragama Islam?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Dia macam ini Tuan Yang di-Pertua, hendak pindah kepada siapa—pindahlah, asal jangan orang Islam, apatah lagi kalau dia orang Melayu. Jadi, kalau

syarikat itu tidak apalah kalau macam syarikat jual Guinness and Stout dan sebagainya, kalau beri saya elauan RM50,000 sebulan pun saya tidak mahu duduk di situ, Tuan Yang di-Pertua kerana maruah.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Machang.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya mendengar Yang Berhormat kata tadi bahawa orang-orang Islam kalau boleh tidak digalakkan menduduki syarikat-syarikat terutamanya syarikat-syarikat judi ini yang bercanggah dengan Islam. Adakah Yang Berhormat bermaksud kerana yang bercanggah dengan Islam ini banyak Yang Berhormat, bukan sahaja syarikat judi, institusi kewangan, bank misalannya dan syarikat-syarikat lain yang kegiatan syarikatnya bercanggah dengan Islam banyak?

Adakah ini Yang Berhormat kata bahawa hanya dalam kes judi sahaja, menyebut nama bekas Ketua Polis Negara, Encik Khir Johari, adakah terpakai untuk judi sahaja atau lain-lain lagi? Sebab bank-bank yang mengadakan sistem riba sekarang ini pun bercanggah dengan Islam. Adakah cadangan Yang Berhormat itu termasuk institusi-institusi lain juga? Terima kasih.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, macam saya kata tadi, judi, arak, dan bank hari ini kita ada banyak ke arah perbankan Islam. Kita menuju ke arah itu. Tetapi kalau perniagaan arak kita kata hendak menuju arak secara Islam, tidak ada. Dikatakan arak boleh diIslamkan dihalalkan. Jadi, kalau bank tak mengapalah. Kita makin pergi—perbankan Islam. Kita ada Bank Islam. Kita ada kaunter-kaunter yang memberi khidmat-khidmat Islam. Maksud saya,

macam tauke arak, tauke judi, tauke ekor, yang mana kita tahu benda ini haram. Kita tahu, judi ini tinggal habuk. Kalau rumah terbakar ada juga debu habuk. Kalau kalah judi, apa pun tak ada. Sebab itu dalam Islam diharamkan judi ini. Arak pun begitu juga. Bila dia mabuk, parit pun dia kata highway. Itulah sedar sahaja ada dalam longkang. Ini kenyataan.

Jadi, saya harap dengan kod etika ini kita hendak beri orang jadi elok. Sekurang-kurangnya kementerian kata tak boleh, fasal syarikat ini berniaga bercanggah dengan Islam dan awak sebagai seorang Islam patut berasa malu, dan tak patut dan tak layak duduk di situ.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini menasihati siapa sahaja yang berada dalam syarikat-syarikat ini supaya menjaga maruah Islam dan menjaga maruah diri mereka sendiri sebagai seorang Islam, dan kurniaan kebesaran yang diberi oleh Agong ataupun Sultan kepada mereka. Kerana Agong atau Sultan ini adalah memegang teraju Islam dalam negeri-negeri. Jadi, bila kita dapat anugerah-anugerah ini, kita kena hormat bahawa anugerah ini diberi kerana rekod kita baik dan sebagainya. Jadi, kita kena jagalah anugerah ini dengan baik supaya nama kebaikan Raja-raja tidak tercemar. Macam di Kelantan, Yang Berhormat dari Tumpat kena nasihat Pemuda-pemuda PAS jangan hentam Raja. Raja jemput ke Istana pun tak mahu datang. Jangan macam itu. Kita kena hormat Raja. Raja adalah tampuk negara. Tetapi yang tak betul kita perbetullah, selepas itu elok, kita kena hormatlah dia.

Tuan Yang di-Pertua, macam saya kalau beri RM50 ribu untuk saya duduk satu jawatan, katalah tauke Empat Ekorkah, tiga ekorkah, seekorkah, taubat saya tak duduk, minta maaf, kerana maruah diri. Biarlah kita jadi Wakil Rakyat kampung tak mengapa, kita boleh hidup senang. Kadang-kadang saya berasa malu, sepatutnya orang-orang ini pun berasa

malu. Saya pula hendak minta daripada kementerian ini - satu lagi kerana negara kita ini di dalam Perlembagaan.....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tumpat bangun.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Nanti sekejap, sekejap lagi saya beri. Tumpat dengan saya selalu sahaja, tak mengapa, nanti saya beri. Cuma satu saya minta kerana negara kita negara Islam. Dalam Perlembagaan tercatat, dan kita pun akan perlahan-lahan menuju ke arah itu. Jalan Islam ini semua agama boleh terima, bagus. Jadi, signboard yang berniaga arak - Tuan Yang di-Pertua, kalau kita masuk daripada airport, tiba-tiba 'Guinness Stout'. Lepas itu cap anjing bodoh, bulldog, tergantung bukan main besar. Jadi, yang ini saya harap kalau boleh kementerian pun kena ada authority. Kalau hendak pinda pun, pindalah akta ini, tambah hari ini pun tak mengapa. Kita pinda supaya signboard yang melambangkan perniagaan yang tidak halal ini kalau pun hendak bubuh, bubuh kecil-kecil sudahlah. Ini besar sangat.

Jadi, bila kita kata negara Islam, bila orang masuk dengan kapal terbang, tok syeikh-tok syeikh mana datang daripada Arab atau negara Islam manakah, tiba-tiba turun dari kapal terbang dan dia tengok di sebelah kanan dia hendak datang ke Kuala Lumpur - fasal jalan itu selalu 'jam'. Bila 'jam', slow-slow, dia sempat tengok kiri-kanan. Tengok-tengok, anjing bodoh cukup besar, dengan bulldog, macam-macam ada di situ. Ini pun tak elok. Jadi, kalau boleh kita adjust sedikit. Kalau tuan-tuan di kementerian tak buat, tuan-tuan tanggung dosa sama. Daripada menteri, timbalan menteri semua kena. Saya pesan.

Satu lagi. Tuan Yang di-Pertua. Tumpat sila, saya terlupa. Tetapi jangan kita bergaduh hari ini.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap terima kasih, tahniah kepada Yang Berhormat dari Yan di atas permohonan beliau terutama supaya orang-orang Melayu tidak akan dilantik sebagai Lembaga Pengarah syarikat-syarikat yang tidak halal dari segi agama. Cuma saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat dari Yan - belum Dato' lagikah. Sudah jadi Dato'? Itu kuat bodek sekarang nampaknya. (*Ketawa*) Dato' Kedah, Dato' Negeri Sembilan. Bagaimana pandangan Yang Berhormat dari Yan mengenai lesen-lesen judi yang telah dikeluarkan oleh kerajaan, terutama oleh Menteri Kewangan sekarang ini, Yang Berhormat?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah Tumpat. Pertamanya, saya minta Tumpat tarik balik. Dia mencemar nama Raja Kedah, Tuan Yang di-Pertua, fasal dia kata saya bodek Raja Kedah. Raja Kedah, Tuan Yang di-Pertua, Raja yang paling gentleman. Bila dia anugerah kepada saya kerana khidmat saya kepada masyarakat, kepada negara, bangsa dan tanah air. Bukan macam orang Kelantan, dengan Raja pun hendak bergaduh. Tadbir negeri bagi elok-elok, dok pergi bergaduh buat apa dengan Istana, dia bukan kacau orang. Dia bukan erti bergaduh dengan orang, orang tua itu. Jadi, saya harap Tumpat balik pesan kepada pemuda-pemuda. Raja jemput- tak pernah Raja jemput pergi Istana. Ini pula jemput pergi Istana. Kalau saya, Tuan Yang di-Pertua, awal-awal lagi saya pergi. Bukan senang Raja hendak jemput orang. Jadi, kita kata lebih kurang.

Tuan Yang di-Pertua, kita hari ini berbahas fasal Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, bukan Kementerian Kewangan. Jadi, saya tak boleh hendak jawab Kementerian Kewangan. Kalau datang dalam Kementerian Kewangan bolehlah saya menjawab. Ini kita dalam Kementerian Perdagangan Dalam Negeri. Jadi, Yang Berhormat silap saluran.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap.....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, dia bangun lagi.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tak bagi pun kasihan juga, Tuan Yang di-Pertua. Harakah hendak rekod apa yang dia capak. (*Ketawa*)

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Syarikat-syarikat, termasuklah di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri. Terima kasih.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, macam saya kata tadi, kita menuju ke arah itu, one step by step. Hari ini menteri pun biasa kata, tidak ada lagi lesen-lesen perniagaan-perniagaan yang berunsur maksiat dan haram diwujudkan. Kerana ekor dan judi, orang bukan Islam pun tak mahu. Dia tak mahu fasal benda ini benda yang akan merugikan mereka, rumah tanggahabis. Biasanya syarikat itu berganti tangan di Genting Highlands sahaja. Dia transfer syer di Genting Highlands kerana main judi. Jadi, bukan orang seronok main judi. Yang pergi main judi itu ialah jenis yang segan buat kerja, Tuan Yang di-Pertua, tetapi hendak kaya, dia pergi main judi. Dia pergi beli ekor.

Jadi, yang ini Tuan Yang di-Pertua, memang kita buat ke arah itu. Tumpat kena fahamlah. Sebab itulah wakil Barisan Nasional, UMNO pun bangkit bercakap, benda tak betul kita tegur. Ini kerja kita, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga bersetuju dengan kementerian iaitu untuk mengadakan nombor pendaftaran syarikat di setiap invoice, bill, letter head dan

sebagainya. Cuma mungkin kementerian lupa. Kalau boleh kita adakan juga nombor pendaftaran syarikat itu di papan iklan syarikat itu sendiri, signboard dia. Kita wujudkan nombor di situ. Jadi, kalau kita lalu kita tengok kita tahu syarikat ini benar-benar berdaftar.

Kadang-kadang, Tuan Yang di-Pertua, syarikat ini tidak ada nombor pendaftaran. Banyak syarikat yang boleh tipu orang-orang berinaga. Kalau boleh di mana ada, bubuhlah nombor itu. Di mana ada kertas berkenaan dengan syarikat itu, bubuh cop nombor pendaftaran syarikat itu. Jadi, ini bagus. Cuma 'kaki ekor' kalau dia tengok nombor ini dia kira hendak tikam ekor pula. Nombor pendaftaran depa boleh buat duit. Jadi, saya harap kalau boleh pihak ini buatlah.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, saham minoriti. Saham minoriti memang benarlah. Saya bersetujulah dengan rakan-rakan saya tadi bahawa daripada minoriti perlahan-lahan dia jadi majoriti. Cuma pihak pembangkang sahaja daripada minoriti dia turun lagi 'kabut-kabuti', kelam-kabuti, habis. Ini alhamdulillah, saya dengar S.46 pun hendak rapat mari balik, PAS pun muzakarahlah elok-elok mari berkawan balik. Dahulu pun biasa dengan Barisan Nasional PAS. Jadi, Tumpat pun mari balik, berkawan balik apa salahnya. Kita duduk sebambung. Yang sebelah UMNO pun pakai serban. Bukan sebelah PAS sahaja.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saham minoriti ini kita kena jaga supaya depa ini jangan tertipu. Memanglah sekarang ini bila sesuatu syarikat hendak buat pelaburan dan sebagainya ia akan panggil mesyuarat agung khas ataupun mesyuarat agung luar biasa untuk hendak meluluskan dan kesemua pemegang-pemegang saham dipanggil, tetapi saya difahamkan sekarang ini dia boleh pakai circular sahaja. Jadi, saya harap circular ini tidak diputarbelitkan sehingga merugikan yang minoriti ini. Jadi, yang minoriti ini pun perlulah, kadang-kadang kita melabur sedikit-

sedikit, lama-lama menjadi bukit. Jadi, kalau dia melabur sedikit-sedikit, tahu-tahu bukitnya itu tidak sampai, jadi aniyalah orang ini. Jadi, saya harap kementerian memastikan bahawa saham-saham minoriti ini diberi perlindungan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang terakhir, yang ingin saya tekankan di sini ialah kalau boleh dipercepatkan, walaupun hari ini kita dapat lihat pendaftaran syarikat sendiri berhad ini agak cepat, tetapi dengan sistem internet yang kita ada hari ini, kalau boleh kementerian pun pakai yang itu - lagi cepat. Kalau boleh hari ini minta, esok, lusa lulus. Jadi, dia boleh berniaga terus dan kita cuba sekat syarikat-syarikat syer ini - seseorang setiausaha syarikat itu dia pegang sampai berpuluh-puluh syarikat, dia daftar nama-nama orang itu, selepas itu dia juallah—dapat duit. Dia buat duit, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, kalau kita percepatkan sistem ini tidak payahlah kita pergi membeli syer kompeni. Jadi, kadang-kadang kompeni itu kita beli, macam-macam nama yang dia bubuh. Bubuhlah macam-macam - Tumpat Serikah, macam-macam dibubuh nama syarikat itu tetapi, pemegang asal saham syarikat itu orang lain, kita kena beli, kita kena bayar duit pula dan sebagainya. Jadi, dia untung atas perniagaan syarikat. Jadi, dengan mempercepatkan sistem pendaftaran ini, maka akan memudahkan orang berkira terus dengan kerajaan, dia tidak payah hendak beli syer-syer kompeni yang dok ada hari ini.

Jadi, satu lagi yang akhirnya ialah maklumat tentang syarikat-syarikat. Hari ini walaupun sistem komputer kadang-kadang komputer selalu break-down. Kita pergi dia kata breakdown. Breakdown sungguh atau tidak, kita pun tidak tahu. Kadang-kadang pukul 10.00 waktu keluar minum teh dia kata komputer breakdown, jadi bila breakdown kita tunggulah, dia masuk-masuk, dia tekan "on" balik - "on" lah kita pun. Jadi, yang inilah kalau boleh

pihak kementerian kena kaji juga kerana saya sudah pergi dua tiga tempat memanjang breakdown. Hari ini saya dengar komputer di JPJ pun breakdown juga kadang-kadang. Di Kedah pun selalu breakdown, tambah dekat hendak raya dia breakdown lagi kerap. Jadi, kita tidak faham, letihkah komputer ini - dia breakdown. Jadi, kalau kata komputer itu sistemnya tidak betul carilah jenis yang baik, kerana kita kena ingat, kita memberi perkhidmatan dan orang yang meminta perkhidmatan itu dia memberi bayaran. Jadi, efisiensi itu sangat-sangat diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itulah sahaja saranan saya dan saya hendak ucapkan terima kasih banyaklah kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna - kerja mereka cukup bagus, tangkap rata dah dengan anti sorok dan sebagainya, dekat hendak raya ini dengan operasi sifar dan sebagainya. Walaupun dalam operasi sifar pun, harga dok naik juga. Jadi, kementerian fikirlah - kalau sifar itu sifar betullah, sifar tidak naik, ini dok kata sifar, sifar, di kampung tepung naik juga, tidak beli tidak ada tepung. Jadi, saya berharap kementerian ini bagus kerana berkhidmat banyak untuk rakyat, malah Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen yang duduk sebelah saya pun fasih bahasa Malaysia. (*Ketawa*) Saya dok ajar dia, jadi, saya harap dengan ada gabungan ketiga-ketiga Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen ini, kementerian ini akan menjadi satu kementerian yang 'A1' dari segi perkhidmatan kepada rakyat dan kepada orang-orang yang ingin berniaga di tanah air kita ini. Sekian, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya suka berpesan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian. Memandangkan kita banyak bill dan masa terlalu suntuk, saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat yang berucap, akan berucap direct kepada perkara-

perkara yang perlu dan jangan mengulangi perkara-perkara yang telah diucapkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Bukit Bendera.

6.14 ptg.

Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, atas peluang yang diberi kepada saya untuk memberi beberapa pandangan tentang pindaan Akta Syarikat, 1965 ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Fasal 4 berkenaan pindaan kepada Seksyen 37, saya ingin tahu tentang perkataan 'issued'? Adakah ini bermakna syer-syer yang dipegang oleh underwriter itu dianggap sebagai 'issued'? Kalau tidak, apa maknanya?. Jadi, saya berharap keraguan ini dapat dijelaskan.

Seksyen 47A adalah satu seksyen yang baru dan ini akan memberi kuasa kepada menteri memberi pengecualian atau, dengan izin, to exempt from compliance with Division 1 and 4 of Part IV. Mungkin untuk sesuatu syarikat yang sahamnya disebut harga dalam Bursa Saham pengecualian boleh diberi seperti di bawah pindaan Seksyen 37, tetapi Seksyen 47A ini adalah bertentangan dengan satu "established of law", dengan izin, atau persefahaman yang di mana sesebuah atau semua syarikat yang ingin menawarkan syer-syer kepada orang awam mesti mengeluarkan prospektus. Saya khuatir bahawa pengecualian yang diberi kepada sesebuah syarikat itu akan membawa banyak masalah dan keraguan yang akan diakibatkan dari pengecualian itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada satu kes di Singapura iaitu Attorney General vs Derrick Chong Soon Choi, di mana mahkamah di sana telah memutuskan bahawa seorang pendaftar tidak ada kuasa untuk mengecuali mana-mana pihak daripada mengeluarkan prospektus. Memang dengan pindaan Akta Syarikat ini, menteri

ada kuasa, tetapi kita perlu memandang kepada kebijaksanaan keputusan kes di Singapura itu yang menunjukkan betapa pentingnya prospektus di dalam penawaran syer atau kepentingan sesebuah syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 42 akan membatalkan syarat-syarat yang mewajibkan sesebuah syarikat menghantar atau menyimpan salinan material contract dengan Pendaftar Syarikat untuk tujuan pendaftaran prospektus seperti yang diamalkan dahulu. Apakah jaminan yang diberi kepada bakal-bakal pembeli syer itu? Memang ada lain-lain seksyen yang boleh mendenda atau memenjarakan orang yang melakukan kesalahan tetapi ini bukanlah satu langkah yang proaktif. Jadi apakah justifikasi untuk membatalkan syarat yang diamalkan dahulu?

Dalam lain perkataan, apakah tujuan asal dalam Seksyen 42 (2)(c) yang mewajibkan pendaftaran material contract itu dengan pendaftar. Saya sedar tentang kesulitan Pejabat Pendaftar menyimpan material contract itu, mungkin satu salinan melalui C.D. Rom atau computer disc boleh disimpan dan didaftarkan dengan Pejabat Pendaftar sebagai satu jaminan 'fairplay'.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pindaan kepada Seksyen 132D, saya ingin bertanya apakah perlindungan hak-hak pemegang syer yang lain jika kuasa yang diberi kepada Pengarah sesebuah syarikat untuk mengeluarkan syer-syer tanpa satu mesyuarat am? Kepentingan pemegang minoriti pun perlu dijamin. Cara injunction mahkamah biasanya adalah satu cara proses yang susah dan mahal untuk seorang pelabur yang kecil, mungkin satu peruntukan yang berlainan untuk syarikat sendirian berhad, sama ada disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur atau tidak, perlu diwujudkan bagi menjamin kepentingan pemegang-pemegang syer minoriti.

Ini cuma pandangan saya dan dengan ini saya mengucapkan ribuan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Mentakab. Selepas ini diminta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.20 ptg.

Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberi untuk mengambil bahagian di dalam perbincangan Akta Syarikat (Pindaan) 1996.

Saya cuma hendak menyentuh Fasal 12 yang memberi kuasa kepada pengarah menerbitkan saham tanpa kelulusan terlebih dahulu dari mesyuarat am untuk sebagai balasan bagi perolehan saham atau aset.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat pindaan ini ada implikasi yang mengkhawatirkan atas sebab-sebab yang berikut. Saya sama dengan pendapat dari beberapa orang Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau dan dari Bukit Bendera bahawa kepentingan pemegang minoriti mungkin diketepikan atau ditipiskan atau dengan izin, didiluted, kalau penerbitan saham boleh dikeluarkan tanpa kelulusan dari mesyuarat am walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi telah mengatakan ada lagi saluran atau tindakan mahkamah boleh diambil untuk memberhentikan penerbitan itu tetapi saya anggap itu adalah satu prosedur yang amat merumitkan pemegang-pemegang minoriti.

Yang kedua, sebab-sebab yang saya katakan ialah pindaan ini mungkin boleh akan menggalak kemungkinan berlaku penyelewengan atau penyalahgunaan kuasa oleh pengarah-pengarah dalam aktiviti-aktiviti pembelian saham atau aset yang melibatkan kepentingan pengarah-pengarah sendiri. Ini adalah satu aspek yang perlu perhatian oleh kementerian.

Sebab ketiga ialah pindaan ini juga boleh mengakibatkan penguasaan ekuiti

(equity controlled), dengan izin, suatu syarikat bertukar tangan jika pengarah syarikat itu dibenarkan menerbitkan saham tanpa batasan jumlah saham yang boleh diterbitkan dan tanpa kelulusan terdahulu dari mesyuarat am syarikat itu. Ini bermakna jika sesuatu syarikat boleh menerbitkan nilai saham tanpa ada had atau batasan maka ia mungkin mengubah peratusan ekuiti yang dipegang oleh pemegang-pemegang yang sedia dan mungkin mengubah equity controlled sesuatu syarikat.

Akhirnya, untuk sebab-sebab yang keempat ialah walaupun pindaan ini dibenarkan selepas pengarah memberitahu kepada pemegang saham syarikat dengan notis 14 hari sebelum tarikh terbitan itu, tetapi ini juga bermakna bahawa walaupun pemegang saham tidak bersetuju dengan cadangan tersebut, mereka tidak ada saluran-saluran lain untuk menyuarakan ketidaksetujuan mereka kecuali memanggil mesyuarat tergempar dan untuk memanggil mesyuarat tergempar itu pun, tempoh yang diberi atau masa yang diberi pun tidak mencukupi untuk berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, saya berpendapat bahawa jika kita hendak memakai pindaan ini kita patut ada syarat dan batasan terhadap kegunaannya. Misalnya, kita mesti ada batasan terhadap nilai saham atau aset yang diperolehi supaya jumlah saham yang diterbitkan tidak mempunyai implikasi yang substantial, dengan izin, dan mempunyai implikasi yang negatif seperti tersebut di atas dan kita juga mesti ada satu had atau satu limit, dengan izin, jumlah nilai saham atau peratusan saham yang boleh diterbitkan dengan peruntukan Fasal tersebut di atas. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Diminta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.25 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan di atas suatu akta untuk meminda Akta Syarikat 1965.

Pada keseluruhannya, kesemua lima orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbincangan itu telah memberi sokongan dan beberapa syarat-syarat itu telah pun dialu-alukan supaya pindaan-pindaan yang dicadangkan ini akan melicinkan jentera pentadbiran dan juga pindaan-pindaan yang dicadangkan akan juga menyesuaikan akta ini selaras dengan perkembangan yang telah berlaku dalam bidang korporat dan juga industri kewangan dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa teguran yang telah dibuat, semua pandangan dan teguran diambil perhatian. Tentang perkara-perkara yang berbangkit, yang pertama ialah tentang nombor perniagaan, suka saya menjelaskan bahawa stock stationery dan lain-lain stok lama yang telah dicetak, yang telah dibuat oleh syarikat-syarikat itu bolehlah diteruskan menggunakannya dengan nama itu di 'rubber stamp', tak payahlah mereka cetak stationery dan juga lain-lain dengan percetakan semula. Jadi, satu rubber stamp itu tidak mahal, maka tidak susahlah saya fikir perkara ini berlaku seperti yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Labuan.

Mengenai nombor perniagaan ini hampir kesemua Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan perkara ini bahawa dengan kemajuan yang telah dilakukan, ada seorang Ahli Yang Berhormat yang mencadangkan bahawa nombor itu tidak perlu oleh kerana dengan

perkembangan dalam information ataupun maklumat teknologi, jika kementerian kita menggunakan computerisation dan sebagainya, nombor itu tak perlu.

Buat masa sekarang pun, Pejabat Pendaftar Syarikat telah pun dicomputerised dan semua proses di Pejabat Pendaftar Syarikat seperti carian nama, perubahan-perubahan yang perlu, pendaftaran dokumen dan sebagainya telah dikomputerkan. Kemudahan on-line telah pun dihubungkan dengan semua cawangan-cawangan Pendaftar Syarikat di seluruh negara pada bulan Disember tahun lalu.

Suka juga saya memaklumkan bahawa baru-baru ini ataupun semalam, pelancaran 'ROC goes Internet' telah dilancarkan di mana perkhidmatan-perkhidmatan ROC seperti senarai indeks syarikat, fungsi pejabat tersebut dan lain-lain maklumat asas disebarkan melalui Internet untuk faedah orang awam dalam dan luar negara, maka ROC telah pun memasuki Internet.

Di samping itu, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, suka saya menjelaskan bahawa sistem imaging document yang moden akan juga diperkenalkan di pejabat ROC.

Tuan Chia Kwang Chye: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Bukit Bendera bangun.

Tuan Chia Kwang Chye: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan Internet itu, saya hendak bertanya sama ada perkhidmatan 'name search' ini akan diletak dalam Internet ini supaya membenarkan kita mencari 'name search' ini melalui komputer di rumah. Sekian, Terima kasih.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan, senarai indeks syarikat, senarai nama-nama syarikat yang telah didaftar akan

dapat dicari melalui Internet. Jadi, tidak payahlah mereka yang ingin mencari nama itu pergi ke - Itu senarai nama-nama syarikat yang sudah daftar boleh didapati melalui Internet.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ini adalah mengenai perkara-perkara yang dibangkit mengenai....

Tuan Fu Ah Kiow: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, ada yang bangun ya.

Tuan Fu Ah Kiow: Saya minta penjelasan. Walaupun ROC telah menggunakan komputer, saya inginkan penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah sebab ia masih memerlukan masa selama tiga atau empat minggu untuk dapat satu form 24 atau form 49 yang disah oleh pegawai ROC?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan, buat masa sekarang pun pejabat telah dikomputerkan tetapi mereka yang memohon untuk mendaftarkan sebuah syarikat sehingga sekarang memerlukan pegawai-pegawai menjalankan pemeriksaan terhadap nama yang dikemukakan, adakah nama itu nama yang telah didaftarkan atau belum dan kalau belum kita perlu memeriksa dokumen dan kelulusan diberi secepat mungkin. Jadi, dengan perkembangan....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Mentakab bangun lagi.

Dato' S. Subramaniam: Belum lagi, nanti. Dengan perkembangan yang baru di mana melalui Internet, pemohon-pemohon dapat melihat senarai indeks syarikat itu, maka lagi memudahkan pemeriksaan pendaftar syarikat di mana nama-nama yang dikemukakan akan jadi bukan nama-nama yang sudah didaftarkan.

Walau bagaimanapun, kita perlu semak nama dan maklumat-maklumat lain yang dikemukakan kepada Pendaftar Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah permohonan yang diterima setiap hari di ROC adalah lebih daripada 400, kalau saya tidak salah, dan kita fikir ini akan mengambil masa tetapi dengan Internet kita fikir permohonan ini akan dikurangkan separuh, kita haraplah, lebih kurang 200. Jadi, ini akan lebih memudahkan pemeriksaan dan kelulusan secepat mungkin. Kalau tidak ada masalah-masalah dengan maklumat-maklumat yang diberi....

Tuan Yunus bin Rahmat: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Jelebu bangun.

Dato' S. Subramaniam: Belum lagi, kemudian! Maklumat-maklumat yang diberi tidak ada masalah dan masa yang akan diambil adalah mengikut masa paling minimum. Mentakab.

Tuan Fu Ah Kiow: Soalan saya tadi ialah bukan mengenai undang-undang pertubuhan sesuatu syarikat atau pemeriksaan nama syarikat, tidak! Tetapi hendak mengambil, hendak minta satu borang 49 atau borang 24 yang disah oleh seorang pegawai ROC, itu pun mengambil masa selama lebih kurang tiga atau empat minggu.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, itu pengesahan sesuatu dokumen adalah perlu dibuat pemeriksaan juga. Oleh kerana sekarang dokumen itu perlu diperiksa dan ditentukan apa yang terkandung dalam dokumen benar-benar seperti apa yang terdapat di pejabat ROC, satu. Nombor dua permohonan bagi dokumen-dokumen ini terlalu banyak dan ini mengambil masa. Walau bagaimanapun, kita akan mempercepatkan proses. Kita akan cuba.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan syabas kepada kementerian kerana telah mengambil inisiatif untuk meminda Fasal 2 hingga 22 akta ini dan sekurang-kurangnya kementerian telah mengambil langkah yang baik, tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta penjelasan sedikit sebanyak. Apakah tidak ada cadangan daripada kementerian untuk mengubah atau meminda keseluruhannya akta ibu yang dicetak dan juga dibuat dalam Bahasa Inggeris untuk di Bahasa Malaysiakan dan saya kira usaha ini mungkin boleh dibantu oleh pihak AG di mana kalau tidak silap saya di AG sendiri ada dua unit A dan B iaitu Unit Pengembangan Istilah Bahasa Malaysia dan satu lagi Unit Penterjemahan. Saya ingat kalau dengan bantuan mereka ini, saya yakin dan percaya hasrat kementerian untuk mengubah atau meminda akta ibu ini ke dalam Bahasa Malaysia mungkin boleh dibuat, kalau ada cadangan bila dan kalau tidak ada cadangan, mengapa agaknya? Terima kasih.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat akan memberi kerjasama. Perkara yang dibangkitkan adalah perkara baru. Mungkin Yang Berhormat tidak dapat mengambil bahagian dalam perbincangan. Jadi, selepas saya habiskan jawapan, kalau Ahli Yang Berhormat perlukan dan Tuan Yang di-Pertua izinkan, bolehlah Ahli-ahli Yang Berhormat membangkitkan perkara-perkara baru. Saya harap semua Ahli-ahli Yang Berhormat terhad kepada penjelasan.

Tentang membuat pindaan kepada akta ibu untuk dijadikan suatu akta dalam Bahasa Malaysia, ini adalah satu dasar bahawa semua akta-akta yang sedia ada dapat diterjemahkan oleh pihak Peguam Negara dan Attorney General Chambers dan perkara ini dilakukan tetapi ini memang akan mengambil masa. Saya tidak dapatlah memberi jawapan bagi pihak tersebut.

Walau bagaimanapun, ini menjadi dasar dan mungkin akan dijalankan walaupun mengambil masa oleh kerana untuk menyemak dan meluluskan rang undang-undang baru pun pihak pejabat berkenaan mengambil masa yang begitu banyak dan mungkin kekurangan kakitangan dan sebagainya, tetapi pada dasarnya ini adalah dilaksanakan dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kuasa menerbitkan saham tanpa perlu kebenaran dari pemegang saham dalam mesyuarat agung tahunan. Dari pengalaman kementerian, ini biasanya melibatkan penyalahgunaan kuasa oleh pemegang saham majoriti seperti apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Dalam hal ini, suka saya menjelaskan bahawa buat masa sekarang perbezaannya, maklumat yang diberi bahawa semua pemegang-pemegang saham khususnya pemegang majoriti diberitahu tentang acquisition of assets dan sebagainya tetapi kalau dulu mesyuarat agung dipanggil tapi cuma masa berbeza. Dalam mesyuarat agung pun perkara ini kalau majoriti ada kuasa untuk meluluskan, mereka akan meluluskan.

Dan dahulu akta seperti yang sedia ada sebelum pindaan, kalau minoriti atau pemegang-pemegang saham yang tidak memuaskan, mereka boleh membawa perkara ini ke mahkamah di bawah 181 akta yang sedia ada.

Buat masa sekarang, maklumat itu diberikan kepada pemegang-pemegang saham dan kalau mereka tidak berpuas hati tentang apa yang dicadangkan oleh syarikat berkenaan, pemegang saham itu boleh menggunakan seksyen 181 untuk membuat bantahan terhadap perkara ini dan mengambil langkah-langkah legal action supaya menahan apa yang dicadangkan.

Maka, pemegang....

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Batang Lupar bangun.

Dato' S. Subramaniam: Sekejap. Jadi, pemegang-pemegang saham minoriti itu diberi perlindungan. Tidak ada perbezaan apa yang terdapat di dalam akta asal dan pindaan, cuma Mesyuarat Agung yang mengambil masa dan menjadi satu batu penghalang.

Dalam pengalaman Kementerian, daripada apa-apa yang telah berlaku dan juga pendapat Bank Negara serta Security Commission, kebiasaannya perkara-perkara Mesyuarat Agung tidak terlibat dengan perlindungan pemegang saham minoriti. Jadi, saya fikir pindaan ini tidak akan menjejaskan kepentingan pemegang-pemegang saham minoriti.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya tadi tidak dapat berucap. Jadi, saya ingin minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya juga mempunyai satu kebimbangan tentang soal protection against minority shareholders ini oleh kerana pada sesi Parlimen yang lepas, saya pernah membangkitkan persoalan iaitu shares minoriti dalam syarikat-syarikat itu senang didilutekan ataupun dimarginalisekan di dalam syarikat tersebut. Jadi, saya katakan, kalau perkara ini berlaku, ada kemungkinan confident kepada existing shareholders yang minoriti itu berbangkit dan juga confident kepada fund managers yang datang daripada overseas hendak invest dalam syarikat di Malaysia ini juga terjejas.

Jadi, dengan sendirinya kesan daripada apa Yang Berhormat sebutkan tadi, kita boleh dilute share ini dengan menggunakan Company's General Meeting, tetapi sekarang, tak payah gunakan lagi. Gunakan kuasa di bawah ini sahaja. Jadi, dengan sendirinya, confident yang sudah hilang dahulu ditambah lagi to make it much easier, dengan izin, to dilute shareholders

yang minoriti. Tidakkah ini mendatangkan kesan yang begitu buruk dengan menjatuhkan confident foreign investors ataupun existing shareholders dan mungkin juga pengaliran sumber fund daripada luar negara yang masuk ke negara ini dalam KLSE. Macam mana pandangan Yang Berhormat?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, dari segi pindaan yang dibuat, saya telah menerangkan bahawa apa yang diperlukan dahulu ialah Mesyuarat Agung untuk mendapat persetujuan semua pemegang-pemegang saham. Dengan pemindaan, maklumat ataupun notis diberi kepada semua pemegang-pemegang saham, baik pemegang majoriti dan minoriti. Cuma, tidak memerlukan Mesyuarat Agung dan kalau dahulu pun, mereka boleh membuat bantahan di bawah seksyen 181. Sekarang pun, hak itu masih dikekalkan. Jadi, tidak terlibat tentang pindaan.

Mengenai pengeluaran-pengeluaran saham baru di mana pihak minoriti dimarginalise lagi, ini adalah satu proses syarikat di seluruh dunia. Ini asas persyarikatan. Kita tidak boleh mewujudkan satu keadaan di mana minoriti ada kuasa yang lebih daripada majoriti. Ini prinsip dalam mana-mana syarikat di seluruh dunia. Buat masa sekarang, kita tidak ada cara lain selain daripada sistem yang sedia wujud sekarang di mana kalau pihak majoriti mendapat persetujuan untuk mengeluarkan saham-saham baru untuk acquisition of shares or assets oleh syarikat tersebut, itu adalah satu perkara dan urusan syarikat yang boleh berlaku sekarang dan dengan pindaan yang dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua....

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Batang Lupar bangun.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya minta maaflah Tuan Yang di-Pertua. Selepas ini saya tak bangun lagilah, tak kacau lagi. Saya bersetuju dari segi dasarnya memang macam itu. Pentadbiran dalam syarikat itu bukan orang lain yang jaga, mesti dalam syarikat itu sendiri yang mentadbirkan.

Jadi, begitu juga masalah dalam seksyen 181, mahkamah will not interfere, dengan izin, kalau perkara ini ditadbir dengan secara on the face of it. Betul. Jadi, dengan sendirinya marginalization of minority's shareholders ini memang tetap berlaku. Tetapi apa yang saya katakan di sini, kita buat senang sangat, dia hendak marginalise itu. Itu sahaja.

Jadi, saya ingat tadi Yang Berhormat dari Yan bercakap, maknanya kalau bumiputera dahulu sudah ada 30%, sekarang kita hendak marginalisekan lagi. 2% pun boleh jadi, sekelip mata sahaja, dalam dua minggu. Tetapi kalau Yang Berhormat tengok, dalam subseksyen ini juga mengatakan notis itu boleh dibuat dalam surat khabar dan ia hantar surat notis as a matter of course, deem to have been served.

Kalau orang itu pergi haji, habislah ceritanya. Surat khabar tak baca, semua tak dapat, surat dalam masa 2 minggu, anaknya tidak baca kerana surat tersebut address to the father. Macam mana ini boleh berlaku? Jadi, kecurigaan kita itu berbangkit daripada keadaan realiti.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan diiklan di dalam surat khabar sahaja. Itu yang pertama. Satu lagi, setiap pemegang saham perlu menerima copy of the statement explaining the purpose of the indented issue of shares. Kedua-duanya.

Yang ketiga, dari segi minoriti, mungkin pemegang-pemegang khuatir bahawa perkara ini berlaku. Apa yang saya ingin jelaskan, tidak ada perbezaan dan tidak ada cara untuk menentukan

bahawa minority shareholders akan mempunyai kuasa yang lebih daripada majority shareholders.

Seterusnya, tentang dasar kerajaan untuk menentukan bumiputera mempunyai 30% saham dalam syarikat-syarikat tersebut dan lain-lain dasar tidak ada kena-mengena dengan Akta Syarikat. Itu adalah dasar yang dilaksanakan oleh kementerian yang lain seperti Kementerian Kewangan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Pembangunan Usahawan dan sebagainya.

Maka itu adalah dasar-dasar yang akan terus dikekalkan dan akan menentukan bahawa hak bumiputera dan juga pemegang-pemegang saham bumiputera itu terus dikawal dan juga terus ditingkatkan dan adalah tidak benar bahawa ekuiti bumiputera itu dalam masa-masa yang lalu telah turun. Sebaliknya, pemegang ekuiti bumiputera mengikut dasar kerajaan telah meningkat kepada lebih daripada 20% daripada ekuiti holding di syarikat-syarikat yang telah disenaraikan dalam KLSE.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara bahawa kuasa menerbitkan saham....

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Kota Melaka bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Saya tertarik tadi dengan jawapan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang ekuiti kaum bumiputera dalam ekuiti syarikat yang telah meningkat lebih daripada 20% di mana Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan perasaan puashati tentang perkembangan demikian. Saya hendak bertanya adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri puashati dengan prestasi yang ditunjukkan oleh kaum India yang masih terikat atau tersangkut dalam ekuiti kurang daripada 1%? Sebagai Timbalan

Presiden MIC, saya hendak tahu apakah tindakan yang diambil oleh beliau atau kerajaan untuk menaikkan jumlah ekuiti kaum India di negara kita?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya tahulah Ahli Yang Berhormat mahu cari peluang untuk berpolitik dalam hal ini.

Tuan Lim Guan Eng: (*Menyampuk*)

Dato' S. Subramaniam: Belum lagi. Belum lagi! Saya jelaskan. Oleh kerana dasar kerajaan untuk meningkatkan penglibatan bumiputera dalam sektor swasta dan juga ekuiti untuk meningkatkan ekuiti itu adalah satu dasar yang diluluskan oleh kerajaan dan Dewan yang mulia ini dan dasar itu akan diteruskan.

Mengenai ekuiti yang dipegang oleh kaum India, adalah benar bahawa ekuiti itu tidak boleh dikatakan memuaskan. Ekuiti itu masih berkurang ataupun wujud imbalance dan pihak kerajaan telah pun mengambil iktiraf terhadap perkara itu dan pihak kerajaan juga, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga dalam Dewan yang mulia ini telah pun membuat kenyataan bahawa tindakan perlu diambil oleh pihak kerajaan untuk menukarkan ketidakseimbangan dan masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat kaum India.

Suka saya jelaskan bahawa dalam ekuiti itu pihak masyarakat India pun telah tambah jumlah pemegang saham-saham tetapi oleh kerana perkembangan ekonomi keseluruhan negara berkembang begitu pesat, maka masyarakat India tidak dapat melakukan perkembangan yang sama dalam masa yang singkat. Jadi, dalam hal ini pihak kerajaan juga telah membuat kenyataan dan perlu mengambil tindakan-tindakan dan pihak masyarakat India juga perlu dan akan teruskan tindakan-tindakan dalam hal ini.

Tuan Lim Guan Eng: Saya setuju dengan kenyataan tadi, dari segi peratus

milikan ekuiti kaum India masih terikat, saya ingat lebih kurang 1% tetapi dari segi absolute figure telah bertambah. Tetapi adakah beliau sedar bahawa kebanyakan pegangan ini adalah tertakluk kepada satu golongan kaum India elit atau dengan izin, the cream of the Indian community, di mana bilangannya adalah amat kecil sedangkan majoriti atau sebilangan besar kaum India masih dalam tahap kemiskinan dan tidak mampu langsung untuk memiliki satu saham. Ini menyebabkan kaum India sekarang menjadi marginalised, orang pinggiran dari segi ekonomi di negara Malaysia. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau kerajaan ada rancangan untuk membantu kaum India, adakah kerajaan dalam jenis bantuan yang diberikan, tidak akan seperti pada masa lampau berikan 10 juta saham Telekom kepada satu orang sahaja sedangkan patut diagihkan kepada keseluruhan kaum India?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat. Yang Berhormat. Yang Berhormat diingatkan boleh soal tetapi jangan ambil kesempatan untuk berucap. (*Tepuk*) Apatah lagi ucapan itu yang pernah diungkit-ungkitkan itu, saya rasa ini pun bukan cerita yang baru.

Tuan Lim Guan Eng: Saya cuba mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Tuan Yang di-Pertua tetapi perkara ini sangat penting dan Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tahu ini satu perkara yang amat penting kerana kesengsaraan yang dihadapi oleh kaum India. Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri lebih merasanya daripada saya.

Dato' Haji Badruddin bin Haji Amiruddin: (*Menyampuk dalam bahasa Cina*)

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya pun telah sebut tadi perkara-perkara yang berkaitan dengan pemegang saham oleh kaum bumiputera ataupun

kaum India tidak terlibat dengan pindaan akta ini. Ini adalah dasar...

Tuan Lim Guan Eng: (*Menyampuk*)

Dato' S. Subramaniam: Ahli Yang Berhormat, kalau Ahli Yang Berhormat bangkitkan, dengarlah penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, berilah Timbalan Menteri menjawab.

Dato' S. Subramaniam: Saya sebutkan perkara itu tadi kepada Ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional. Barisan Nasional mendengar penjelasan. Kalau Ahli Yang Berhormat dari pembangkang tidak mahu dengar, ini saya tidak boleh buat apa dan saya tidak akan membenarkan Ahli Yang Berhormat bertanya apa-apa penjelasan.

Saya suka menjelaskan bahawa dasar ini adalah bidang kuasa dipegang oleh kementerian-kementerian lain dan mereka menentukan tentang saham-saham yang dikeluarkan, bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Pindaan-pindaan pun tidak memberi kuasa kepada Pendaftar Syarikat terhadap pengagihan saham-saham bagi syarikat-syarikat dan sebagainya. Ini adalah satu perkara yang dimaklumkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Tetapi tentang pemegang-pemegang saham-saham oleh satu golongan yang kecil, ini mungkin boleh jadi di kalangan kaum India ataupun di kalangan bumiputera mahupun di kalangan kaum Tionghua. Itu tidak menjadi perkara yang telah dibincangkan. Cuma masalah kekurangan ekuiti yang dipegang oleh kaum India, saya telah setuju bahawa perkara ini adalah benar dan telah pun diambil ingatan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku pemimpin kerajaan dan perkara ini telah dibuat satu kenyataan apabila beliau kemukakan Rancangan Malaysia Keenam di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya teruskan dengan jawapan-jawapan mengenai perkara-perkara berkaitan. Pindaan seksyen 121 dan 338 di mana dikatakan bahawa penggunaan nombor syarikat itu akan menyusahkan syarikat-syarikat kecil. Saya telah menjelaskan bahawa ini tidak benar. Mereka boleh menggunakan rubber stamp dan senarai papan tanda syarikat-syarikat itu juga akan diwajibkan menggunakan nombor syarikat. Kita berharaplah mereka akan mematuhi perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan sama ada proses kelulusan akan dibuat dengan cepat oleh pihak-pihak lain, dikatakan bahawa dengan pindaan Pejabat Pendaftar Syarikat, proses kelulusan adalah buat masa sekarang dibuat mengikut piagam yang telah ditentukan dan selalunya kelulusan adalah dibuat lebih awal dari masa yang ditetapkan dalam piagam. Itu tentang perkara-perkara kelewatan. Namun demikian, permohonan-permohonan yang melibatkan pihak-pihak lain atau pihak-pihak berkuasa yang lain seperti Suruhanjaya Sekuriti dan Bank Negara Malaysia, tempoh yang diperlukan adalah bergantung kepada piagam badan-badan itu iaitu Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan sebagainya. Maka mengenai perkara itu saya tidak dapatlah menjelaskan.

Mengenai menimbang semula penguatkuasaan pendaftaran perniagaan dengan Pendaftar Perniagaan (Registrar of Business (ROB)) supaya diberi tempoh masa yang lebih dan juga beri kelonggaran. Ini suka saya menjelaskan bahawa penguatkuasaan pendaftaran perniagaan oleh Pejabat Pendaftaran Perniagaan, kita akan ambil perhatian dalam perkara ini dan akan cuba memikirkannya. Tetapi suka saya jelaskan perbezaan di Labuan tidak begitu berlainan daripada Semenanjung Malaysia, penguatkuasaan pendaftaran perniagaan telah dilakukan di seluruh negara, maka saya fikir perkara ini sukar untuk diberi satu pengecualian yang

berlainan bagi Labuan sahaja, tetapi kita akan mengambil ingatan dan cuba membuat kalau boleh kita akan timbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau telah menyuarakan perasaan khuatir tentang pindaan 132D yang memberi perlindungan lebih kepada pemegang-pemegang saham majoriti. Saya telah pun menjelaskan dalam hal ini tentang peruntukannya.

Tuan Yang di-Pertua, pendedahan maklumat-maklumat oleh pihak-pihak syarikat itu akan terus dikawal oleh pendaftar syarikat. Adalah ternyata di bawah seksyen-seksyen yang berkenaan pendaftar syarikat dikehendaki memastikan tidak akan berlaku 'non-disclosures' maklumat-maklumat yang penting kepada pelabur-pelabur. Ini adalah menjadi tanggungjawab pendaftar syarikat di bawah Akta Syarikat dan pejabat pendaftar syarikat akan menentukan bahawa kesalahan itu tidak berlaku.

Mengenai kod etika yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Yan, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat yang telah memberi sokongan kepada.....

Dato' Dr. Kamal bin Salleh: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Wangsa Maju bangun.

Dato' S. Subramaniam: Kod etika.

Dato' Dr. Kamal bin Salleh: *(Bangun)*

Dato' S. Subramaniam: Kemudian, saya beri peluang. Jadi, saya mengucapkan terima kasih bahawa kod etika yang telah dilulus ataupun yang telah dilancarkan oleh bukan sahaja Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, tetapi diterima dan sama-sama diusahakan oleh pihak swasta.

Suka saya jelaskan bahawa mereka juga sama-sama memberi kerjasama dan juga memberi bantuan untuk menentukan kod etika itu bagi pengarah-pengarah syarikat itu dilaksanakan. Dalam hal ini suka saya jelaskan bahawa saya tidak ada pendapat yang berlainan daripada apa yang disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat, cuma suka saya jelaskan bahawa syarikat-syarikat yang dinamakan oleh Ahli Yang Berhormat bukan sahaja mempunyai kepentingan dalam perkara-perkara seperti judi, loteri dan sebagainya. Syarikat-syarikat ini mempunyai kepentingan dan urusan perniagaan dalam lain-lain bidang seperti pemaju perumahan, kondominium, hotel, syarikat-syarikat pengeluaran (manufacturing) dan sebagainya. Mungkin ada pengarah-pengarah syarikat Melayu yang beragama Islam memegang atau menjalankan tugas-tugas dalam bidang-bidang tertentu dalam syarikat—itu saya tidak tahulah. Walau bagaimanapun, perkara ini mengikut undang-undang tidak ada apa-apa kesalahan, tetapi kepercayaan dan prinsip-prinsip Islam adalah satu perkara yang lain dan saya setuju dengan pendapat Yang Berhormat dan mungkin agensi-agensi kerajaan yang lain boleh memandangkan perkara ini dengan lebih mendalam.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Yan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya memahami pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, walaupun kita kata syarikat itu dia tidak terlibat, tetapi itu tidak menjadi halangan kalau pengarah-pengarah Islam ini duduk di dalam anak-anak syarikat yang bergerak di dalam bidang perniagaan seperti dalam bidang housing ataupun transportation dan sebagainya.

Maksud saya macam 4 Nombor Ekor ini—Syarikat Empat Ekor, jadi sudah ternyata terang-terang 4 Nombor Ekor, begitu juga Genting Highlands—resorts ini kita tahu, tetapi 'core business' adalah daripada perjudian. Jadi, saya berharap kalau boleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kita coordinate dengan Pusat Islam ataupun Jabatan Perdana Menteri supaya kita ada guideline—ini baik. Kalau mereka ini pergi ke subsidiarinya tidak apa, itupun kalau ikut betul-betulnya tidak boleh fasal main businessnya adalah perjudian, keuntungan perjudian disubsidise. Jadi modalnya adalah daripada keuntungan yang haram, dimasukkan ke dalam anak syarikat, tetapi tidak tahulah, ini barangkali pihak-pihak Pusat Islam dapat memberi tafsiran. Apa yang clear kita dapat lihat Yang Berhormat Timbalan Menteri seperti syarikat-syarikat judi ini, syarikat arak dan sebagainya. Oleh itu saya minta kerjasama daripada kementerian dengan Pusat Islam supaya coordinatekan perkara ini dan kita pastikan benda ini untuk kebaikan generasi negara kita sebagai negara Islam dan juga untuk harmoni, kerana bagi saya Tuan Yang di-Pertua, kita boleh mencari wang ringgit dari jalan yang lain, tidak semestinya kita boleh hidup senang dengan menjadi taukeh 'Ekor'. Terima kasih.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah pandangan saya mengenai perkara itu. Dalam hal ini Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna secara kod etika pengarah itu tidak langsung berkaitan dengan pengarah-pengarah dan syarikat-syarikat mereka diizinkan memegang jawatan. Cuma kod etika pengarah itu adalah sebagai satu panduan kepada semua pengarah-pengarah termasuk pengarah bumiputera dan pengarah bukan bumiputera untuk menjalankan urusan dan tanggungjawab mereka mengikut prinsip-prinsip etika. Itu sahaja, tetapi dalam perkara ini mungkin pihak agensi-agensi yang berkaitan dengan agama boleh juga mengkaji perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Wangsa Maju...

Dato' Dr. Kamal bin Salleh: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf saya slow sedikit. Sebenarnya isu yang saya hendak bangkitkan iaitu sebelum isu kod etika. Walau bagaimanapun, ini mengenai Fasal 8 yang dijelaskan sebelumnya itu, iaitu berkaitan dengan prospektus tambahan, sama ada Timbalan Menteri dapat menjelaskan bahawa kemungkinan ada percanggahan di antara Fasal 8 dengan Fasal 12 yang dibincangkan awal tadi oleh Yang Berhormat dari Batang Lupar, iaitu soal dilution, dengan izin. Hasil daripada notis yang diberikan sekurang-kurangnya 14 hari kepada minority shareholders dari segi perubahan acquisition dan pengeluaran syer-syer baru. Seperti dalam Fasal 8 ini melibatkan satu pertukaran, kemungkinan selepas prospektus diterima dan didaftarkan oleh shareholders meeting, tiba-tiba ada perubahan dari segi acquisition yang baru. Oleh demikian, adakah dikeluarkan satu prospektus tambahan yang baru untuk tujuan tersebut, iaitu supaya tidak ada masalah di mana kalau dilution itu begitu mendadak bukan sahaja bagi syer-syer bumiputera, India ataupun lain-lain syer minority holders.

Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Mentakab kemungkinan patut diberikan had sedikit dari segi dilution itu, supaya kalau syer yang baru itu melebihi peratusan ataupun paras dilutionnya, maka perlu ada mesyuarat tambahan atau mesyuarat agung khas untuk tujuan yang tersebut termasuk mengeluarkan prospektus tambahan. Misalnya kalau syarat-syarat pinjaman bank, sekiranya ianya meliputi lebih 10% daripada nilai syarikat tersebut, daripada segi share outstanding, dia perlu kelulusan daripada bank asal sebelum pinjaman baru itu dibuat ke bank yang lain. Saya ingat perkara ini belum dijawab lagi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, suka saya menjelaskan bahawa dalam hal ini kalau apa diperlukan dengan permindaan ialah notis selama 14 hari

kepada semua pemegang saham sebelum urusan itu hendak dilaksanakan. Kalau tidak perlu memanggil mesyuarat agung, tetapi prospektus itu perlu dibuat oleh pihak yang berkenaan, pihak syarikat—prospektus itu perlu dikeluarkan. Kalau perkara-perkara yang terkandung dalam prospektus itu tidak ada maklumat-maklumat, ada kesalahan ataupun merupakan satu kekurangan, selepas pengeluaran syer, mereka yang telah beli saham-saham daripada syarikat-syarikat tersebut boleh mendapat pulangan duit itu tanpa penalti. Jadi, itu juga sebagai satu perlindungan kepada mereka yang akan mengeluarkan saham-saham baru, syarikat-syarikat yang akan mengeluarkan saham-saham baru. Jadi, itu sahaja, tetapi kalau Ahli Yang Berhormat hendak lebih jelas, saya boleh....

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kontrak dokumen-dokumen yang perlu disimpan di Pejabat ROC, saya telah menjelaskan tadi dalam ucapan saya bahawa walaupun dokumen-dokumen itu tidak perlu diserahkan di Pejabat Pendaftar Syarikat, tetapi dokumen-dokumen itu perlu disimpan di Registered Office atau syarikat berkenaan untuk diperiksa oleh sesiapa yang berhasrat.

Ingin juga saya jelaskan bahawa walaupun material kontrak tidak perlu difailkan dengan ROC, namun ianya dimestikan disimpan di pejabat berdaftar di pejabat syarikat yang mengeluarkan prospektus selama 6 bulan, dan ini membolehkan mereka memeriksa.

Tentang sistem pendaftaran nama syarikat, buat masa sekarang jawapan dibuat dalam tempoh dua hari. Walaupun piagam pelanggan pejabat ditetapkan di dalam tempoh lima hari, pejabat ROC boleh memberi kelulusan segera lagi sesuatu permohonan yang benar-benar diperlukan oleh pelabur-pelabur tempatan atau asing, iaitu sekiranya nama syarikat yang ingin didaftarkan itu masih belum ada di dalam senarai nama pendaftaran di ROC, dan dokumen-dokumen penubuhan sesuatu syarikat itu disediakan dengan betul sepertimana diperlukan oleh Akta Syarikat 1965.

Tuan Yang di-Pertua, syer-syer yang dipegang oleh underwriter sebagai syer yang telah diterbitkan di bawah seksyen 37 (2a) yang baru telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera. Sekiranya syer-syer yang dipegang oleh underwriter telah disenaraikan di bursa saham, syer-syer itu akan dianggap sebagai syer-syer yang telah diterbitkan. Jika syer-syer itu masih belum diluluskan oleh bursa saham untuk disenaraikan dan disebut harga di bursa saham, penawaran syer-syer itu walaupun telah diterbitkan oleh syarikat tidak akan terjatuh di bawah pengecualian seksyen 37 2(a).

Tuan Yang di-Pertua, daripada apa yang dimaklumkan oleh saya, tidak ada 'computer breakdown' di pejabat Pendaftar Syarikat 'on a regular basis.' Tetapi dalam hal ini suka, saya jelaskan kalau computer breakdown atau tidak, piagam yang dipatuhi oleh pejabat berkenaan akan diteruskan, iaitu kelulusan dalam tempoh yang ditetapkan dalam piagam akan dipatuhi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Yan yang juga telah mengucap tahniah tentang kempen 'Inflasi Sifar' di mana kita telah mendapat kerjasama dari rakyat untuk menjalankan kempen inflasi sifar. Tetapi ini akan mengambil masa yang panjang untuk mencapai matlamat. Maka saya ucap terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah penjelasan-penjelasan yang saya ingin beri kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang ini. Suka saya jelaskan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kalau ada perkara-perkara yang tidak dijelaskan, itu diambil nota dan perkara-perkara itu akan diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh Pejabat Pendaftar Syarikat dan kementerian saya pada masa-masa yang akan datang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, itu sahaja penjelasan, dan lagi sekali saya ucap terima kasih terhadap sokongan dan juga huraian-huraian dan teguran-teguran yang dibuat dalam perbahasan. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 21 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

MENANGGUHKAN BACAAN KALI KEDUA RANG UNDANG-UNDANG ANGKATAN TENTERA (PINDAAN) 1996 DI BAWAH PERATURAN MESYARAT 62.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62 Rang Undang-undang Angkatan Tentera (Pindaan) 1996 untuk bacaan kali kedua dan ketiga hendaklah ditangguhkan pada mesyuarat akan datang. Seorang Ahli hendaklah menyokong.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Dato' Abu Bakar bin Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah ini untuk diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Tuan Lim Guan Eng: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kota Melaka bangun atas apa?

Tuan Lim Guan Eng: Peraturan Mesyuarat 62. Oleh kerana kita ada banyak Rang Undang-undang untuk dibahaskan, saya rasa Ahli-ahli Parlimen hanya boleh memilih Rang Undang-undang tertentu untuk dibahaskannya. Bolehkah notis yang lebih awal diberikan oleh pihak kerajaan sama ada bila hendak menarik balik Rang Undang-undang dan bukan pada saat-saat terakhir. Kerana kalau tidak ini telah membuang masa Ahli-ahli Parlimen seperti saya. Saya telah menyediakan ucapan saya dan tidak mempunyai peluang lain dan masa lain untuk meneliti dan membuat research untuk Rang Undang-undang yang lain. Itu satu permintaan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baik, Yang Berhormat saya akan membuat keputusan. Sebenarnya sekiranya Yang Berhormat Kota Melaka baca dengan teliti Peraturan Mesyuarat 62 tadi, Yang Berhormat pasti memahami bahawa ianya tidak memerlukan sebarang notis terlebih dahulu. Walaupun apa yang dihujahkan Yang Berhormat itu saya yakin dan saya tahu, tetapi saya Yang Berhormat kena akur juga kepada apa yang tertera kepada Peraturan Mesyuarat 62 itu tadi.

Tuan Lim Gua Eng: Saya hanya minta supaya notis lebih awal diberikan supaya kita boleh....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Itu cadangan Yang Berhormat?

Tuan Lim Guan Eng: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baik.

RANG UNDANG-UNDANG HAKCIPTA (PINDAAN) 1996

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.24 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Tuan Tan Chai Ho): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang untuk meminda Akta Hakcipta 1987 dibaca untuk kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang yang menentukan dan melindungi hak-hak pencipta di seluruh negara pada masa ini ialah Akta Hakcipta 1987. Pindaan yang dicadangkan ini adalah untuk memenuhi keperluan serta perkembangan semasa dalam industri supaya tuan punya hakcipta dapat menikmati faedah daripada hasil karya mereka dan seterusnya mendorong mereka untuk lebih kreatif. Ini dijangka akan membantu mempertingkatkan industri-industri yang berkaitan dengan hakcipta tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil peluang ini untuk menghuraikan ciri-ciri utama pindaan yang dicadangkan. Pindaan melibatkan 3 perkara utama iaitu:

- (i) untuk membenarkan 'reverse engineering' artikel-artikel atau produk-produk yang sudah luput

perlindungan di bawah undang-undang paten dan undang-undang rekabentuk perindustrian;

- (ii) untuk meluaskan kuasa tribunal hakcipta bagi membolehkan tribunal tersebut menyelesaikan pertikaian berkaitan dengan pengguna karya yang berhakcipta; dan
- (iii) untuk mengadakan peruntukan bagi membolehkan pengkompaunan untuk kesalahan di bawah akta.

'Reverse Engineering' ialah satu teknik atau proses di mana suatu produk atau sebahagian besar daripada produk itu dikeluarkan semula (reproduced) dengan cara tidak terus (indirectly) tanpa melihat atau merujuk kepada lukisan, pelan atau 'blueprint', dengan izin, berkaitan dengan produk tersebut. Mengikut tafsiran Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur dalam kes Peko Wallsend V Linatex Process Rubber Bhd pada tahun 1991 (disahkan oleh Mahkamah Agong pada 29hb Jun, 1994), 'reverse engineering' tidak dibenarkan di bawah Akta Hakcipta, 1987. Ini disebabkan tafsiran 'karya seni' di bawah akta tersebut terlalu luas. Tafsiran 'karya seni' di bawah Seksyen 3 Akta tersebut merangkumi lukisan cat, lukisan, ecing litograf, ukir kayu, ukir pahat dan cetakan dan apa-apa karya tiga dimensinya.

Karya-karya tersebut dilindungi tanpa mengira kualiti atau tujuan karya-karya itu dihasilkan (seksyen 7). Ini bermakna apa-apa lukisan seperti 'artistik scatch, engineering drawing, mechanical drawing, design drawing and patent document' adalah dilindungi di bawah Akta Hakcipta, 1987. Perlindungan diberi kepada lukisan itu sendiri (dalam dua dimensi) dan artikel yang diperbuat daripada lukisan tersebut (dalam tiga dimensi). Ini telah menyebabkan sebarang penyalinan (reproducing/copying) baik secara terus atau tidak terus (reverse engineering) tidak dibenarkan.

Sebagai kesan daripada peruntukan ini, artikel-artikel atau produk-produk yang sudah luput perlindungan di bawah undang-undang mengenai rekabentuk perindustrian jangkamasa perlindungan 25 tahun masih mendapat perlindungan di bawah Akta Hakcipta yang mempunyai jangkamasa perlindungan yang sangat lama (sepanjang hayat pencipta dan 50 tahun selepas kematiannya). Dalam lain-lain perkataan, monopoli yang diberikan kepada tuan punya paten atau rekabentuk perindustrian tersebut telah dipanjangkan daripada yang sepatutnya dengan cara yang tidak munasabah.

Dengan keahlian Malaysia dalam Konvensyen Berne pada 1hb Oktober, 1990, perlindungan juga dipanjangkan kepada artikel atau produk yang luput perlindungan di bawah undang-undang paten atau undang-undang rekabentuk perindustrian di negara-negara Ahli Konvensyen Berne yang lain berdasarkan prinsip layanan negara iaitu (National Treatment).

Ini telah merugikan pengusaha-pengusaha tempatan kerana tidak boleh mengeluarkan semula melalui cara 'reverse engineering' artikel-artikel atau produk-produk yang sudah tidak lagi dilindungi di negara asal.

Walau bagaimanapun, adalah dijelaskan di sini bahawa pengeluaran semula apa-apa karya atau artikel yang masih mendapat perlindungan di bawah mana-mana undang-undang mengenai harta intelek tidak boleh dilakukan tanpa kebenaran tuan punya karya atau artikel tersebut. Bagi menentukan aktiviti 'reverse engineering' tidak melanggar Akta Hakcipta 1987, Akta dicadang dipinda berpandukan kepada Undang-undang Hakcipta United Kingdom. Pindaan yang dicadangkan meminda definasi 'karya seni' supaya diberi skop yang terhad. Definasi 'karya seni' tidak lagi merangkumi produk dalam tiga-dimensi yang dihasilkan daripada karya yang bukan karya seni (non-artistic work).

Di samping itu, seksyen-seksyen baru diadakan untuk memperuntukkan bahawa:

- (i) Adalah tidak menjadi suatu pelanggaran apa-apa hakcipta dalam suatu dokumen rekabentuk atau model yang merekodkan atau yang mengandungi rekabentuk bagi apa-apa jua, selain daripada suatu karya seni, untuk membuat suatu barang mengikut rekabentuk itu, atau untuk meniru atau untuk mengeluarkan semula suatu barang yang dibuat mengikut rekabentuk itu;
- (ii) Apabila suatu karya seni telah dieksploitkan dengan kebenaran tuan punya hakcipta, jangka masa perlindungan bagi karya tersebut dihadkan kepada 25 tahun daripada tarikh barang berkenaan dipasarkan;
- (iii) Hakcipta dalam suatu karya seni tidak dilanggar oleh apa-apa juga yang dilakukan menurut suatu penyerahakan atau lesen yang dibuat atau diberi oleh seseorang yang didaftarkan di bawah undang-undang yang berkenaan; dan
- (iv) Hakcipta dalam mana-mana rekabentuk yang boleh didaftarkan di bawah Undang-undang Rekabentuk Perindustrian tetapi belum didaftarkan, hendaklah terhenti apabila barang yang menggunakan rekabentuk itu telah dikeluarkan semula lebih daripada 50 kali melalui proses perindustrian.

Adalah dijelaskan juga bahawa di bawah pindaan yang dicadangkan artikel-artikel atau produk-produk yang sudah luput perlindungan di negara asal tetapi pada masa ini dilindungi di bawah Akta Hakcipta 1987 akan terus mendapat perlindungan sehingga tempoh perlindungannya di bawah akta itu tamat.

Kesan pindaan terhadap artikel-artikel atau produk-produk tersebut tidak boleh dikecapi serta-merta kerana Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan tidak membenarkan hak terakru ditarik balik.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, tujuan kedua pindaan ke atas Akta Hakcipta 1987 ialah untuk meluaskan kuasa Tribunal Hakcipta. Tribunal Hakcipta yang ditubuhkan di bawah Akta Hakcipta 1987 yang ada sekarang hanya mempunyai kuasa untuk menimbang dan meluluskan permohonan lesen untuk mengeluarkan dan menerbit terjemahan dalam Bahasa Malaysia karya sastera yang ditulis dalam apa-apa bahasa lain.

Untuk tribunal hakcipta memainkan peranan timbangtara berkaitan pertikaian antara tuan punya hakcipta dengan pengguna, bidang kuasa tribunal perlu diperluaskan. Pihak yang tidak berpuashati, sama ada pihak pengguna atau pihak badan pelesenan atau kedua-duanya, boleh membuat rujukan atau permohonan kepada Tribunal Hakcipta untuk mendapat penyelesaian.

Peruntukan-peruntukan baru yang telah diperkenalkan membolehkan Tribunal Hakcipta antara lainnya mendengar dan menyelesaikan pertikaian mengenai perkara-perkara berikut:

- (i) Terma-terma sesebuah skim pelesenan yang dikendalikan oleh badan pelesenan;
- (ii) Skim pelesenan yang sedang beroperasi;
- (iii) Kelayakan mendapatkan lesen (badan pelesenan enggan memberi lesen kepada pengguna); dan
- (iv) Lesen yang luput tarikh kuatkuasanya.

Pindaan juga menjelaskan keadaan-keadaan di mana skim pelesenan yang sedang wujud boleh dirujuk semula kepada Tribunal Hakcipta oleh pengguna atau pengendali skim.

Selain daripada itu, pindaan juga memperuntukkan perlantikan seorang Timbalan Pengerusi Tribunal untuk membolehkan lebih dari satu prosiding dijalankan serentak dan seorang Setiausaha bagi melicinkan perjalanan prosiding. Keputusan tribunal adalah muktamad, hanya persoalan undang-undang yang timbul semasa prosiding boleh dirujuk untuk penetapan oleh Mahkamah Tinggi. Penubuhan tribunal ini akan memudahkan tuan punya hakcipta dan pengguna menyelesaikan pertikaian mereka.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan ketiga pindaan ke atas Akta Hakcipta 1987 ialah untuk mengadakan peruntukan bagi membenarkan pengkompaunan. Penguatkuasaan adalah komponen yang penting dalam Akta Hakcipta 1987. Dalam menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menghadapi pelbagai masalah dan salah satu masalah utama ialah kelambatan sesuatu kes dihadapkan ke mahkamah. Ini mungkin disebabkan kesulitan untuk mendapatkan pesalah atau saksi untuk hadir di mahkamah, afidavit dikeluarkan di bawah Seksyen 42 Akta oleh wakil tuan punya hakcipta di negara ini tidak diterima oleh mahkamah dan sebagainya. Ini telah menimbulkan masalah storan barang-barang yang dirampas. Perkara ini juga sering dijadikan isu oleh pihak-pihak yang tertentu dan boleh memburukkan nama negara.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berpendapat bahawa salah satu cara untuk menyelesaikan atau mengurangkan masalah ini ialah dengan membenarkan pengkompaunan bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta Hakcipta 1987, terutamanya kes-kes yang kecil.

Tuan Yang di-Pertua, adalah dipercayai Rang Undang-undang (pindaan) yang dicadangkan ini bukan sahaja akan dapat memberi perlindungan sewajarnya kepada tuan punya hakcipta tetapi juga akan mewujudkan keyakinan di kalangan pihak-pihak lain yang terlibat dengan hakcipta, seperti industri percetakan dan penerbitan buku, industri filem dan video, industri muzik, industri komputer dan lain-lainnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah suatu akta untuk meminda Akta Hakcipta 1987 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Bukit Bendera.

7.38 mlm.

Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera): Tuan Yang di-Pertua, mengikut pengetahuan saya, hakcipta ini sering digunakan oleh negara yang maju untuk menindaskan negara yang sedang membangun atau negara yang mundur. Ini adalah kerana kemudahan hakcipta serta sistem perundangan mengenai hakcipta ini adalah lebih matang di negara-negara yang maju khususnya di negara Amerika Syarikat. Kebanyakan hakcipta ini telah didaftarkan di negara maju seperti Amerika Syarikat. Jadi, negara majulah yang kaya dengan hakcipta dan menikmati faedah-faedah dan kebaikan yang terdapat daripada hakcipta ini.

Hakcipta atau hakmilik intelek khasnya ilmu dan pengetahuan dalam teknologi tinggi dan bioteknologi selalu digunakan sebagai alat perantaraan dalam perdagangan antarabangsa. Begitulah dengan isu-isu hak asasi manusia dan alam sekitar yang juga digunakan oleh

negara maju untuk menindaskan negara yang sedang membangun dalam perundingan perdagangan antarabangsa.

Olehsebab itu, saya menyokong pindaan kepada Akta Hakcipta 1987 yang mengeluarkan barang berfungsi daripada perlindungan hakcipta yang membezakan antara rekabentuk yang boleh dilindungi sebagai hakcipta dan rekabentuk yang tidak boleh dilindungi sebagai hakcipta.

Tuan Yang di-Pertua, sudah beberapa tahun Amerika Syarikat telah menakutkan Malaysia dan negara Asia tentang pengambilbalikan GSP, dengan izin, Generalised System of Preferences atas isu hakcipta dan isu Hakcipta Asasi Manusia. Oleh kerana Amerika Syarikat dan syarikat-syarikat Amerikalah yang menguasai teknologi maklumat, khasnya software, isu Hakcipta ini telah digunakan dalam pemberian dan pengambilbalik GSP ini khasnya di negara Thai dan negara Cina.

Ada buktinya di negara lain seperti Singapura dan Taiwan di mana taraf GSP ditarik balik selepas Akta hakcipta dilulus dan dilaksanakan oleh mereka itu. Sekarang negara Malaysialah yang sedang menghadapi dengan keputusan Amerika Syarikat menarik balik taraf GSP ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Malaysia adalah salah satu negara yang telah menandatangani Berne Convention mengenai hakcipta dan kita patutlah menghormati hakcipta dan hakmilik intelek tetapi kita perlu mempertahankan keadilan dan pelaksanaan undang-undang hakcipta. Negara yang maju patutlah menggunakan kuasanya dalam hakmilik intelek dan hakcipta untuk membangunkan negara yang mundur dan bukan sebaliknya. Negara yang maju mesti diingatkan bahawa untuk penyelidikan bioteknologi kebanyakan bahan-bahan mentah terdapat dan dikekalkan di negara yang sedang membangun dan negara mundur.

Hutan-hutan Tropika di Malaysia, Indonesia dan Brazil merupakan satu biodiversity yang amat mustahak untuk bahan-bahan mentah yang perlu untuk kejayaan bioteknologi. Jadi, negara maju mesti berkongsi dengan negara yang mempunyai bahan-bahan mentah dan hasil yang boleh didapati dari penyelidikan bioteknologi dan biasanya penyelidikan ini pun pernah dijalankan dan sedang dijalankan di negara asli jika bahan-bahan mentah itu tidak dapat dieksport ke negara maju itu. Apakah hak-hak negara yang mempunyai bahan-bahan mentah itu? Apakah faedah yang dapat dinikmati oleh rakyat yang mempunyai bahan-bahan asli untuk penyelidikan yang dijalankan oleh syarikat-syarikat dan saintis-saintis daripada negara maju?

Kadang-kadang apabila penyelidikan yang dijalankan oleh saintis tempatan tetapi dibiayai oleh tabung negara asing, hakcipta itu adalah diperolehi oleh kedua-dua penyelidik dan orang yang membiayai itu. Jadi, saya bercadang bahawa negara yang mempunyai bahan-bahan mentah itu diberi hakcipta yang sama dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada seksyen 7 akta ini supaya perlindungan hakcipta terhenti selepas barang yang menggunakan reka bentuk itu telah dikeluarkan semula lebih daripada 50 kali melalui proses perindustrian adalah tepat kerana nilai untuk sesuatu ciptaan atau reka bentuk perlu dihadkan. Tetapi peruntukan sebanyak 50 kali untuk tanda luput hakcipta itu kurang sesuai untuk beberapa ciptaan atau reka bentuk yang memerlukan lebih daripada 50 kali melalui proses perindustrian sebelum kos pembangunan dan penyelidikan, dengan izin, research and development dapat dibayar balik. Mungkin satu schedule untuk ciptaan atau reka bentuk yang berlainan dengan peruntukan yang berlainan perlu diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam arena penulisan, saya difahamkan bahawa hakcipta sesuatu karya atau buku adalah dipegang oleh penerbit dan bukan oleh penulisnya, walaupun penulis buku itu adalah orang yang bekerja bertungkus lumus untuk menulis dan mencipta sebuah buku itu. Jadi, apakah perlindungan yang akan diberi kepada penulis buku itu di dalam pindaan akta ini? Selain daripada royalti yang didapati oleh orang yang menulis buku itu, hakcipta buku itu perlulah dikongsi di antara penulis dan penerbit buku itu. Sebaliknya, Tuan Yang di-Pertua, penerbit buku itulah yang patut mendapat komisen tetapi hakcipta buku itu patutlah dipegang oleh penulis dan bukannya di tangan penerbit.

Tuan Yang di-Pertua, satu tajuk yang saya ingin bahaskan di sini adalah berkenaan dengan penguatkuasaan seksyen-seksyen di bawah Akta hakcipta ini. Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang mengatakan bahawa penguatkuasaan adalah satu isu yang amat penting. Saya diberitahu bahawa semasa pasukan penguatkuasa membuat rampasan sesebuah premis atas aduan sebuah penerbitan itu, misalnya kaset muzik CD Rom atau program-program komputer dan sebagainya, wakil-wakil orang yang membuat aduan itu memasuki premis itu bersama-sama dengan pegawai penguatkuasa. Mungkin ini tidak ada masalah tetapi, Tuan Yang di-Pertua, masalahnya timbul apabila wakil pengadu itu turut mengambil bahagian dan membuat rampasan bersama-sama dengan pegawai penguatkuasa dan menyentuh barang-barang itu.

Jadi, saya ingin tanya sama ada perbuatan ini adalah sah dari segi undang-undang? Bolehkah seseorang yang membuat aduan itu mengambil bahagian di dalam mencari bukti bersama-sama dengan pasukan penguatkuasa? Jika tidak, apakah tindakan yang diambil atas kes seperti ini?

Dalam hal penguatkuasaan Akta Hakcipta ini, kita perlu mengambil perhatian tentang keadilan dari segi harga pasaran yang berbeza di antara negara pengeluar dan negara pemasaran yang lain. Sebagai contoh, harga komputer software di negara Asia seperti Malaysia kadang-kadang berganda dua kali jika berbanding dengan harga yang diiklankan di dalam majalah-majalah di Amerika Syarikat. Inilah isu keadilan hakcipta yang perlu kita prihatin. Apakah keadilan apabila syarikat dari negara maju menjual barang-barang mereka dengan harga yang begitu tinggi dan kadang-kadang barang-barang itu dikeluarkan di negara Asia.

Jadi, sebelum kita menjalankan tugas penguatkuasaan dengan sekeras-kerasnya, kerajaan perlu memaksa syarikat-syarikat yang menjual produk-produk dengan harga yang begitu tinggi itu supaya mereka menjualkan dan memasarkan produk mereka dengan harga yang lebih seimbang dan lebih adil. Dengan ini saya mohon menyokong. Sekian, Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Seputeh, selepas ini kementerian jawab.

7.49 mlm.

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Yang di-Pertua, undang-undang Hakcipta masih kabur menyebabkan ramai golongan karyawan tidak dapat menikmati kekuatan undang-undang itu untuk melindungi hakcipta mereka. Undang-undang yang longgar juga menyebabkan pihak peniaga boleh membolot keuntungan besar dalam masa golongan karyawan tidak tahu bagaimana mahu menyelamatkan hakcipta mereka.

Lagu ciptaan Allahyarham Tan Sri P. Ramlee telah dieksploitasi untuk dijadikan iklan komersil seperti dilaporkan dalam akhbar *Berita Harian* pada 16hb April 1996. Adalah amat memmeranjatkan lagu Getaran Jiwa ciptaan P. Ramlee

bukan hakmiliknya sebagai pencipta, tetapi diletakkan hakmilik syarikat rakaman EMI (M) Sdn. Bhd.

Tuan Yang di-Pertua, pihak syarikat itu mengakui bahawa pihaknya telah memberi kebenaran bagi membolehkan lagu ciptaan Tan Sri P. Ramlee diterbitkan sebagai lagu iklan komersil Bandar Sungai Buaya. Adalah tidak adil karya Tan Sri P. Ramlee menjadi hakmilik syarikat rakaman setelah syarikat berkenaan mengaut keuntungan yang besar daripada hasil karya seseorang karyawan.

Di bawah Akta Hakcipta ini, adalah lebih wajar karya-karya P. Ramlee dijadikan hakmilik negara yang dilindungi di bawah agensi kerajaan. Dengan cara demikian, syarikat-syarikat perniagaan tidak boleh mengeksploitasi karya seseorang atas alasan pihaknya mempunyai pustaka muzik yang berhak menyelia dan mengutip royalti.

Lagu Allahyarham Tan Sri P. Ramlee juga dialihbahasakan ke dalam bahasa Inggeris dengan judul 'Wind of the Sea'. Kita berbangga lagu ciptaan warganegara kita boleh mencapai taraf antarabangsa, tetapi siapakah yang menikmati hasil ciptaan Tan Sri P. Ramlee ini? Sama ada waris Allahyarham atau pihak lain? Sama ada kerajaan akan membuat peruntukan bagi menghalang syarikat rakaman terbabit meneruskan eksploitasi terhadap hakcipta Allahyarham Tan Sri P. Ramlee. Sama ada RTM akan memberhentikan serta merta hakcipta P. Ramlee yang dieksploitasi ini daripada disiarkan di RTM untuk tujuan komersil.

RTM adalah agensi kerajaan yang berkesan bagi menghalang sebarang penyiaran karya-karya yang melanggar atau merampas hakcipta daripada disiarkan di RTM, termasuk juga karya penulis-penulis skrip dan drama TV yang tidak dibayar oleh produser drama. Karya yang tidak dibayar royalti oleh penerbit juga hendaklah dimasukkan di bawah kategori melanggar hakcipta.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini dalam Fasal 4 bertujuan memasukkan seksyen baru 13A, 13B dan 13C. Seksyen-seksyen baru ini bertujuan pertamanya untuk memperuntukkan bahawa perlindungan rekabentuk perindustrian yang berasaskan lukisan hakcipta sahaja tidak lagi boleh dibuat. Bahawa, walaupun lukisan terus menjadi karya seni dan boleh dilanggar oleh kedua-dua salinan dua dimensi dan tiga dimensi. Sama ada secara langsung atau secara tidak langsung, perlindungan sedemikian tidak ada bagi mana-mana dokumen reka bentuk atau model yang merekodkan atau yang mengandungi reka bentuk jika sesuatu barang dibuat mengikut rekabentuk itu melainkan jika barang itu sendiri merupakan karya seni atau rupacipta.

Kedua seksyen baru ini bertujuan memperuntukkan bahawa jika suatu karya seni telah dieksploitkan secara perindustrian oleh atau dengan lesen tuan punya hakcipta, tempoh perlindungan hakcipta bagi maksud itu terhad kepada 25 tahun dari akhir tahun kalender yang di dalamnya barang itu mula-mula dipasarkan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan ini, sesebuah karya yang mencapai tempoh 25 tahun tidak wajar diletakkan di bawah hakmilik negara sekiranya karyawan itu masih lagi hidup. Tempoh 25 tahun adalah terlalu singkat kerana seseorang karyawan itu mungkin masih lagi hidup setelah menghasilkan karyanya.

Sasterawan Negara, Dato' Abdullah Hussein misalnya tentulah tidak logik kalau karya-karya beliau yang diterbitkan dalam tahun 1950-an atau 1960-an dijadikan hakmilik negara. Novel *Salina* karya Sasterawan Negara A. Samad Said yang diterbitkan pada tahun 1960-an tentulah tidak sesuai dijadikan hakmilik negara selepas 25 tahun diterbitkan kerana pengarangnya masih berhak menerima royalti daripada karya tersebut.

Di sini, satu contoh lagi, buku *Malay Dilemma*, buku ini diterbitkan pada tahun 1970, sampai sekarang sudah pun lebih 20 tahun, tetapi penulis atau pengarangnya masih ada. Semua pun tahu Malay Dilemma. Oleh itu, karya-karya yang mencapai tempoh 20 tahun ini hendaklah dikira mengikut usia penciptanya juga. Selagi penciptanya masih hidup, karya-karya mereka adalah di bawah hakcipta mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, industri muzik dan drama TV banyak membabitkan karya-karya dari luar negara yang diubahsuai untuk persembahan tempatan. Banyak rungutan dari penonton sendiri yang kecewa dengan persembahan drama tempatan yang diadaptasi dari drama-drama Hong Kong atau pun Taiwan. Tujuannya amat jelas, iaitu penerbit drama bersabit mahu mengelak daripada membayar harga skrip penulis-penulis tempatan.

Tindakan demikian bukan sahaja merugikan perkembangan bakat penulis-penulis tempatan, tetapi secara terbuka merendahkan martabat karyawan di Malaysia apabila terpaksa berkongsi dengan karyawan luar secara tidak sihat. Kalau kita berbangga mencuri karya orang lain, maka apakah yang boleh kita lakukan apabila karya-karya tempatan dicuri oleh pihak lain?

Tuan Yang di-Pertua, tidak lama dahulu, pencipta lagu "Ayam" kecewa kerana lagu tersebut diterbitkan di Indonesia dan pencipta di Indonesia mengaku sebagai ciptaannya.

Disebabkan karya seni adalah bersifat subjektif, maka apakah kriteria yang digunakan bagi menentukan siapa yang benar mengenai ciptaan yang membabitkan dua negara? Disebab penilaian kebudayaan yang sama di antara Malaysia dan Indonesia termasuk juga Hongkong dan Taiwan, tentulah tidak mustahil berlaku kes seperti lagu "Ayam" apabila kedua-dua pihak mengaku mereka sebagai penciptanya.

Oleh itu, dalam Akta Hakcipta ini koordinasi dua hala mestilah diadakan bagi menjamin hakcipta kedua-dua negara supaya tidak dieksploitasi. Bukan sahaja berlaku ke atas lagu "Ayam" yang dipopularkan oleh Jalil Hamid di Malaysia tetapi pernah juga berlaku penulis dari Indonesia mempertikaikan novel *Seni Itu Indah* yang difilemkan di Malaysia sebagai karya ciptaan beliau. Sudah tentulah keadaan demikian meletakkan siapa sahaja karyawan tidak dapat mempertahankan karyanya apabila terdapat pihak lain di luar negara mengakui ciptaan itu sebagai karya mereka. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kementerian diminta jawab.

8.02 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Tuan Tan Chai Ho): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera dan Seputeh yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Bukit Bendera membangkitkan isu hakcipta digunakan dalam pembelian dan mengambil balik GSP oleh Amerika Syarikat dan pelaksanaan dan penikmatan faedah dan kebaikan Undang-undang Hakcipta khususnya dan harta intelek amnya secara adil. Sukacita saya memaklumkan bahawa pihak Amerika Syarikat setakat ini berpuashati dengan penjelasan dan bukti yang diberi yang menunjukkan hakcipta dikuatkuasakan sepenuhnya di negara kita dan tindakan diambil terhadap semua aduan pelanggaran hakcipta yang diterima oleh Bahagian Penguatkuasaan Kementerian tanpa diskriminasi.

Tuan Yang di-Pertua, Undang-undang Harta Intelek bertujuan bukan hanya untuk melindungi harta intelek negara asing tetapi yang penting adalah untuk juga melindungi harta intelek tempatan setaraf dengan piawai antarabangsa. Sebagaimana yang telah saya jelaskan, satu daripada tujuan rang undang-undang ini adalah untuk membetulkan keadaan yang memberi perlindungan yang berlebihan kepada karya asing akibat daripada kemasukan Malaysia dalam Konvensyen Berne.

Dengan pindaan ini, Malaysia akan memberi perlindungan karya hakcipta sama seperti negara-negara lain. Tuan Yang di-Pertua, tujuan pindaan untuk meluaskan kuasa pemunya hakcipta adalah untuk membolehkan memainkan peranan timbangtara berkaitan pertikaian antara tuan punya hakcipta dengan pengguna mengenai perkara-perkara seperti terma-terma skim pelesenan, Tribunal akan membolehkan tuan punya hakcipta dan pengguna mencapai terma-terma yang berpatutan kepada kedua-dua pihak.

Tuan Liew Ah Kim: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Seputeh bangun ya.

Tuan Liew Ah Kim: Minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu apakah tindakan sesuai yang boleh diambil terhadap orang-orang asing yang mencabuli hakcipta penulis ataupun karya seni di Malaysia ini?

Tuan Tan Chai Ho: Mengikut Akta Hakcipta jika tuan punya hakcipta membuat aduan kepada Kementerian saya, penguatkuasa kementerian ini akan terus mengambil tindakan dan orang yang membuat aduan mesti membekalkan bukti-bukti yang sah kepada Bahagian Penguatkuasa kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Bukit Bendera membangkitkan

masalah luput selepas lima kali dikeluarkan iaitu perlindungan tidak akan wujud. Saya ingin memberitahu kepada Yang Berhormat, hak pemilik reka bentuk perindustrian akan dilindungi secukupnya di bawah Undang-undang Reka Bentuk Perindustrian. Oleh itu, pemilik hakcipta ini diminta mendaftarkan atau memohon perlindungan di bawah akta ini.

Berkenaan kes-kes di mana pengadu (complainants) atau tuan punya hakcipta dibenarkan bersama-sama Pegawai Penguatkuasa dalam sesuatu operasi atau serbuan, saya ingin memberitahu bahawa mengikut di bawah seksyen 44 akta ini, mereka dibenarkan oleh sebab tuan punya hakcipta boleh membantu Pegawai Penguatkuasa mengenal pasti barangan cetak rompak dan tidak boleh melebihi daripada itu.

Yang Berhormat dari Seputeh membangkitkan perkara mengenai perlindungan selama 25 tahun bagi buku dan sebagainya.

Sebenarnya perlindungan untuk karya seperti ini ialah sepanjang hayat pencipta dan 50 tahun selepas kematiannya bukan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi.

Berkenaan karya-karya allahyarham Tan Sri P. Ramlee, mengikut Akta Hakcipta 1987, tuannya karya iaitu allahyarham Tan Sri P. Ramlee adalah mempunyai kuasa dan dia adalah mempunyai copyright hakciptanya. Walau bagaimanapun, karya-karya ini telah dijual kepada syarikat-syarikat yang berkenaan.

Berkenaan hak penulis dan penerbit buku, saya ingin menyatakan bahawa Akta Hakcipta 1987 memberi hak kepada penulis, dalam pemberian hak ini daripada menerbitkan ianya bergantung kepada perjanjian yang dipersetujui di antara penulis dan penerbit.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja sedikit-sebanyak jawapan saya. Kalau ada apa-apa yang saya tertinggal, saya

mohon maaf, tetapi yang lain-lainnya Kementerian akan mengambil perhatian. Sekianlah terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 12 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KUALITI ALAM SEKELILING (PINDAAN) 1996

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

8.13 mlm.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Suatu Akta berhubung dengan menjaga, menghapus, mengawal pencemaran dan membaiki alam sekeliling dan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, isu-isu alam sekitar dan masalah yang berhubung kait dengannya sering dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini. Daripada pemerhatian yang telah dibuat oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar bilangan soalan mengenai alam sekeliling yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat telah meningkat sejak akhir-akhir ini. Perkembangan ini bagi saya adalah positif, ia jelas menunjukkan kepekaan dan kesediaan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk melibatkan diri secara langsung dalam menentukan kesejahteraan rakyat tidak sahaja dari segi peningkatan taraf ekonomi, tetapi juga kesejahteraan dan kesejahteraan dari aspek-aspek lain termasuk menikmati suasana alam sekitar yang bersih dan selamat secara berterusan.

Isu atau masalah alam sekitar bukan sahaja menjadi keutamaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, tetapi ianya juga menjadi topik perbualan masyarakat umum dan mendapat liputan meluas oleh media massa di negara ini. Di samping itu, isu alam sekitar pada masa ini telah menjadi isu yang begitu dinamik dan kerap diperbahaskan di peringkat serantau dan juga antarabangsa. Ia boleh difahami kerana masalah alam sekitar bukan lagi menjadi masalah dalaman sesebuah negara, tetapi ia merintasi sempadan negara dan juga benua. Buktinya kejadian seperti jerebu, hujan asid, kebakaran hutan dan tumpahan minyak tidak mengenal sempadan sesebuah negara. Dalam hubungan ini Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar melalui Jabatan Alam Sekitar yang dipertanggungjawabkan untuk memastikan alam sekitar sentiasa bersih, selamat dan hijau telah meningkatkan gerakan pengawasan dan penguatkuasaan berlandaskan peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa pada masa ini. Usaha ini dibuat tidak lain bertujuan untuk memelihara kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat Malaysia khususnya dan juga sebagai memenuhi tanggungjawab dan komitmen kita kepada dunia amnya.

Tuan Yang di-Pertua, satu-satunya undang-undang yang diwujudkan khusus bagi menjaga, menghapus dan mengawal pencemaran alam sekitar adalah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Akta ini telah diwujudkan lebih dari 20 tahun yang lalu, ia digubal sedemikian rupa bagi menangani isu dan masalah alam sekitar yang wujud dalam tahun awal tujuh puluhan. Kini akibat pembangunan negara yang begitu pesat timbul berbagai isu dan masalah alam sekitar yang baru dan rumit.

Peruntukan-peruntukan dalam akta tersebut tidak lagi mampu untuk menghadapi dan menangani isu dan masalah yang baru ini tanpa dipinda dan diperketatkan peruntukan-peruntukannya.

Proses mengulang kaji Akta Kualiti Alam Sekeliling ini telah dimulakan sejak tahun 1991 lagi dengan penubuhan satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Tuan Peter Chin Fah Kui, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ketika itu.

Keseluruhan proses ulang kaji telah dilaksanakan dengan begitu teliti, pandangan semua pihak iaitu dari sektor awam dan juga sektor swasta terutamanya pihak industri telah diperolehi dan dikaji. Segala pindaan yang dibuat telah mengambil kira akan keupayaan pihak industri dan pemaju projek pembangunan, melaksanakan langkah-langkah kawalan pencemaran dan langkah-langkah tempatan.

Ini adalah penting bagi memastikan tumpuan yang seimbang diberikan kepada langkah melindungi alam sekitar dengan pembangunan ekonomi. Pemberian tumpuan yang seimbang kepada kedua-dua sektor ini amat perlu sekiranya negara berhasrat mencapai pembangunan yang mampan. Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat akan bersetuju kalau saya katakan bahawa kemajuan ekonomi semata-mata tidak akan membawa apa-apa makna jika keadaan alam sekitar kita telah rosak atau musnah.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan ke atas Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 setelah diluluskan kelak akan membolehkan Jabatan Alam Sekitar yang diberi tanggungjawab melindungi dan memelihara alam sekitar serta mengawal dan menjaga pencemaran, melaksanakan tugasnya dengan lebih berkesan tanpa menghadapi sekatan-sekatan yang tidak perlu.

Pindaan-pindaan yang dibuat menggabungkan pendekatan, pengawalan, pencemaran dengan pencegahan supaya hasil yang diperolehi dari pelaksanaan peruntukan undang-undang ini akan dapat dilihat dengan lebih jelas dalam jangka masa panjang. Pendekatan pengawalan dipertingkatkan umpamanya melalui kenaikan kadar penalti yang lebih munasabah dengan kesalahan yang dilakukan. Dalam pada itu, pendekatan pencegahan diperkemaskan dengan peruntukan-peruntukan baru supaya pencemaran dikawal pada peringkat punca, dan bukan pada peringkat terakhir.

Negara sedang giat dibangunkan untuk mencapai status negara perindustrian selaras dengan Wawasan 2020. Pembangunan ini penting bagi memastikan negara duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan negara-negara maju yang lain. Namun demikian, kita perlu berhati-hati supaya tidak mengulangi kesilapan negara-negara maju yang mengabaikan alam sekitar mereka ketika giat membangun. Semakin banyak kesihatan rakyat terancam, seperti peristiwa "Minamata" di Jepun pada tahun 1950-an, di mana akibat perbuatan pembuangan metal mercury, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, ke Teluk Minamata, telah menyebabkan kematian dan berbagai penyakit seperti kecacatan otak, kehilangan pendengaran dan kelihatan. Kecacatan fizikal dan mental bayi yang baru dilahirkan. Mengikut statistik terakhir seramai 649 orang telah mati, dengan seramai 1,385 lagi menanggung penderitaan akibat dari penyakit yang dikenali sebagai 'minamata disease' dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Di samping itu, ia juga memerlukan peruntukan kewangan yang banyak untuk membaik pulih alam sekitar yang tercemar. Oleh itu, pindaan yang dicadangkan terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 ini adalah termasuk untuk mengelakkan supaya kejadian sedemikian tidak berlaku di negara ini. Bak kata pepatah Melayu, "Beringat sebelum kena" atau "Sudah terantuk baru hendak tengadah".

Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 1996 seperti yang dicadangkan adalah bertujuan untuk mewujudkan 'enabling provision' dan tidak melibatkan pengenalan sebarang standard baru. Sebarang standard baru jika perlu hanya akan dirumuskan melalui proses rundingan antara semua pihak dan tertakluk juga kepada persetujuan Majlis Kualiti Alam Sekeliling.

Pindaan akta ini memberi tumpuan kepada tiga aspek, iaitu memperkenalkan peruntukan baru bagi menangani masalah dan isu pencemaran semasa, memperkemaskan peruntukan tertentu bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan dan meningkatkan kadar penalti sebagai langkah pencegahan. Secara lebih lanjut, peruntukan-peruntukan yang dimaksudkan ialah peruntukan baru bagi menangani masalah dan isu semasa.

- (i) kuasa kepada menteri untuk mengawal keluaran dan penggunaan benda berbahaya kepada alam sekitar dan mengetatkan peraturan-peraturan mengenai penggunaan, reka bentuk dan pemakaian pelabelan alam sekitar di seksyen 30A.
- (ii) kuasa kepada menteri untuk menyatakan kaedah-kaedah mengenai skim deposit dan rebet berkaitan dengan pelupusan keluaran yang dianggap mudarat kepada alam sekitar - seksyen 30B.

- (iii) kuasa kepada menteri menentukan hal keadaan di mana Ketua Pengarah boleh mengeluarkan perintah larangan kepada pemunya atau penduduk mana-mana loji perindustrian atau proses perindustrian untuk menjaga pengendaliannya yang berterusan—seksyen 31A.
- (iv) kuasa kepada menteri menetapkan peraturan mengenai audit alam sekitar dan kuasa kepada Ketua Pengarah mengeluarkan notis kepada pemunya mana-mana primis menjalankan audit alam sekeliling dan mengemukakan laporan audit mengikut cara yang ditetapkan—seksyen 33A.
- (v) larangan terhadap penempatan perletakan pelupusan dan sebagainya, buangan terjadual tanpa kelulusan Ketua Pengarah—seksyen 34B.
- (vi) kuasa kepada menteri mengeluarkan perintah mengena, memupuk, mengupah atau membatalkan penganan ses ke atas kewangan yang dihasilkan bagi maksud untuk menjalan, menggalak dan menyelaraskan penyelidikan berhubung dengan apa-apa aspek pencemaran atau pencegahannya - seksyen 36A.
- (vii) penubuhan tanah alam sekeliling bagi tujuan penerimaan segala ses, sumbangan kewangan dan jawatankuasanya—seksyen 36B dan 36C.
- (viii) kuasa kepada Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa untuk menyoal siasat secara lisan sesiapa sahaja yang dijangka mengetahui faktor dalam hal sesuatu kes - seksyen 38A.
- (ix) kuasa kepada Ketua Pengarah untuk menyita sesebuah kenderaan atau kapal yang digunakan dalam pengangkutan atau pelupusan buangan yang melanggar peruntukan akta—seksyen 40A, dan
- (x) kuasa mahkamah menghendaki pihak pencemar membayar ganti rugi kepada mangsa akibat kehilangan atau kerosakan harta dan apa-apa kos lain kerosakan harta atau apa-apa kos lain akibat pencemaran yang dilakukan - seksyen 46E.

Memperkemaskan Kualiti Alam Sekeliling—

- (i) takrifan baru diwujudkan untuk merangkumi pemakaian peruntukan baru. Antaranya seperti audit alam sekeliling, 'environmental audit', dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, bahan berbahaya alam sekeliling (environmentally hazardous substances) dengan izin, dan tanah, fund dan perairan daratan (inland waters), dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.
- (ii) memberikan takrifan baru kepada beberapa perkataan untuk memastikan pemakaian yang lebih tepat seperti 'pencemar', 'pencemaran', 'ditetapkan', 'ruangan' dan 'premis';
- (iii) keahlian Majlis Kualiti Alam Sekeliling ditambah dengan memasukkan seseorang, misalnya wakil Kementerian Kerja Raya atau Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk memastikan isu-isu alam sekitar tertentu seperti pembangunan infrastruktur diberi perhatian;
- (iv) peruntukan dengan keperluan mengukur, mensample, menganalisa, merekod dan melapurkan bahan buangan yang dilepaskan ke dalam alam sekeliling;

- (v) menetapkan standard-standard kualiti air sekeliling dan standard-standard pelepasan serta beban maksimum yang dibenar di lepas ke dalam perairan daratan;
- (vi) kuasa kepada Ketua Pengarah untuk memberhenti, menaiki dan menyita kenderaan atau kapal yang disyaki melakukan kesalahan pencemaran; dan
- (vii) kuasa menteri mengadakan peraturan melarang atau mengawal pengeluaran penyimpangan pengangkutan atau penggunaan bahan-bahan merbahaya kepada alam sekeliling.

Kadar penalti;

- (i) kadar denda mengenai kesalahan mencemar bunyi di bawah seksyen 23 di naikkan dari RM5,000 atau penjara tidak lebih daripada 1 tahun kepada RM100,000 atau penjara tidak lebih daripada 5 tahun;
- (ii) kadar denda mengenai kesalahan mencemar udara, tanah, air dan daripada aktiviti yang ditetapkan di bawah seksyen-seksyen 22, 24, 45 dan 34A dinaikkan dari tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak lebih daripada 2 tahun kepada RM100,000 atau penjara tidak lebih daripada 5 tahun.
- (iii) kadar dengan mengenai kesalahan tidak mematuhi syarat lesen di bawah seksyen 16 dinaikkan dari tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak lebih daripada 2 tahun kepada RM25,000 atau penjara tidak lebih daripada 2 tahun;
- (iv) kadar denda mengenai kesalahan menduduki atau mengguna premis tanpa lesen di bawah seksyen 18 dinaikkan dari tidak melebihi RM10,000 kepada RM50,000;
- (v) kadar denda mengenai kesalahan pembuangan atau menumpah minyak atau enap-cemar ke dalam perairan Malaysia di bawah seksyen 27 dinaikkan dari tidak melebihi RM25,000 atau penjara tidak lebih daripada 2 tahun kepada RM500,000 atau penjara tidak lebih daripada 5 tahun;
- (vi) kadar denda mengenai kesalahan melupus buangan ke dalam perairan Malaysia di bawah seksyen 29 dinaikkan daripada tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak lebih daripada 2 tahun kepada tidak melebihi RM500,000 atau penjara tidak lebih daripada 5 tahun;
- (vii) kadar denda mengenai kesalahan membuang dan sebagainya bahan buangan dalam keadaan tertentu di bawah seksyen 33 dinaikkan daripada tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak lebih daripada 2 tahun kepada tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak lebih daripada 5 tahun;
- (viii) kadar denda mengenai kesalahan kapal melarikan diri daripada perintah tahanan di bawah seksyen 48 dinaikkan daripada tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak lebih daripada 2 tahun kepada tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak lebih daripada 5 tahun; dan
- (ix) kadar yang boleh dikompaun bagi kesalahan yang ditetapkan dinaikkan daripada tidak melebihi RM500 kepada tidak melebihi RM2,000.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata ingin saya tekankan di sini bahawa pembangunan yang ingin kita capai adalah pembangunan yang mampan, di mana sumber-sumber semula jadi negara dilindungi daripada dieksploitasi dan dicemarkan tanpa kawalan. Adalah menjadi harapan kita, supaya sumber-sumber semula jadi kita dapat dimanfaatkan

secara berterusan oleh generasi sekarang dan akan datang. Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 didapati mempunyai kelemahan sama ada dari keberkesanan penguatkuasaannya mahupun bagi menagai isu permasalahan yang baru dan rumit. Maka sehubungan dengan itu, pindaan akta ini dibuat dengan memasukkan beberapa peruntukan baru bagi menangani isu dan masalah pencemaran semasa, memperkemas peruntukan tertentu bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan serta meningkatkan kadar penalti sebagai satu langkah pencegahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis sekarang ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tanjong.

8.37 *mlm.*

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 1966 memang lama ditunggu-tunggukan dan dialu-alukan serta disokong memandangkan ia mengandungi berbagai cadangan untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling yang telah usang dan ketinggalan zaman serta mengenakan penalti yang lebih ketat ke atas pelanggaran berkaitan dengan alam sekeliling untuk tujuan melindungi alam sekitar Malaysia.

Bagaimanapun, Parlimen dan rakyat jelata berhak bertanya sebab mengapakah pihak yang berkenaan menunggu sekian lama untuk memperkenalkan pindaan ke

atas Akta Kualiti Alam Sekeliling ini di mana akta ibu telah diluluskan pada tahun 1974 dan sebelum akta ini dipinda untuk kali yang kedua hari ini, ia hanya dipinda sekali sahaja dalam tahun 1985?

Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah membuat pengumuman kali pertama mengenai penubuhan sebuah jawatankuasa kebangsaan untuk mengkaji semula undang-undang alam sekeliling ini pada bulan Jun, 1991. Empat kumpulan petugas khas yang di bentuk mengikut segmen-segmen alam sekeliling utama, iaitu udara, air, tanah dan persekitaran marin telah menyiapkan kajian mereka ke atas undang-undang alam sekeliling pada awal tahun 1992 dan telah mengemukakan laporan mereka termasuk cadangan-cadangan pindaan kepada Jawatankuasa Mengkaji Undang-Undang Alam Sekeliling pada bulan Mei, 1992.

Jawatankuasa Mengkaji Undang-undang Alam Sekeliling yang diketuai oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar pada masa itu, Tuan Peter Chin, telah menyiapkan tugasnya pada awal tahun 1993.

Adalah memeranjatkan bahawa sebelum cadangan pindaan ke atas Akta Kualiti Alam Sekeliling sampai ke Dewan Rakyat, kita terpaksa menunggu selama tiga tahun dan ini merupakan satu lagi bukti menunjukkan bahawa alam sekeliling tidak diletakkan sebagai tajuk utama di atas prioriti kerajaan.

Jawatankuasa Mengkaji Undang-undang Alam Sekeliling ini telah dibentuk bukan hanya untuk mengkaji semula Akta Kualiti Alam Sekeliling tetapi juga untuk mengkaji 40 undang-undang lain yang berkaitan dengan alam sekeliling dan mengenal pasti kelemahan-kelemahan mereka. Malang sekali, cadangan-cadangannya mengenai pindaan ke atas 40 undang-undang ini tidak pula dikemukakan ke Dewan Rakyat hari ini

atau sesi ini dan saya telah difahamkan juga bahawa beberapa cadangan yang dibuat oleh Jawatankuasa Mengkaji Undang-undang Alam Sekeliling mengenai Akta Kualiti Alam Sekeliling telah tidak diterima dan tidak dikandungkan ke dalam rang undang-undang ini. Bolehkah menteri berkenaan memberikan satu senarai penuh cadangan-cadangan yang telah dibuat tetapi tidak dimasukkan ke dalam rang undang-undang ini dan menjelaskan sebab mengapa mereka telah di tolak?

Siri malapetaka-malapetaka alam sekeliling, sama ada bencana tanah runtuh di Genting Highlands, tanah runtuh di Lebuh raya Utara/Selatan dekat Gua Tempurung, Perak, bencana Highland Towers atau mahu pun banjir yang berulang kali berlaku di Taman Sri Muda di Selangor, semuanya merupakan bukti yang kukuh menunjukkan harga tinggi yang terpaksa dibayar oleh rakyat Malaysia disebabkan oleh kekurangan kehendak politik atau political will untuk meletakkan hak alam sekeliling rakyat sebagai keutamaan yang penting.

Apa yang lebih merunsingkan adalah penghapusan kuasa dan bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar (DOE) dalam tugas melindungi alam sekeliling di Malaysia. Sebagai contoh, baru-baru ini Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar, Encik Tan Meng Leng, telah mendedahkan bahawa empat lagi negeri iaitu Perak, Pahang, Johor dan Sabah bercadang untuk mengikut teladan Sarawak dengan mengadakan perundangan mereka sendiri berkenaan dengan Environment Impact Assesment (EIA). Sekiranya cadangan-cadangan seperti ini berjaya dilaksanakan, negeri-negeri ini akan berkuasa untuk mengkaji dan meluluskan EIA dan dengan itu menggantikan tempat Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti-aktiviti Yang Ditetapkan) 1987 Kerajaan Persekutuan.

Ini amat malang dan merupakan satu perlengahan kepada matlamat alam sekeliling di negara ini kerana Sarawak

telah menjadi satu contoh yang menunjukkan bahawa pelaksanaan dasar dan undang-undang alam sekeliling negara ini sedang menghadapi setback yang besar.

Sebenarnya, saya percaya bahawa pindaan yang dilakukan ke atas Enakmen Sumber Asli dan Alam Sekeliling Sarawak 1993 (Natural Resources Enactment) yang menggariskan peraturan-peraturan alam sekeliling serta pelaksanaan EIA untuk pembangunan sumber-sumber asli, kelulusan Peraturan Sumber Asli dan Alam Sekeliling (Aktiviti-aktiviti Yang Ditetapkan) 1994, serta peraturan yang ditandatangani oleh Yang Berhormat Menteri sendiri pada 27hb Mac, 1995 yang menyerahkan, yang diundur ke tarikhnya ke bulan September 1994 untuk menyerahkan kuasa dan bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar sebagai pihak berkuasa muktamad meluluskan Laporan EIA untuk pembangunan sumber-sumber asli, semuanya telah dilakukan untuk satu tujuan sahaja, iaitu projek Empangan Hidroelektrik Bakun yang bernilai RM15 bilion.

Keseluruhan tujuan tindakan Sarawak mengadakan Undang-undang EIA sendiri sebenarnya bukanlah untuk memberi perlindungan yang lebih ketat kepada alam sekitar dan memastikan wujudnya, dengan izin, sustainable development atau pembangunan yang boleh dikekalkan tetapi hanya setakat membolehkan Projek Empangan Bakun mengelakkan Undang-undang EIA Persekutuan.

Pada hakikatnya Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah melantik panel pakar yang terdiri dari wakil-wakil dari pelbagai bidang kepakaran untuk mengkaji Laporan EIA yang dikemukakan oleh pengusaha Projek Empangan Bakun iaitu Ekran Berhad tetapi panel pakar ini harus dibubarkan secara senyap-senyap tanpa melihat Laporan EIA Bakun dan dengan satu tandatangan sahaja, Yang Berhormat Menteri sendiri dipaksa untuk menyerahkan kuasa dan bidang kuasa DOE sebagai pihak berkuasa bagi

kelulusan Laporan EIA Bakun kepada Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak (Natural Resources and Environment Board) malah tarikh ia berkuat-kuasa telah diundurkan tarikhnya dari bulan Mac 1995 ke bulan September 1994.

Perkara ini juga membolehkan NREB tidak menghiraukan proses EIA yang sepatutnya dengan membahagikan proses EIA Bakun kepada empat bahagian dan kelulusan untuk dua Laporan EIA yang pertama telah diberikan tanpa melalui rundingan awam terdahulu.

Saya ingin meminta Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar memberitahu Dewan ini apakah lain-lain Laporan EIA untuk projek-projek pembangunan yang lain, yang telah diluluskan oleh Sarawak Natural Resources and Environment Board kerana sekiranya ia tidak meluluskan sebarang Laporan EIA untuk apa-apa projek lain melainkan Laporan EIA Bakun, maka niat asalnya adalah jelas sekali - sangatlah jelas bahawa Peguam Negara, Datuk Mohtar Abdullah bersetuju dengan pendirian Kerajaan Negeri Sarawak bahawa semua perkara-perkara environmental adalah, dengan izin, kuasa residuary atau residuary powers yang vested di pihak negeri-negeri dan kalau ini diikuti oleh semua negeri-negeri yang lain, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan DOE semua akan hilang kuasa atau jurisdiction yang substantive mereka mengenai environment dan perlu menyerahkan semua kuasa environmental mereka kepada kerajaan-kerajaan negeri khasnya yang melibatkan tanah, yang melibatkan sumber asli sama ada projek-projek itu mengenai golf course, mengenai resort atau mengenai pembangunan bukit.

Rekod kerajaan-kerajaan negeri mengenai alam sekeliling bukanlah satu rekod yang menggalakkan dan ini kita boleh lihat daripada peristiwa Mimaland Golf Course And Resort Project di Selangor yang menyebabkan masalah yang

sangat serius mengenai sortation sungai-sungai, hakisan dan pencemaran dan di mana Menteri Besar Selangor adalah mengakui bahawa kerajaan negeri adalah 'overlooked' masalah environmental yang ditimbulkan oleh Mimaland Golf Resort oleh kerana terlalu banyak projek-projek pembangunan dijalankan di negeri Selangor.

Rakyat serta orang ramai tidak ada kepercayaan dan keyakinan terhadap kerajaan-kerajaan negeri kalau mereka ada undang-undang EIA yang berasingan di mana kuasa-kuasa dan jurisdiction-jurisdiction Department of Environment adalah dikecualikan. Bukan sahaja oleh kerana tidak cukup kakitangan yang competent di peringkat negeri untuk melaksanakan dan menguatkuasakan undang-undang EIA, tetapi apa yang lebih serius ialah bahawa akan mewujudkan conflict of interest di mana banyak kes-kes yang melibatkan kerajaan negeri atau pemimpin-pemimpin dalam kerajaan negeri akan meluluskan EIA untuk projek-projek sendiri. Dan satu contoh klasik ialah Projek Bakun di negeri Sarawak.

Tetapi apa yang lebih serius daripada kedua-dua sebab ini ialah bahawa kalau kerajaan negeri boleh menggantikan dan subplant Kerajaan Persekutuan sebagai pihak yang muktamad untuk meluluskan EIA khasnya projek-projek yang melibatkan sumber asli, tentulah perkiraan mengenai environment tidak akan diberi tempat yang sewajar dan akan digantikan, akan diketepikan oleh pembangunan yang tidak sewajar ataupun reckless development ataupun oleh, dengan izin, sheer greed.

Parlimen dan rakan Malaysia yang prihatin mengenai sustainable development dan mahu generasi-generasi akan datang mengadakan satu warisan, satu alam sekeliling yang bersih dan selamat patutlah meminta bahawa satu peraturan yang baru di mana Perlembagaan Persekutuan dipinda supaya satu hak fundamental dimaktub dalam

perlembagaan. Satu hak setiap rakyat negara kepada alam sekeliling yang bersih dan selamat.

Oleh kerana dengan satu fundamental rights ini yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia, ia pun akan memberi kuasa kepada Kerajaan Persekutuan satu tempat yang sama rata (co-equal), sama bertanggungjawab (co-responsible) dengan kerajaan-kerajaan negeri mengenai semua masalah alam sekeliling sama ada melibatkan tanah atau natural resources.

Akhirnya saya mahu bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan kenapa kerajaan adalah backdown daripada janjinya atau pengumumannya dalam Rancangan Malaysia Ke-6 bahawa untuk menjaga dan memberi perlindungan yang lebih baik kepada masalah alam sekeliling, kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ke-6 akan menubuhkan satu Majlis Alam Sekitar Negara atau satu National Council for Environment. Dalam Rancangan Malaysia Ke-6, pihak kerajaan adalah mengakui bahawa satu masalah utama pada masa yang lepas ialah kekurangan dasar-dasar, strategi-strategi dan program-program yang berkaitan dengan alam sekitar dan untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan ini dan bagi memastikan bahawa semua agensi awam memberikan keutamaan sewajarnya kepada pemeliharaan keadaan alam sekitar yang baik serta menggalakan pembangunan yang berterusan dan meminimumkan kemerosotan alam sekitar, kerajaan buat satu jaminan akan menubuhkan satu Majlis Alam Sekitar Negara atau National Council for Environment, untuk menyelaras fungsi kesemua agensi menimbang strategi-strategi dan program-program yang mempunyai implikasi ke atas alam sekitar dan menasihati kerajaan mengenai dasar-dasar ke arah peningkatan yang lebih menyeluruh kepada pengurusan alam sekitar dan jaminan ini dibuat selepas 13, 14 tahun kerajaan ada menubuhkan

Environment Quality Council yang dilancarkan pada tahun 1977, 3 tahun selepas Environment Quality Act 1974.

Sangat nyata bahawa Environmental Quality Council tidak boleh memainkan peranan yang lebih menyeluruh sebagai satu badan yang boleh memberi fikiran dan nasihat mengenai dasar-dasar dan strategi-strategi environment negara kita.

Dalam rang undang-undang ini ada pindaan mengenai keanggotaan Environment Quality Council, ada satu tambahan tetapi apa yang sangat tidak memuaskan hati ialah keanggotaan Environment Quality Council sangat berat sebelah di mana ramai anggota ialah Ketua Setiausaha pelbagai kementerian, sungguhpun ada anggota-anggota yang lain. Apa yang perlu ialah menambahkan anggota-anggota daripada NGO. Nampaknya sekarang hanya ada 2 sahaja anggota dari NGO. Apa yang perlu, khasnya kerana peranan yang dimainkan oleh NGO khasnya dalam bidang alam sekitar bahawa bukan sahaja wakil-wakil NGO perlu ditambah tetapi Yang Berhormat Menteri perlu mengkaji semula cadangan kerajaan sendiri untuk mengadakan satu National Council for Environment sebagai satu badan yang lebih tertinggi di mana dasar-dasar dan strategi-strategi environment boleh dibincang bukan sahaja sebagai nasihat kepada kerajaan tetapi juga untuk rakyat jelata dan negara.

Bukan sahaja semacam sekarang, Environmental Quality Council yang bidangnya sangat khusus dan terhad. Itulah pandangan saya dan sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bukit Bendera.

8.59 mlm.

Tuan Chia Kwang Chye: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dalam ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan

Agong semasa membuka Penggal Kedua Parlimen yang ke-9, Seri Paduka Baginda telah menyatakan kerajaan juga begitu peka dengan pencemaran alam sekitar serta pemeliharaan sumber semula jadi negara. Beberapa mekanisme, institusi dan program-program telah diwujudkan untuk memastikan alam sekitar kita akan terpelihara. Di peringkat antarabangsa, Malaysia akan terus memainkan peranan yang aktif melalui penyertaan dalam pelbagai forum dan dalam melaksanakan pelbagai konvensyen-konvensyen antarabangsa mengenai alam sekitar untuk memajukan prinsip dan amalan pembangunan yang mampan.

Titah Ucapan DiRaja berkenaan dengan alam sekitar menunjukkan komitmen kerajaan cara berdasar dan amalan dalam usaha mencapai matlamat alam sekitar dalam konteks Wawasan 2020, dengan izin, "the beauty of the land must not be desecrated for its own sake and for its economic development".

Tuan yang di-Pertua, di dalam kegigihan kita hendak mencapai Wawasan 2020, kita juga kena mengambil berat tentang alam sekitar negara kita yang kian merosot akibat aktiviti-aktiviti pembangunan yang berlangsung pada kadar pesat.

Laporan Kualiti Alam Sekitar 1994 menyatakan bahawa trend keseluruhan kualiti alam sekitar masih merosot, tetapi pada kadar yang berkurangan. Preventive strategy Jabatan Alam Sekitar hendaklah dipuji kerana program-program kesedaran mengenai alam sekitar di kalangan orang ramai dan juga murid-murid sekolah sedikit sebanyak mempunyai kesan.

Semasa saya belajar di sekolah, bencana alam sekitar yang biasanya berlaku adalah banjir besar di pantai timur Semenanjung Malaysia. Kerana usaha kerajaan meningkatkan sistem perparitan serta organisasi penyelamat, kejadian banjir serius telah berkurangan dan kes mati lemas juga menurun. Walaupun kejadian

banjir sekarang telah berhijrah ke pusat bandar Kuala Lumpur dan Petaling Jaya seperti yang dialami di Taman Seri Muda, namun demikian, kita terkejut akibat beberapa bencana dan kontroversi alam sekitar yang berlaku di dalam tahun-tahun kebelakangan ini. Setengah daripada bencana ini mengakibatkan kehilangan nyawa, contohnya kejadian keruntuhan Highland Towers, diikuti dengan keruntuhan beberapa bangunan yang sedang dibina seperti di Bukit Fraser dan Taman Melawati, keruntuhan tanah di Jalan Genting Highlands bypass dan keruntuhan tanah di lebuh raya dekat Gua Tempurung. Pihak pemaju serta pihak berkuasa telah mendapat iktibar daripada kejadian-kejadian tersebut dan akan menggunakan pengalaman ini supaya memastikan kejadian seperti tersebut tidak akan berulang lagi.

Pengalaman dari kejadian yang tersebut di atas serta kejadian lain menunjukkan bahawa rakyat Malaysia bersikap lebih reaktif daripada proaktif. Maksud saya adalah, hanya selepas sesuatu bencana yang mengakibatkan kehilangan nyawa, barulah kita hendak berlumba-lumba mengambil tindakan preventive dan compliance.

Saya sedar bahawa untuk mengambil tindakan preventive dan compliance mungkin memerlukan perbelanjaan yang lebih besar, tetapi tidakkah nyawa manusia yang lebih berharga?

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mempunyai banyak undang-undang dan peraturan untuk memelihara alam sekitar, tetapi saya masih mengambil bahagian dalam perbincangan untuk menyokong rang undang-undang untuk membuat beberapa pindaan kepada Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 yang mana hukuman terhadap pelanggaran peraturan dan syarat-syarat pemajuan akan dipertingkatkan. Ini adalah perkara positif bagi alam sekitar negara ini tetapi kita juga memerlukan satu sistem pelaksanaan yang adil dan saksama.

Saya juga menyokong penubuhan satu tabung atau dana alam sekitar untuk tujuan promosi kesedaran alam sekitar dan tugas kecemasan tentang alam sekitar. Bahagian 5A rang undang-undang ini adalah berkenaan dengan pembayaran ses dan kumpulan wang alam sekeliling. Antara maksud untuk tabung alam sekitar ini ialah penyelidikan aspek-aspek pencemaran atau pencegahan, pemulihan buangan atau pencemar serta penggalakkan langkah-langkah pemulihan dan sebagainya.

Di antara tujuan tabung alam sekitar yang disenaraikan, saya ingin tahu lebih lanjut lagi apakah keutamaan yang akan diberi kepada maksud tabung ini, sama ada lebih peruntukan akan diberi kepada penyelidikan atau penggalakkan pemulihan dan sebagainya? Saya berharap lebih peruntukan dan keutamaan akan diberi kepada penyelidikan dan pendidikan untuk mencapai matlamat jangka panjang. Juga, apakah kadar ses yang akan dikenakan ke atas pengilang-pengilang dan syarikat-syarikat yang terlibat dan apakah jumlah wang yang dapat dikutip setahun?

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong cadangan di bawah rang undang-undang di mana denda yang berganda-ganda untuk kesalahan pencemaran alam sekitar seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 18, 22B, 23(2), 24(3) dan lain-lain lagi. Saya berharap kenaikan denda yang berganda-ganda ini akan menakutkan orang-orang yang mencemarkan alam sekeliling dengan sewenang-wenangnya. Tetapi, yang lebih mustahak ialah penguatkuasaan yang adil dan tegas. Jadi, kita amat memerlukan pegawai penguatkuasa yang cekap, bersih dan beramanah oleh kerana perlindungan alam sekitar adalah mustahak untuk negara kita membangun dengan secara mampan.

Saya ingin merayu kepada Jabatan Perkhidmatan Awam supaya meluluskan lebih banyak jawatan untuk pegawai alam sekitar. Ini adalah selaras dengan tugas-

tugas yang akan bertambah selepas kelulusan rang undang-undang ini serta mematuhi seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita untuk mewujudkan satu negara yang indah dengan pokok dan bunga-bunga termasuk suatu alam sekitar yang sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya masalah utama adalah dari segi penguatkuasaan undang-undang kecil serta peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa. Oleh itu, saya menggesa pihak-pihak tertentu, khasnya MEXCOE atau Ministers and State Executive Councils Responsible For Environmental Matters, Jabatan Alam Sekitar, kerajaan-kerajaan tempatan serta agensi-agensi lain yang berkaitan supaya mempertingkatkan penguatkuasaan tersebut.

Di sini saya ingin mencadangkan supaya Majlis Kualiti Alam Sekitar atau Environmental Quality Council:

- (a) menyediakan satu rancangan penguatkuasaan yang lebih komprehensif yang merangkumi semua agensi yang terlibat dan di antara objektif yang saya cadangkan ialah menyediakan saluran bagi orang awam, organisasi bukan kerajaan atau NGO dan media massa untuk membuat pengaduan dengan cara yang tepat dan cepat. Ini termasuk skim pembayaran ganjaran kepada mereka yang membuat pengaduan mengenai pihak yang mencemarkan alam sekitar.
- (b) Menyediakan rangkaian maklumat.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:

Terima kasih. Sebelum sahabat saya dari Bukit Bendera terus dengan perbahasan, saya ingin bertanya, adakah saudara sedar bahawa satu Jawatankuasa atau Select Committee mengenai alam sekitar dari Parlimen British hari ini telah dilaporkan dalam akhbar *The New Straits Times* sebagai memuji usaha-usaha kerajaan kita di dalam menangani masalah-masalah alam sekitar?

Tuan Chia Kwang Chye: Terima kasih, Yang Berhormat dari Parit Sulong atas penjelasan itu, sebab saya pun bersama-sama dengan Menteri-menteri dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain telah mengadakan satu taklimat serta dialog dengan Ahli Parlimen dari House of Commons British dan saya sedar bahawa mereka telah memuji tugas-tugas yang dijalankan oleh kerajaan dan kementerian kita.

Tetapi walau bagaimanapun, kita mesti mencapai satu tahap yang excellence. Kita tidak boleh berpuashati dengan setakat ini sahaja. Kita mesti menjadi satu tauladan kepada lain-lain negara di dunia ini.

- (b) Saya mencadangkan MEXCOE ini menyediakan rangkaian maklumat dan kerjasama (information and corroborative network) di antara agensi-agensi terlibat sama ada dengan hotline, fax, broadcast, melalui internet atau cara-cara elektronik yang lain untuk memastikan maklumat tertentu disebarkan dengan tepat dan cepat; dan
- (c) Menyediakan anggaran keperluan kakitangan penguatkuasaan serta kos yang mencukupi supaya rancangan penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa cadangan di atas akan memakan masa dan tambahan perbelanjaan awam

tetapi saya percaya penguatkuasaan ketat adalah cara yang berkesan sekali di dalam jangka masa pendek berbanding dengan kempen kesedaran dan program-program pendidikan yang merupakan langkah jangka masa panjang.

Selain itu, saya juga ingin mencadangkan bahawa lebih banyak aktiviti termasuk aktiviti skala kecil yang bakal mempunyai kesan significant terhadap alam sekitar dimasukkan di dalam senarai Environmental Quality (Prescribed Activities) EIA Order 1987.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menggunakan strategi hukuman, dengan izin, penalties dan strategi ganjaran insentif dalam usahanya menjadikan Malaysia satu negara yang bukan sahaja maju dan stabil tetapi juga sebuah negara yang masih indah dan bersih. Saya ingin mengesyorkan di sini supaya kerajaan juga menggunakan strategi yang ketiga iaitu mewujudkan satu ekonomi berasaskan kepada keperluan alam sekitar. Dengan sistem ekonomi yang berasaskan alam sekitar bermakna bahawa barangan-barangan yang tidak mencemari alam sekitar patut digalakkan melalui subsidi atau pengecualian cukai supaya harga pasaran pun turun. Dengan harga yang murah rakyat jelata akan membeli barangan-barang dan produk-produk yang environmental friendly, yang tidak mencemarkan alam sekitar.

Satu contoh yang amat baik ialah minyak petrol biasa dan minyak petrol tanpa plumbum, leaded and unleaded petrol, dengan izin, di mana harga unleaded petrol yang sama dengan leaded petrol atau seumpamanya serta promosi kesedaran alam sekitar telah mengakibatkan lebih ramai pengguna telah mula menggunakan unleaded petrol. Dari Laporan Kualiti Alam Sekitar 1995, jumlah minyak unleaded petrol telah bertambah dari 30% bagi tahun 1992 kepada 48.2% bagi tahun 1994 dan saya diberitahu dalam taklimat oleh Yang

Berhormat Menteri bahawa kadar jualan minyak petrol unleaded telah sampai ke tahap lebih daripada 50% untuk tahun 1995 atau tahun ini.

Saya juga berharap pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dapat menubuhkan satu pasukan petugas khas untuk mencadang dan melaksanakan lain-lain alat ekonomi atau dengan izin, economic instruments supaya pencemaran alam sekitar dapat dikawal melalui mekanisme harga pasaran seperti contohnya minyak unleaded petrol itu.

Mungkin satu sistem ecolabelling juga dapat diwujudkan oleh Jabatan Alam Sekitar supaya barang-barang yang benar-benar environmental friendly dapat diberi subsidi dan penggunaannya digalakkan. Dengan ecolabelling ini para pengguna dapat tahu apa dan mana barang yang environmental friendly itu dan mana yang bukan. Semoga dengan langkah-langkah ini para pengeluar barang juga akan mengubahsuaikan cara pengeluaran supaya dapat mengeluarkan barang yang eco-friendly.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan supaya mengambil perhatian tentang cadangan untuk mewujudkan satu ekonomi berasas alam sekitar ini. Saya berharap dalam pembentangan Belanjawan 1997, lebih banyak barangan yang dianggap sebagai environmental friendly dapat dikesualikan cukai dan diberi subsidi dan di sebaliknya barang-barang yang mencemarkan alam sekitar diharamkan atau dinaikkan cukai.

Dengan mekanisme kawalan harga pasaran ini, barulah alam sekitar kita dapat dipelihara dan dilindungi melalui kerjasama rakyat jelata. Dengan sokongan dan kerjasama dari rakyat jelata, saya yakin satu ekonomi berasas alam sekitar dapat menjadi kenyataan.

Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sipitang.

9.17 mlm.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob (Sipitang): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian sedikit dalam perbincangan mengenai akta mengenai alam sekitar yang akan dipinda ini.

Kita mengucapkan tahniah kepada kerajaan atas kesedaran bahawa pentingnya alam sekitar ini diurus dengan baik kerana alam sekitar ini begitu penting dari segi kehidupan. Kalau kita lihat keperluan kehidupan kita yang asasi, yang pertama adalah oksigen, yang kedua adalah air dan yang ketiga adalah makanan.

Dua daripada elemen ini iaitu oksigen dan air meliputi alam sekitar. Jikalau kita tidak mendapat oksigen, dua minit sahaja kita terus boleh mati. Kalau kita ketiadaan air, dua minggu kita mati kering dan kalau tidak ada makanan, dua bulan kita mati kurus ataupun tinggal tulang.

Kepentingan alam sekeliling ini memang satu yang perlu kita tegaskan kerana ia meliputi unsur-unsur untuk keselesaan, unsur-unsur untuk kesihatan supaya terhindar daripada bahaya dan juga unsur-unsur kecantikan pandangan ataupun estetik dan juga unsur-unsur pendengaran.

Negara kita telah berjalan ke arah negara industri. Dalam rancangan kerajaan untuk menjadikan negara ini negara industri menjelang tahun 2020, dalam kehairahan ini kita mesti juga berwaspada dan mengambil tindakan awal dan mesti belajar daripada negara-negara maju yang telah menjadi negara industri. Kejadian-kejadian, peristiwa-peristiwa di negara luar yang telah menjadi negara industri

mestilah kita jadikan contoh dan kita kaji sedalam-dalamnya. Misalnya kejadian-kejadian jerebu yang hebat di bandar-bandar besar seperti di New York, di negara-negara Eropah, United Kingdom dan sebagainya. Peristiwa hujan asid yang berlaku yang memusnahkan harta benda dan juga pencemaran udara yang lain yang menyebabkan timbulnya berbagai-bagai jenis penyakit, daripada penyakit saluran paru-paru sehingga ke penyakit-penyakit merbahaya seperti kanser.

Kejadian green house effect, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, yang mana mengurangkan lapisan ozon dan menyebabkan penyakit-penyakit merbahaya juga iaitu seperti kanser kulit dan sebagainya. Kejadian pelepasan logam-logam berat oleh hasil-hasil industri seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi iaitu kejadian pelepasan raksa (mercury) di Minamata di Jepun yang menjadi satu tragedi hebat iaitu Minamata Disease, dengan izin, yang menyebabkan kejadian ini menjadi serius dan mengakibatkan masyarakat satu kawasan itu lumpuh sama sekali.

Trajedi yang besar yang berlaku di India iaitu peristiwa Bopal, yang mana kawalan keluarnya bahan merbahaya menjadi buta di satu kawasan yang begitu luas. Nasib baik negara kita tidak ada logi nuklear seperti trajedi Chernobyl di Russia yang sehingga hari ini belum boleh diselesaikan dan kes-kes penyakit barah atau leukemia telah pun bertingkat atau bertambah dari masa ke semasa.

Di negara kita memang sudah ada tanda-tanda awal yang terjadi akibat dari pengurusan alam sekitar yang kita lihat perlu dipertingkatkan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat rakan-rakan kita, banjir kilat di Kuala Lumpur, kerosakan harta-benda, kerosakan tanaman akibat daripada kesan-kesan pengurusan alam sekitar yang kurang cekap.

Memang wajar akta ini dipinda untuk membolehkan satu pengurusan alam sekeliling yang lebih baik dan memberi kuasa yang lebih kepada kerajaan untuk menguruskan alam sekitar.

Kita menyambut baik saranan Yang Berhormat dari Parit Sulong tadi iaitu pada hari ini kalau kita baca dalam surat khabar bahawa apa yang diambil tindakan oleh kerajaan telah mendapat pujian dari negara maju yang mana mereka juga menghadapi masalah yang lebih serius daripada kita. Ertinya usaha-usaha kerajaan ini telah mendapat pandangan daripada negara-negara luar, bukan cuma cacian-cacian daripada pembangkang yang mengatakan kita ini kurang mengurus ataupun saranan-saranan negatif daripada NGOs yang kita ini tidak mengurus alam sekitar. Walau bagaimanapun, dari segi pengurusan ataupun dari segi keperluan alam sekitar ini tidak boleh dibelakangkan, mana-mana projek yang difikirkan perlu untuk diambil perhatian laporan alam sekitar, kita tidak boleh by-pass dan tidak boleh melaksanakan dahulu tanpa mendapat perhatian ataupun melihat unsur-unsur alam sekitar lebih awal.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah dibuat oleh kerajaan untuk membina ini saya menyokong penuh, tetapi yang ada sekarang dalam pindaan itu di mana jenis-jenis toksik telah pun dikelaskan jenis-jenisnya. Saya minta penjelasan, apakah juga kerajaan menekankan soal pencegahan ini di mana kilang-kilang yang akan dibuka mesti juga dikategorikan jenis-jenisnya. Kita mengambil berat apa jenis bahan yang akan digunakan, apakah proses pengendalian atau proses kilang itu sendiri? Apakah ciri-ciri keselamatan atau kawalan bahawa ia tidak melepaskan bahan-bahan ini secara misalnya proses kemalangan ataupun proses kecuaiian dan yang akhirnya apakah jenis-jenis hasil akhir kilang-kilang ini dikeluarkan, sama ada bahan itu dikategorikan dalam bahan yang merbahaya ataupun kurang merbahaya ataupun tidak merbahaya?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan bahawa perkara pengkelasan kilang-kilang ini kita buat untuk memudahkan kerajaan mengambil tindakan dan pengawasan yang sewajarnya, yang mana kilang-kilang ataupun pusat pencemaran yang perlu diawasi setiap masa perlu diawasi secara berkala dan tidak perlu diawasi.

Tuan Yang di-Pertua, kita menyambut baik bahawa tindakan-tindakan perubahan akta ini membolehkan kerajaan mengambil tindakan secara meluas dan secara tegas kepada pencemar-pencemar. Tindakan-tindakan ini memang perlu dan kita ucapkan tahniah dan kita harap selepas ini mereka ini akan mengikuti peraturan-peraturan yang dibuat. Tetapi saya ingin penjelasan apakah proses tindakan-tindakan ini, bagaimanakah cara orang-orang yang terlibat dengan pencemaran-pencemaran ataupun mangsa-mangsa pencemaran ini mengambil tindakan ataupun mendapat faedah daripada undang-undang ini? Misalnya, satu kawasan perkampungan di mana pencemaran terlibat dan merosakkan tanaman orang-orang kampung atau petani-petani, bagaimanakah mereka ini menuntut kerugian daripada pencemaran? Memang ada tindakan melalui mahkamah, tetapi mampukah orang kampung atau petani yang tidak tahu apa-apa ini untuk mendapat gantirugi, menyewa ataupun mengambil peguam untuk mendapatkan pampasan mereka.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Parit Sulong bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada sahabat saya dari Sipitang, adakah Yang Berhormat juga mahu mencadangkan kepada kerajaan supaya syarikat-syarikat yang melanggar tuntutan alam sekitar juga akan

diperhatikan apabila mereka mahu disenaraikan dalam mana-mana papan Bursa Saham Kuala Lumpur. Saya bertanya soalan ini kerana di kawasan saya ada beberapa syarikat batu-bata yang memang jelas melanggar kehendak alam sekitar sehingga menyebabkan pencemaran kepada kawasan dan juga membunuh pokok-pokok di kalangan kira-kira 5 atau 6 kilometer radius, tetapi terus diizinkan untuk disenaraikan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur pada bulan depan.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat dari Parit Sulong, memang kilang-kilang ataupun syarikat-syarikat yang besar ini mereka janganlah hanya memikirkan soal keuntungan tanpa memikirkan apa yang mereka lepaskan kepada alam sekeliling. Seharusnya mereka yang menerima akibat pencemaran ini perlu dipertimbangkan untuk diberi gantirugi. Mungkin salah satu cara yang dibuat ialah pengwujudan seksyen baru iaitu Seksyen 36 yang mana kementerian akan mewujudkan tabung ataupun Kumpulan Wang Alam Sekitar.

Saya juga ingin penjelasan daripada menteri ataupun kementerian, apakah fungsi sebenar Kumpulan Wang Alam Sekitar ini, apakah ia sama fungsi seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang mana pekerja-pekerja itu mencarum dan mereka akan dapat dividen daripada caruman mereka? Bagaimanakah wang ini digunakan, sama ada ia digunakan untuk membayar cara-cara untuk menyelesaikan masalah pencemaran oleh mereka yang mencemar dan apakah wang ini digunakan untuk membayar gantirugi kepada yang saya katakan awal tadi, iaitu kepada mangsa-mangsa pencemaran? Apakah juga wang ini akan digunakan untuk perniagaan yang membolehkan lembaga ataupun kumpulan ini menambah keuntungan dalam pelaburan di tempat-tempat lain seperti KWSP?

Yang keempat, apakah kriteria untuk mengumpul kumpulan wang ini sama

ada semua kilang atau semua pengusaha ataupun cuma dikategorikan beberapa kilang sahaja ataupun beberapa industri sahaja yang perlu dikumpul dan yang perlu mencarum. Apakah industri-industri kampung, industri-industri kecil belakang rumah juga diperlukan untuk menyumbang ke arah pencaruman Kumpulan Wang Alam Sekitar (KWAS)?

Tuan Yang di-Pertua, kita memang tahu bahawa keadaan sekarang, penguatkuasaan adalah penting. Apa yang berlaku sekarang ini, walaupun kita ada undang-undang, ada akta pindaan, tetapi jikalau penguatkuasaan tidak dilaksanakan, ini juga tidak ada erti kepada kita. Apa yang saya lihat di kawasan saya, di Sabah terutamanya bahawa penguatkuasaan ini begitu lemah, tidak ada penguatkuasaan langsung di kawasan-kawasan tertentu. Dalam keghairahan kita menjadikan negara kita negara industri, soal penguatkuasaan ini perlu diambil pertimbangan sewajarnya.

Saya mohon supaya jabatan-jabatan ataupun agensi-agensi penguatkuasaan ini ditubuhkan di tiap-tiap kawasan ataupun mengikut jajahan kalau tidak daerah, agar ianya dapat dilaksanakan dengan teratur dan lancar. Mungkin masalahnya adalah kelulusan peruntukan, tetapi kerajaan haruslah melihat perkara ini secara positif, kerana ia begitu penting, tidak ada erti undang-undang kalau tidak ada penguatkuasaan.

Saya melihat bahawa Kementerian Kewangan, JPA mestilah membantu Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk mereka melaksanakan tugas-tugas yang berat dan penting ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, masa sudah suntuk. Yang Berhormat diminta sambung besok.

Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 9.30 malam.